SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

# LAPORAN TAHUNAN 2018
# ANNUAL REPORT

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

*ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION*




**INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH**

# LAPORAN TAHUNAN 2018
# ANNUAL REPORT

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

***ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION***

**© Hak cipta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan**
Hak Cipta ini adalah milik Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Anda perlu memaklumkan penggunaan.
Hak Cipta terpelihara.

***© Copyright Enforcement Agency Integrity Commission***
*The copyright of this report belongs to the Enforcement Agency Integrity Commission. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with the Commission's permission. The Commission assumes no responsibility, warranty and liability, expressed or implied by the reproduction of this publication done without the Commission's permission. Notification of such use is required.*
*All rights reserved.*

# ISI KANDUNGAN CONTENTS


| | | |
|---|---|---|
| 01 | **PERUTUSAN PENGERUSI**<br>*THE CHAIRMAN'S MESSAGE* | 5 |
| 02 | **PESURUHJAYA**<br>*THE COMMISSIONERS* | 13 |
| 03 | **MAKLUMAT KORPORAT**<br>*CORPORATE INFORMATION* | 15 |
| 04 | **ADUAN DAN SIASATAN**<br>*COMPLAINTS AND INVESTIGATION* | 23 |
| 05 | **LAWATAN KERJA DAN SESI DIALOG EAIC BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN**<br>*EAIC WORKING VISITS AND DIALOGUE SESSIONS WITH ENFORCEMENT AGENCIES* | 61 |
| 06 | **PENGAUDITAN AGENSI**<br>*AGENCY AUDIT* | 71 |
| 07 | **PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC**<br>*EMPOWERING THE EAIC INTO THE IPCMC* | 91 |
| 08 | **PROMOSI**<br>*PROMOTIONS* | 99 |
| 09 | **TADBIR URUS KORPORAT**<br>*CORPORATE GOVERNANCE* | 113 |
| 10 | **KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI EAIC**<br>*EAIC WELFARE AND RECREATION CLUB* | 119 |
| 11 | **PENGURUSAN KEWANGAN**<br>*FINANCIAL MANAGEMENT* | 125 |
| 12 | **LAMPIRAN**<br>*APPENDIXES* | 133 |



# PERUTUSAN PENGERUSI

## THE CHAIRMAN'S MESSAGE



# PERUTUSAN PENGERUSI

## CHAIRMAN'S MESSAGE

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) terus mengharungi tahun 2018 dengan cemerlang. Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga EAIC yang telah menyumbang khidmat bakti dan tenaga dalam pelaksanaan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Cabaran terbesar yang dihadapi oleh EAIC dalam melaksanakan fungsinya ialah untuk meningkatkan dan mengekalkan kelestarian integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Dalam menangani cabaran ini, EAIC pada tahun 2018 telah memperkenalkan satu kempen kesedaran

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and greetings.***

*Alhamdulillah, all praise to Allah S.W.T as it is with His blessing that the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) continued its record of excellence throughout the year 2018. I would like to personally convey my appreciation and thanks to all EAIC personnel who have contributed and served tirelessly in performing their duties towards the rakyat and the nation.*

*The greatest challenge faced by EAIC in performing its function is in increasing and maintaining the sustainability of integrity amongst the enforcement officers and their agencies. Towards this end, the EAIC in 2018 introduced an awareness campaign aptly titled Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa (Report!*

iaitu *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* yang telah dilancarkan di Terminal Bersepadu Tasik Selatan. Objektif utama kempen ini adalah untuk menggalakkan orang ramai membuat aduan kepada EAIC berbanding menularkan salah laku penguat kuasa di media sosial. Program susulan kempen *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* ini telah diadakan secara beberapa siri di seluruh negara antaranya di Port Dickson, di Hari Terbuka Maktab Polis Diraja Malaysia dan di program Hari Sukan Negara dan akan diteruskan pada masa akan datang.

*Enforcement Misconducts) which was launched at Terminal Bersepadu Tasik Selatan. The main objective of this campaign is to encourage the general public to submit a report to EAIC as opposed to creating viral social media postings about the enforcement misconduct. Follow up programmes of the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign were held in series across the country, including at Port Dickson, at the Royal Malaysian Police Academy Open Day and during the National Sports Day, and will continue to be held in the future.*

Pada masa yang sama, EAIC telah menambah baik proses operasi EAIC dengan mewujudkan beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Dasar dan Perancangan, Jawatankuasa Perundangan dan Pengauditan Agensi dan Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan yang dianggotai oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya EAIC bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian EAIC. Untuk makluman, Pesuruhjaya-pesuruhjaya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang masing-masing. Penglibatan mereka dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan itu amat berharga kerana mereka telah dapat memanfaatkan pengalaman serta ilmu yang ada pada mereka untuk memperkasakan EAIC dan juga memberi bimbingan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan EAIC untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

*The EAIC has also improved its operational process through the formation of new committees namely the Policy and Planning Committee, the Legal and Agency Audit Committee, and the Management and Finance Committee which also consists of EAIC Commissioners to increase the level of efficiency and effectiveness of EAIC's delivery system. For the public's information, our Commissioners comprise individuals with vast experience in their respective fields. Their involvement in the new committees are invaluable as they can share their knowledge and experience for the benefit of strengthening the EAIC and guiding our personnel towards service excellence.*

Program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2018 juga adalah selaras dengan Pelan Strategik 2017-2022 EAIC yang telah digubal pada tahun 2017. Kesemua objektif utama program-program yang dilaksanakan adalah bagi merealisasikan pelan strategik tersebut, dan menjadikan EAIC sebagai

*The EAIC has also planned and organised several programmes in 2018, in line with our Strategic Plan 2017-2022. The main objectives of these programmes are to realise the strategic plan and raise the level of EAIC as an organisation that excels in performing its functions.*

satu organisasi yang mantap dan unggul dalam bidang fungsinya.

Selain itu, kerjasama erat antara EAIC dengan pucuk pimpinan agensi-agensi penguatkuasaan telah membolehkan EAIC meneruskan komitmen dalam membendung salah laku pegawai penguat kuasa. Isu-isu penguatkuasaan yang semakin kompleks di era globalisasi memerlukan penglibatan aktif EAIC dengan pelbagai program yang disusun dan dijalankan bagi memastikan EAIC kekal relevan sebagai sebuah agensi peneraju pemantauan integriti penguatkuasaan. Program yang dirancang merangkumi penambahbaikan proses penerimaan dan penyiasatan aduan, menjalankan pengauditan ke premis-premis agensi penguatkuasaan termasuk lokap polis dan depot-depot tahanan imigresen melalui lawatan secara mengejut, lawatan kerja di peringkat tertinggi, negeri dan daerah. Selain itu, EAIC turut memberi penekanan terhadap program-program yang menggalakkan kesedaran dan pendidikan berhubung dengan integriti khususnya terhadap pegawai-pegawai penguat kuasa dan orang ramai secara amnya.

*Apart from these initiatives, the EAIC has also developed a strong collaborative work culture with the top management of enforcement agencies, which has gone a long way in enabling us to continue our commitment to contain and deter misconduct by enforcement officers. The increasingly complex enforcement issues in this era of globalisation requires the active involvement of the EAIC in various programmes arranged and organised to ensure we remain relevant as an agency at the forefront of enforcement integrity surveillance. Programmes planned include the improvement of the complaints receipt and investigation process, as well as on-site audits on enforcement agency premises such as police lock-ups and immigration detention depots, through surprise visits. The EAIC also has periodic working visits at the highest level as well as at the state and district level. In addition, the EAIC also stresses on integrity awareness and education programmes for the general public, and for enforcement officers, particularly.*

Impak daripada program yang dilaksanakan dapat dilihat dengan peningkatan aduan yang diterima orang ramai. Pada tahun 2018, EAIC telah menerima 579 aduan salah laku daripada orang ramai iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding dari tahun sebelumnya. Peningkatan bilangan aduan ini menunjukkan kesedaran masyarakat tentang peranan yang dimainkan oleh EAIC dalam menangani salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa agensi penguatkuasaan seliaan. Peningkatan kesedaran ini tidak akan terhasil tanpa kempen kesedaran serta publisiti meluas yang dijalankan oleh EAIC dari semasa ke semasa.

*The impact of the EAIC's programmes are evidenced by the rise in complaints received from the general public. In 2018, we received 579 reports of misconduct from the public or a 6% rise year-on-year. This rise in awareness can be attributed to the wide publicity and awareness campaigns run by the EAIC from time to time.*

Mengenai penyelesaian aduan pula, EAIC telah menyelesaikan 551 aduan sepanjang tahun 2018. EAIC juga telah membuat pendedahan awam berkaitan Kes Kematian Balamurugan a/l Suppiah dan Kes Kematian Soh Kai Chiok semasa dalam tahanan polis, serta Siasatan Ke Atas Tindakan Pihak Polis Yang Menahan Dan Menangkap Siti Zabedah Binti Kasim Yang Dikatakan Melarikan Seseorang Dalam Jagaan Pihak Yang Sah Secara Salah Serta Menghalang Penjawat Awam. Kes-kes tersebut merupakan kes-kes 'public interest' atau kes-kes yang menarik perhatian umum. Hasil siasatan dan dapatan EAIC dalam kes-kes sedemikian dimuatkan ke laman web EAIC. Orang ramai yang berminat untuk membaca laporan ini boleh memuat turun laporan versi PDF di laman web EAIC, www.eaic.gov.my.

*Moving on to complaint resolution, the EAIC saw 551 complaints resolved in 2018. The EAIC had also publicised the cases of Balamurugan a/l Suppiah's death and Soh Kai Chiok's death while in police custody, as well as the investigation into the actions of police officers who arrested and detained Siti Zabedah binti Kasim who was suspected of wrongfully detaining an individual from the care of the rightful party and obstructing a civil servant. These were the public interest cases that caught the attention of the nation and faced strong scrutiny. Our investigation and findings in these cases were uploaded onto the EAIC's website. Members of the public interested to read these reports may download them in PDF form at the EAIC website, www.eaic.gov.my.*

Sepanjang tahun 2018, EAIC telah giat mengadakan lawatan pengauditan dan pemantauan terhadap agensi-agensi penguatkuasaan seliaan. 11 sesi pengauditan ke balai dan lokap polis, depot tahanan imigresen serta pusat pemulihan dadah telah diadakan. Lawatan pengauditan ini diadakan secara mengejut bertujuan untuk mengesan dan mengenal pasti salah laku dari aspek pematuhan SOP. Laporan pengauditan ini seterusnya dikemukakan kepada Ibu Pejabat agensi dan premis agensi yang dilawati untuk pemakluman dan penambahbaikan.

*Throughout 2018, the EAIC has also held frequent audit and surveillance visits to enforcement agencies under our purview. Eleven audit sessions to police stations and lock-ups, immigration detention depots and narcotic rehabilitation centres were held. Audit visits were conducted through surprise visits to seek and identify misconducts in terms of SOP compliance. The audit report is then submitted to the agency's Head Office and the agency premises visited for their official record and improvement.*

Selain daripada lawatan pengauditan, lawatan kerja Pengerusi EAIC turut diadakan. Saya sendiri terlibat dengan lawatan kerja ke lapangan yang diadakan ke premis-premis agensi penguatkuasaan dan percaya lawatan turun padang ini memberi impak yang besar. Hasil daripada lawatan ini membolehkan isu-isu berkaitan integriti dan salah laku dibincangkan secara terbuka dan telus bersama pegawai-pegawai penguat kuasa yang

*Apart from audit visits, the EAIC Chairman's official field visits were also organised. I myself am involved in working visits to enforcement agency premises, and I believe having the involvement of top management brings a huge impact. Through these programmes, integrity issues may be spoken about openly and honestly with enforcement officers who are frequently on duty in the field and are most exposed. Input from these engagements are then forwarded*

banyak menjalankan tugas di lapangan yang lebih terdedah kepada isu-isu integriti. Input daripada lawatan-lawatan yang diadakan ini juga dipanjangkan kepada Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan melalui kunjungan hormat serta sesi dialog yang diadakan.

*to the enforcement agency's director-general through a courtesy visit or dialogue session.*

Selaras dengan fungsi EAIC untuk menggalakkan kesedaran dan pendidikan mengenai integriti, EAIC sentiasa menganjurkan program berkonsepkan penyebaran maklumat mengenai kepentingan integriti dan salah laku kepada pegawai penguat kuasa dan orang ramai. Selain pelancaran kempen *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* seperti yang dinyatakan di atas, EAIC juga meneruskan program turun padang bersama masyarakat menerusi Jejak Mesra EAIC serta EAIC & Anda. Program-program ini telah dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain. Melalui kerjasama ini, EAIC telah berjaya meletakkan pautan laman sesawang dan poster kempen *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* di laman sesawang agensi-agensi kerajaan antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam. Program promosi EAIC juga pada tahun 2018 telah meneroka fasa baru dengan berjaya memaparkan iklan EAIC di papan VMS dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia - syarikat konsensi lebuhraya serta DBKL khusus untuk pengguna jalan raya dan lebuh raya utama di Semenanjung Malaysia. Ia merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan kerana promosi itu dapat dibuat tanpa melibatkan kos di pihak EAIC. Dengan kerjasama ini juga, pada tahun 2018, EAIC telah mencecah *PR Value* sebanyak RM37,053,495.60.

*Aligned with our function to build awareness and education on integrity, the EAIC is constantly organising programmes to spread information on the importance of integrity and misconduct to enforcement officers and the general public. Apart from the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign mentioned above, the EAIC has also continued community visit programmes through our Jejak Mesra EAIC and the EAIC & Anda initiatives, organised in conjunction with other government agencies. Through these collaborations, EAIC has successfully placed a web link and poster for the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign in government agencies' websites, such as that of Public Service Department. An EAIC promotional programme has also held in 2018 as we embarked on a new phase by successfully placing advertisements on VMS boards targeted to Peninsular Malaysia highway and road users, in conjunction with the Malaysian Highway Authority, highway concessionaires and DBKL. This is an achievement of much pride for the EAIC as these promotions were at no cost to us, despite going a long way to push our PR value to RM37,053,495.60.*

Seperti yang umum sedia maklum, pada 21 September 2018 yang lalu Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan untuk memperkasakan EAIC menjadi Suruhanjaya Bebas Aduan Salah

*As the public is aware, on 21 September 2018, the Prime Minister YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad announced the government's intention to strengthen the EAIC by transforming it into the Independent Police Complaints of Misconduct*

Laku Polis / *Independent Police Complaints of Misconduct Commission* (IPCMC). Semua ahli Suruhanjaya menyambut baik keputusan ini dan berharap organisasi yang bakal dibentuk nanti akan dapat membanteras salah laku pegawai penguat kuasa. Pada peringkat ini, EAIC sedang menggubal satu Rang Undang-undang (RUU) IPCMC yang dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Parlimen akan datang. Untuk itu, EAIC telah mengadakan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah serta Jabatan Perkhidmatan Awam dalam memastikan satu RUU IPCMC yang komprehensif dapat dibentuk.

*Commission (IPCMC) / Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis. This decision was received well by all Commission members, and we are hopeful that the new organisation to be established will be able to effectively crack down on enforcement misconducts. At this stage, the EAIC is currently drafting the IPCMC Bill which is expected to be tabled at the upcoming Second Parliamentary Session. Towards this end, the EAIC has had discussions with all relevant stakeholders including the Home Ministry, the Royal Malaysian Police, the Attorney General's Chambers, the Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre and the Public Service Department in drafting a comprehensive IPCMC Bill.*

Bagi memastikan hasrat kerajaan ini berjaya direalisasikan, EAIC telah menyusun dan merancang strategi pada tahun 2019 dengan mengambil kira perubahan EAIC yang akan diperkasakan menjadi IPCMC sebagai agensi yang memantau anggota dan pegawai polis. Justeru, fokus EAIC pada tahun 2019 akan lebih tertumpu kepada agensi penguatkuasaan utama ini. Antara program yang akan diadakan termasuklah lawatan pengauditan ke balai dan lokap polis, mewujudkan bank data yang memudahkan rujukan oleh pegawai EAIC, mengadakan lawatan kerja serta program-program menggalakkan kesedaran integriti.

*To ensure this Government initiative is realised, the EAIC has strategised for 2019, taking into consideration the changes we shall face in transforming into the IPCMC as the agency responsible for the oversight of police officers and personnel. Therefore, the EAIC's focus for 2019 will be towards this main enforcement agency. Among the initiatives to be held include audit visits to police stations and lock-ups, establishment of a data bank for EAIC officials' ease of reference, working visits and other integrity awareness programmes.*

Saya ingin menegaskan bahawa EAIC dengan sedaya upaya akan mempertahankan dan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa melalui siasatan kes salah laku dan pengesyoran kepada agensi selaras dengan fungsinya. EAIC akan berusaha meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa serta mengubah persepsi negatif orang awam terhadap pegawai penguat kuasa melalui punca kuasa Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700).

*I would like to stress that the EAIC will work its hardest to defend and continue efforts to raise the level of integrity among Malaysian enforcement officers through investigations of misconducts and recommendations to agencies based on their respective functions. The EAIC will take appropriate measures to raise the integrity of enforcement officers as well as alter the negative public perception on them through the powers vested in us by Enforcement Agency Integrity Commission Act 200 (Act 700).*

Akhir kata, saya ingin meluahkan rasa syukur kerana diberi peluang dan kepercayaan untuk menerajui organisasi yang bermatlamat untuk meningkatkan integriti dan mencegah salah laku pengawai penguat kuasa. Ini semua tidak akan tercapai tanpa sokongan dedikasi dan sifat keadilan yang ditunjukkan oleh ahli Suruhanjaya serta anggota kerja yang rajin, bersemangat dan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat organisasi. Bagi pihak EAIC, saya berharap kerjasama yang berterusan ini akan terus diberikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, badan-badan bukan Kerajaan khususnya orang ramai dalam membantu EAIC melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif dan efisien.

*Lastly, I would like to convey my appreciation for being given this opportunity and trust to lead such an esteemed organisation with the noble intention to raise integrity and crack down on enforcement misconduct. None of this would be possible without the dedicated support and duty of justice show by all Commissioners and Commission personnel who have worked tirelessly, with vigour and always with the objectives of the Commission in mind. On behalf of the EAIC, I hope to see the continued collaboration by all enforcement agencies, Non-Governmental Organisations and especially the public, in helping the EAIC perform its functions more effectively and efficiently.*

# PESURUHJAYA
THE COMMISSIONERS

# PESURUHJAYA THE COMMISSIONERS






1. **YBHG. DATUK A. AZIZ A. RAHIM**
   (Bekas Hakim Mahkamah Rayuan / *Ex-Court of Appeal Judge*)
   Pengerusi / *Chairman*

2. **YBRS. PUAN LEONG MAY CHAN**
   (Peguambela dan Peguamcara di Tetuan May Leong & Co. / *Advocate and Solicitor at Messr May Leong & Co.*)
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

3. **YBRS. ENCIK LEE SOW SIONG**
   (Peguambela dan Peguamcara di Tetuan K.F. Wong & Lee / *Advocate and Solicitor at Messrs K.F. Wong & Lee.*)
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

4. **YBHG. DATO' SABARIAH HASSAN**
   (Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat / *Ex-Secretary General at the Ministry of Women, Family and Community Development*)
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

5. **YBRS. ENCIK JAMES NAYAGAM**
   (Bekas Pesuruhjaya SUHAKAM / *Ex- Commissioner of SUHAKAM*)
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

6. **YBRS. PROF. MADYA DR. ABANG EKHSAN ABANG OTHMAN**
   (Pengarah, Canselori dan Perhubungan Antarabangsa UNIMAS / *Director, Chancellery & International Relations Office of UNIMAS*)
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

# MAKLUMAT KORPORAT

## CORPORATE INFORMATION

# **PENERANGAN LOGO** LOGO EXPLANATION

3 bentuk yang diolah dari kuku harimau yang menunjukkan keberanian melindungi kepentingan orang ramai. 3 bentuk yang bertindih tersebut menunjukkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai, dan agensi- agensi penguatkuasaan;

*The tiger claw figuration in the logo symbolises the Commission's intrepidity in protecting public interest. These shapes which intersect with each other reflect the co-operation amongst the Commission, the public at large and the enforcement agencies in inculcating integrity;*

3 warna iaitu merah, emas dan hitam adalah simbolik kepada EAIC ini;

*The 3 colours which are red, gold and black symbolize the Commission:*

Warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan;

*Red reflects the assertiveness and firmness of the Commission in forging integrity amongst the enforcement agencies;*

Warna emas melambangkan EAIC memandang berat dan menganggap penting setiap fungsi yang diamanahkan kepada EAIC melibatkan integriti; dan

*Gold reflects the Commission's seriousness in executing its functions;*

Warna hitam melambangkan keberanian EAIC dalam bertindak tanpa rasa takut dan bimbang; dan

*Black reflects the Commission's boldness in acting dutifully without fear or favour; and*

3 bucu tepat bertembung menunjukkan EAIC yang mengamalkan ketegasan, ketelusan, dan efisien dalam melaksanakan tugas.



*The edge of the tiger claws that meet each other reflects the Commission's assertiveness, transparency and efficiency in carrying out its duties.*

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

*Pioneer in enforcing, transforming and inculcating integrity amongst the Malaysian Enforcement Agencies based on professionalism and best practices.*




Telus, Tegas dan Efisien

*Assertive, Transparent, Efficient*

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti di kalangan agensi penguatkuasaan melalui pengendalian aduan secara telus, berani, bertanggungjawab dan profesional.

*Strengthening the service delivery system with integrity amongst the enforcement agencies through the managementof complaints and investigations in a transparent, bold, dutiful and professional manner.*

(a) Menerima, menyiasat dan memutuskan semua aduan yang diterima secara adil, saksama dan telus berdasarkan kuasa yang diberikan oleh undang-undang dalam tempoh masa 6 hingga 12 bulan dari tarikh aduan diterima.
*(a) To receive, investigate, and decide all complaints in a fair, equitable and transparent manner based on the power conferred by law within six to twelve months from the date of the complaint receipt;*

(b) Menyemak, mengaudit dan melengkapkan cadangan penambahbaikan terhadap sistem atau tatacara kerja dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh dokumen dan maklumat diterima.
*(b) To review, audit, and provide recommendations for improvements to the system and work procedure within 90 working days from the date of document and information received; and*

(c) Memaklumkan kepada pengadu keputusan muktamad Suruhanjaya ke atas aduan yang diputuskan dalam masa 3 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Suruhanjaya.
*(c) To ensure that the findings by the Commission be presented to the complainant within 3 days of the Commission Meeting.*

# **OBJEKTIF** OBJECTIVES

(a) Menerima, mengurus dan menyiasat setiap aduan berhubung salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dengan cekap, adil, telus dan berkesan;

*a) To receive, manage, and investigate every complaint of misconduct in enforcement agencies and their officers in an efficient, fair, transparent, and effective manner;*

(b) Mencapai kecemerlangan operasi penyampaian perkhidmatan melalui inovasi, teknologi dan saluran yang efisien;

*b) To achieve operational excellence in service delivery through innovation, technology and efficient channels;*

(c) Memfokuskan pengurangan kes- kes salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dari semasa ke semasa;

*c) To focus on the reduction of misconduct cases among enforcement officers and law enforcement agencies;*

(d) Menggalakkan kesedaran dan melaksanakan penambahbaikan melalui program-program pendidikan dan tindakan-tindakan pencegahan;

*d) To promote awareness and the implemention of improvements through educational programmes and prevention methods;*

(e) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah-langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan;

*e) To assist the Government in formulating legislation and to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency;*

(f) Menyemai amalan tadbir urus yang baik di dalam agensi penguatkuasaan melalui pendidikan berterusan; dan

*f) To inculcate good governance practices in law enforcement agencies through continuous education; and*

(g) Membangun dan memelihara imej yang cemerlang.

*g) To establish and maintain an excellent image.*

# **FUNGSI** FUNCTIONS

Fungsi statutori EAIC yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah :

*The functions of the Commission as provided under section 4 (1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] are:*

(a) Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;

*a) To receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;*

(b) Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;

*b) To formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;*

(c) Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;

*c) To protect the interest of the public by preventing and dealing with misconduct of enforcement officers;*

(d) Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;

*d) To provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of an enforcement agency;*

(e) Menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

*e) To promote awareness of, enhancement of, and education in relation to, integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct amongst enforcement officers;*

(f) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

*f) To assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the abolishment of misconduct amongst enforcement officers;*

(g) Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan

*g) To study and verify any infringement of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and*

(h) Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

*h) To make site visits to the premises of an enforcement agency, including visiting police stations and lockups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.*


NILAI-NILAI BERSAMA
SHARED VALUE
01
Pembelajaran dan Pengetahuan
Learning And Knowledge
02
Espirit De Corps
Espirit De Corps
03
Dedikasi
Dedication
04
Inovasi
Innovation
05
Profesionalisme
Professionalism
06
Integriti
Integrity

# PENGURUSAN EKSEKUTIF
## EXECUTIVE MANAGEMENT





# ADUAN DAN SIASATAN

## COMPLAINTS AND INVESTIGATION

# **STATISTIK** STATISTIC

Jumlah aduan yang diterima oleh EAIC pada tahun 2018 adalah sebanyak 551 aduan. Pecahan aduan tersebut boleh dirujuk sebagaimana rajah-rajah di bawah.

*The EAIC received a total of 551 complaints in 2018. The breakdown of the complaints are detailed in the charts below.*




Carta Pai 1: Pecahan Penerimaan Aduan bagi Tahun 2018
*Pie Chart 1: Breakdown of Complaints Received in 2018*




Graf Bar 1: Perbandingan Pecahan Aduan bagi Tahun 2017 dan 2018
*Bar Graph 1: Comparison of Breakdown of Complaints Received in 2017 and 2018*

**Jadual 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2016-2018**
***Table 1: Breakdown of Complaints Registered by Enforcement Agency from 2016-2018***

| AGENSI *AGENCY* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2016 | 2017 | 2018 |
| Polis Diraja Malaysia<br>*Royal Malaysian Police* | 307 | 440 | 477 |
| Jabatan Imigresen Malaysia<br>*Malaysian Immigration Department* | 26 | 20 | 38 |
| Jabatan Pengangkutan Jalan<br>*Road Transport Department* | 13 | 13 | 9 |
| Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan<br>*Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* | 15 | 17 | 9 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia<br>*Royal Malaysian Customs Department* | 9 | 8 | 11 |
| Jabatan Pendaftaran Negara<br>*National Registration Department* | 3 | 7 | 11 |
| Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Penguatkuasaan)<br>*Ministry of Housing and Local Government (Enforcement)* | 2 | 3 | 3 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Penguatkuasaan)<br>*Ministry of Health (Enforcement Division)* | 5 | 4 | 0 |
| Jabatan Alam Sekitar<br>*Department of Environment* | 5 | 5 | 2 |
| Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia<br>*Malaysian Maritime Enforcement Agency* | 4 | 2 | 1 |
| Agensi Antidadah Kebangsaan<br>*National Anti-Drugs Agency* | 4 | 6 | 5 |
| Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia<br>*Volunteers Department of Malaysia (RELA)* | 1 | 1 | 1 |
| Jabatan Tenaga Kerja<br>*Department of Labour* | 3 | 7 | 6 |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan<br>*Department of Industrial Relations* | 0 | 0 | 1 |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan<br>*Department of Occupational Safety and Health (DOSH)* | 3 | 4 | 3 |
| Jabatan Perikanan<br>*Department of Fisheries* | 1 | 3 | 0 |
| Kementerian Pelancongan Malaysia (Unit Penguatkuasaan Bahagian Perlesenan)<br>*Ministry of Tourism, Arts and Culture (Licensing Division Enforcement Unit)* | 3 | 0 | 0 |
| Jabatan Penerbangan Awam<br>*Civil Aviation Authority of Malaysia* | 0 | 1 | 0 |
| Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara<br>*Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN)* | 0 | 0 | 1 |
| Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Sabah)<br>*Sabah Commercial Vehicle Licensing Board* | 1 | 0 | 0 |
| Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Sarawak)<br>*Sarawak Commercial Vehicle Licensing Board* | 0 | 0 | 0 |
| Agensi Di Luar Bidang Kuasa<br>*Agencies outside of the EAIC's jurisdiction* | 65 | 5 | 1 |
| Jumlah Keseluruhan<br>***Total*** | 470 | 546 | 579 |

**Jadual 2: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Negeri Tahun 2018**
*Table 2: Breakdown of Complaints Registered by State for 2018*




**Jadual 3: Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Ke Atas Aduan Yang Diterima**
*Table 3: Commission Meeting Decision on Complaints Received*

| **KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA** *COMISSION MEETING DECISION* | **BILANGAN ADUAN** *NUMBER OF COMPLAINTS* | | |
|---|---|---|---|
| **TAHUN** *YEAR* | **2016** | **2017** | **2018** |
| Ditolak *Rejected* | 218 | 200 | 366 |
| Dirujuk Kepada SPRM *Referred to MACC* | 6 | 5 | 8 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) *Referred to Disciplinary Board (PBT)* | 9 | 8 | 28 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) PDRM Dan SPRM *Referred to PDRM and MACC Disciplinary Board (PBT)* | 4 | 0 | 1 |
| Siasatan Penuh *Full Investigation* | 96 | 119 | 175 |

**Jadual 4: Jumlah Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Agensi Dari Tahun 2016 Sehingga Tahun 2018**
***Table 4: Total Investigation Papers Commenced by Agency from 2016 to 2018***

| **AGENSI** ***AGENCY*** | **TAHUN** ***YEAR*** | | |
|---|---|---|---|
| | **2016** | **2017** | **2018** |
| Polis Diraja Malaysia *Royal Malaysian Police* | 84 | 108 | 166 |
| Jabatan Imigresen Malaysia *Malaysian Immigration Department* | 6 | 7 | 6 |
| Jabatan Pengangkutan Jalan *Road Transport Department* | 2 | 5 | 4 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia *Royal Malaysian Customs Department* | 1 | 1 | 0 |
| Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan *Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* | 5 | 1 | 2 |
| Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia *Malaysian Maritime Enforcement Agency* | 2 | 1 | 1 |
| Jabatan Pendaftaran Negara *National Registration Department* | 2 | 2 | 3 |
| Jabatan Perikanan *Department of Fisheries* | 1 | 0 | 0 |
| Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan) *Ministry of Housing and Local Government (Enforcement)* | 0 | 1 | 0 |
| Jabatan Tenaga Kerja *Department of Labour* | 0 | 0 | 0 |
| Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) *Volunteers Department of Malaysia (RELA)* | 1 | 0 | 0 |
| Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan) *Ministry of Health (Enforcement Division)* | 0 | 0 | 0 |
| Jabatan Alam Sekitar *Department of Environment* | 0 | 0 | 0 |
| Agensi Anti Dadah Kebangsaan *National Anti-Drugs Agency* | 1 | 0 | 4 |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan *Department of Industrial Relations* | 0 | 0 | 0 |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan *Department of Occupational Safety and Health (DOSH)* | 0 | 1 | 0 |
| Kementerian Perlancongan Malaysia (Unit Penguatkuasaan Bahagian Perlesenan) *Ministry of Tourism, Arts and Culture (Licensing Division Enforcement Unit)* | 0 | 1 | 0 |
| Jabatan Penerbangan Awam *Civil Aviation Authority of Malaysia* | 0 | 0 | 0 |
| Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara *Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN)* | 0 | 0 | 1 |
| **Jumlah** ***Total*** | **105** | **128** | **187** |

**Jadual 5: Pecahan Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Negeri bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018**
*Table 5: Breakdown of Investigation Papers Commenced by State for 2016 to 2018*

| Negeri *State* | Tahun *Year* | | |
|---|---|---|---|
| | 2016 | 2017 | 2018 |
| Selangor | 19 | 30 | 53 |
| WP Kuala Lumpur | 17 | 30 | 38 |
| Pulau Pinang | 10 | 8 | 10 |
| Perak | 10 | 7 | 19 |
| Kedah | 5 | 6 | 7 |
| Pahang | 10 | 9 | 7 |
| Johor | 6 | 4 | 17 |
| Negeri Sembilan | 7 | 2 | 8 |
| WP Putrajaya | 5 | 16 | 4 |
| Sabah | 8 | 6 | 6 |
| Perlis | 3 | 2 | 2 |
| Kelantan | 3 | 2 | 11 |
| Melaka | 0 | 0 | 1 |
| Terengganu | 2 | 0 | 1 |
| Sarawak | 0 | 6 | 3 |
| WP Labuan | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah** ***Total*** | **105** | **128** | **187** |

**Jadual 6: Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya selepas Siasatan Penuh bagi Tahun 2018**
*Table 6: Commission Meeting Decision pursuant to Full Investigations in 2018*

| KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA *COMMISSION MEETING DECISION* | 2018 |
|---|---|
| Ditolak / tidak dapat disahkan [s30(1)(a)] *Rejected / cannot be endorsed [s30(1)(a)]* | 63 |
| Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) [s30(1)(b)] *Referred to Disciplinary Board (PBT) [s30(1)(b)]* | 14 |
| Dirujuk kepada Pendakwa Raya [s30(1)(c)] *Referred to the Public Prosecutor [s30(1)(c)]* | 0 |
| Dirujuk kepada SPRM [s27(2)] *Referred to MACC [s27(2)]* | 5 |
| Surat teguran secara pentadbiran *Reprimand letter via administration* | 18 |
| Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) [s30(1)(b)] & surat teguran secara pentadbiran *Referred to the Disciplinary Board (PBT) [s30(1)(b)] & reprimand letter via administration* | 7 |
| **Jumlah** ***Total*** | **107** |

**Jadual 7: Status Kertas Siasatan Yang Disiasat EAIC**
***Table 7: Status of Investigation Papers by the EAIC***

| Keputusan Suruhanjaya *Commission Decision* | Tahun *Year* | | | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|
| | 2016 | 2017 | 2018 | |
| Jumlah Kertas Siasatan Yang Dibuka *Total Investigation Papers Commenced* | 105 | 128 | 175 | 408 |
| Jumlah Kertas Siasatan Selesai *Total Investigation Papers Closed* | 102 | 88 | 3 | 193 |
| Jumlah Kertas Siasatan Yang Belum Selesai *Total Investigations Papers Active* | **3** | **40** | **172** | **215** |

**Jadual 8: Maklumbalas Tindakan Tatatertib Oleh Pihak Berkuasa Tatatertib PDRM Berdasarkan Syor EAIC bagi Tahun 2016-2018**
***Table 8: Feedback on Disciplinary Action by the PDRM Disciplinary Board Based on Recommendation by the EAIC in 2016 to 2018***

| Bil *No.* | Syor EAIC Kepada PBT *EAIC Recommendation to the Disciplinary Board* | Jumlah *Total* | JUMLAH TINDAKAN TATATERTIB YANG DIAMBIL OLEH PBT BERDASARKAN SYOR EAIC *TOTAL DISCIPLINARY ACTION BY THE DISCIPLINARY BOARD BASED ON EAIC RECOMMENDATIONS* | | | | | | | | | | | Belum Terima Keputusan PBT *No Disciplinary Board Decision Yet* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | NFA *NFA* | Surat Teguran *Reprimand Letter* | Amaran *Warning* | Surat Teguran Dan Amaran *Reprimand Letter and Warning* | Lucut Hak Emolument Dan Amaran *Forfeiture of Emoluments and Warning* | Denda 1 Hari Gaji *Fine 1 Day's Salary* | Denda RM 150 *Fine RM 150* | Denda RM 50 & Amaran *Fine RM 50 & Warning* | Denda 2 Hari Gaji *Fine 2 Days' Salary* | Denda 5 Hari Gaji *Fine 5 Days' Salary* | Tiada Tindakan *No Action* | |
| 1 | Tatatertib Yang Setimpal *Fair Disciplinary Action* | 9 | | 3 | 2 | | | | | | | | | 4 |
| 2 | Amaran [Per 38(a) PPPA (K&T) 1993] *Warning [Para 38(a) PO (C&D) R 1993]* | 18 | 2 | 3 | 5 | 1 | | | | | | | 1 | 6 |
| 3 | Lucut Hak Emolumen Selama 3 Bulan [Per 38(c) PPPA (K&T) 1993] *Forfeiture of Emolument for 3 Months [Para 38(c) PO (C&D) R 1993]* | 1 | | | | | | | | | | | | 1 |
| 4 | Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan [Per 38(d) PPPA (K&T) 1993] *3-Month Deferment of Salary Increment [Para 38(d) PO (C&D) R 1993]* | 31 | 2 | 8 | 12 | | | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | 4 |
| 5 | Tangguh Pergerakan Gaji 6 Bulan [Per 38(d) PPPA (K&T) 1993] *6-Month Deferment of Salary Increment [Para 38(d) PO (C&D) R 1993]* | 8 | 1 | 2 | 2 | | | 1 | | | 1 | | | 1 |
| 6 | Tangguh Pergerakan Gaji 2 Bulan [Per 38(d) PPPA (K&T) 1993] *Deferred Salary for 2 Months [Para 38(d) PO (C&D) R 1993]* | 1 | | | | | | | | | | | | 1 |
| 7 | Turun Gaji [Per 38(e) PPPA (K&T) 1993] *Salary Cut [Para 38(e) PO (C&D) R 1993]* | 1 | | 1 | | | | | | | | | | |
| 8 | Buang Kerja [Per 38(g) PPPA (K&T) 1993] *Dismissal [Para 38(g) PO (C&D) R 1993]* | 3 | | | 1 | | 1 | | | | | | | 1 |
| 9 | Salahlaku Tidak Dapat Disahkan *Misconduct Cannot Be Verified* | 1 | | 1 | | | | | | | | | | |
| | **JUMLAH** ***TOTAL*** | 73 | 5 | 18 | 22 | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 18 |

**Jadual 9 : Maklumbalas Tindakan Tatatertib Oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Lain-Lain Agensi Berdasarkan Syor EAIC bagi Tahun 2016-2018**
*Table 9: Feedback on Disciplinary Action by Disciplinary Board of Other Agencies Based on Recommendations by the EAIC in 2016-2018*

| Bil | Syor EAIC Kepada PBT<br>*EAIC Recommendation to the Disciplinary Board* | Agensi<br>*Agency* | Jumlah<br>*Total* | Jumlah Tindakan Tatatertib yang diambil oleh PBT berdasarkan syor EAIC<br>*Total Disciplinary Action By The Disciplinary Board Based On EAIC Recommendations* | | | | | Belum Terima Keputusan PBT<br>*No Disciplinary Board Decision Yet* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | NFA<br>*NFA* | Surat Teguran<br>*Reprimand Letter* | Amaran<br>*Warning* | Denda 1 Hari Gaji<br>*Fine 1 Day's Salary* | Denda RM 150<br>*Fine RM 150* | |
| 1 | Tatatertib Yang Setimpal<br>*Fair Disciplinary Action* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Lucut Hak Emolumen Bersekali Turun Pangkat<br>*Forfeiture of Emolument with Demotion* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Gantung Kerja<br>*Suspension* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Amaran [Per 38(a) PPPA (K&T) 1993]<br>*Warning [Para 38(a) PO (C&D) R 1993]* | JKDM<br>*RCDM* | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | | JIM<br>*MID* | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | | JPJ<br>*RTD* | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 |
| | | JPN<br>*NRD* | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 5 | Denda [Per 38(b) PPPA (K&T) 1993]<br>*Fine [Para 38(b) PO (C&D) R 1993]* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Lucut Hak Emolumen Selama 6 Bulan [Per 38(c) PPPA (K&T) 1993]<br>*Forfeiture of Emolument for 6 Months [Para 38(c) PO (C&D) R 1993]* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan [Per 38(d) PPPA (K&T) 1993]<br>*3-Month Deferment of Salary Increment [Para 38(d) PO (C&D) R 1993]* | JPN<br>*NRD* | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| | | JPJ<br>*RTD* | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | | AADK<br>*NADA* | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Tangguh Pergerakan Gaji 6 Bulan [Per 38(d) PPPA (K&T) 1993]<br>*6-Month Deferment of Salary Increment [Para 38(d) PO (C&D) R 1993]* | JTK<br>*DOL* | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| | | JPN<br>*NRD* | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 9 | Turun Gaji [Per 38(e) PPPA (K&T) 1993]<br>*Salary Cut [Para 38(e) PO (C&D) R 1993]* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Turun Pangkat [Per 38(f) PPPA (K&T) 1993]<br>*Demotion [Para 38(f) PO (C&D) R 1993]* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Buang Kerja [Per 38(g) PPPA (K&T) 1993]<br>*Dismissal [Para 38(g) PO (C&D) R 1993]* | - | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | **JUMLAH**<br>***TOTAL*** | - | 11 | 2 | 1 | 4 | 0 | 0 | 4 |
| | | | | 7 | | | | | |

**Jadual 10: Jumlah Syor EAIC Kepada PBT Bagi Tindakan Tatatertib bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018**
*Table 10: Total EAIC Recommendations to Disciplinary Boards for Disciplinary Action in 2016 to 2018*

| Perkara *Item* | Agensi *Agency* | Tahun KS Diputuskan Mesyuarat Suruhanjaya *Investigation Paper Decision by Commission Meeting* | | | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2016 | 2017 | 2018 | |
| **Jumlah Syor EAIC Kepada PBT** *Total EAIC Recommendations to Disciplinary Boards* | PDRM *PDRM* | 40 | 15 | 18 | 73 |
| | Lain-Lain Agensi *Other Agencies* | 5 | 1 | 5 | 11 |
| **JUMLAH** ***TOTAL*** | | **45** | **16** | **23** | **84** |

Berdasarkan rekod penerimaan aduan bagi tahun 2018, trend peningkatan aduan masih berterusan seperti tahun-tahun sebelumnya. EAIC mencatatkan kenaikan 0.9% aduan iaitu sebanyak 551 aduan berbanding 546 aduan yang diterima pada tahun 2017.

*Based on the EAIC's record of complaints received in 2018, the increasing trend of complaints continues as in the prior years. The EAIC recorded an increase of 0.9% in complaints or 551 complaints against the 546 received in 2017.*

Peningkatan jumlah aduan yang diterima ini menunjukkan bahawa masyarakat semakin peka terhadap fungsi dan peranan EAIC berikutan aktiviti-aktiviti promosi, kempen kesedaran dan pendedahan awam oleh EAIC berkaitan kes-kes siasatan yang memperlihatkan keyakinan orang ramai terhadap peranan yang efektif dimainkan oleh EAIC.

*This increase in total complaints received shows that the general public are increasingly aware of the functions and roles of the EAIC, following the promotional activities, awareness campaigns and public disclosures by the EAIC regarding its investigation cases, which indicates the public's confidence in the effective role of the EAIC.*

Dari segi jumlah aduan yang didaftarkan mengikut agensi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencatatkan peningkatan jumlah aduan tertinggi iaitu sebanyak 477 aduan. Peningkatan aduan juga dapat dilihat terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Perincian aduan melibatkan agensi boleh dirujuk dalam di Jadual 1.

*In terms of total complaints received by agency, the Royal Malaysian Police (PDRM) recorded the highest increase of 477 complaints. Increases are also seen in complaints against the Malaysian Immigration Department (MID), the Royal Malaysian Customs Department (RMCD) and the National Registration Department (NRD). A detailed breakdown of the number of complaints by agencies may be referred to in Table 1.*

Dari segi trend penerimaan aduan, kebanyakan pengadu hadir sendiri ke pejabat EAIC yang terletak di Bangunan Menara Usahawan, Putrajaya untuk membuat aduan. Perkara ini selari dengan jumlah aduan yang paling

*In terms of the trend of complaints received, most complainants report in person to the EAIC's head office in Menara Usahawan, Putrajaya to lodge a complaint. This is in line with the highest number of complaints recorded from*

banyak diterima adalah dari kawasan Lembah Klang. Selain itu, EAIC turut menerima aduan melalui surat rasmi dan platform e-aduan yang baharu diperkenalkan. EAIC juga turut menerima melalui e-mel, media massa, laman sosial seperti *facebook* dan rujukan daripada agensi Kerajaan yang lain kepada EAIC.

*the Klang Valley. Apart from this, the EAIC also received complaints from formal letters and our newly-introduced e-complaint platform. The EAIC also received complaints through e-mail, mass media, social network pages such as facebook and referrals from other Government agencies.*

Mesyuarat Suruhanjaya telah memutuskan 578 aduan pada tahun 2018. Selepas mempertimbangkan aduan dengan mengambil kira penilaian dan siasatan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya, sejumlah 366 telah ditolak sama ada kerana aduan itu tidak berasas, aduan melibatkan agensi di luar bidang kuasa EAIC atau aduan tersebut tidak dapat disahkan kesahihannya. Bagi aduan yang diterima, sebanyak 175 aduan telah dibuat siasatan penuh, 29 aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) dan 9 aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perinciannya boleh dirujuk dalam Jadual 3.

*The Commission Meeting decided 578 complaints in 2018. After deliberating complaints, having taken into account the assessment and investigation presented before them, a total of 366 complaints were declined because they were baseless complaints, complaints regarding agencies outside the jurisdiction of the EAIC, or they were complaints of unverifiable legitimacy. For complaints accepted, full investigations were commenced against 175 of them, 29 complaints were referred to Disciplinary Boards (PBT) and 9 complaints were referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). The details of these complaints may be referred to in Table 3.*

Pada tahun ini, EAIC telah membuka dan mengendalikan 175 Kertas Siasatan (KS) yang melibatkan aduan-aduan yang diterima pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Terdapat peningkatan 37% berbanding jumlah KS yang dibuka pada tahun 2017 iaitu 128 KS. Bagi tahun 2018 sahaja, EAIC telah menyelesaikan 107 siasatan yang melibatkan KS yang dibuka pada tahun 2016, 2017 dan 2018 dan sebanyak 215 KS yang belum diselesaikan. Perinciannya boleh dirujuk sebagaimana Jadual 6 dan Jadual 7.

*In this year, the EAIC has commenced and conducted 175 Investigation Papers (IP) involving all accepted complaints from 2016 to 2018. There was an increase in 37% of IP compared to the 128 IP commenced in 2017. In 2018 alone, the EAIC concluded 107 investigations involving IP commenced in 2016 to 2018, with 215 IP outstanding and unresolved. Details of the breakdown may be referred to in Tables 6 and 7.*

Merujuk kepada Jadual 2 dan Jadual 5, Negeri Selangor masih mencatatkan jumlah penerimaan aduan tertinggi dengan 159 aduan, diikuti WP Kuala Lumpur berjumlah 112 aduan dan Perak dengan 47 aduan. Jumlah penerimaan aduan tertinggi adalah daripada orang ramai khususnya yang tinggal di sekitar Lembah

*Referring to Tables 2 and 5, Selangor still records the highest number of complaints received at 159, followed by FT Kuala Lumpur at 112 and Perak at 47. The highest number of complaints received is from the general public, particularly those residing in the Klang Valley who prefer to appear in person at the EAIC's head office to*

Klang yang cenderung untuk datang terus ke pejabat EAIC bagi melaporkan aduan salah laku. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang berada di luar kawasan Lembah Klang, platform e-aduan menyaksikan peningkatan kerana memudahkan orang ramai yang mempunyai askes internet untuk membuat aduan. Selain itu, jumlah KS yang dibuka menunjukkan negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi, diikuti dengan WP Kuala Lumpur dan Perak. Perkara ini adalah selari dengan jumlah penerimaan aduan tertinggi yang dicatatkan negeri-negeri tersebut.

*report their complaint. However, those outside of the Klang Valley preferred utilising the EAIC's e-complaint platform, which witnessed a significant increase in complaints received. Additionally, the number of IP commenced shows that Selangor recorded the highest followed by FT Kuala Lumpur and Perak, which is in line with the highest number of complaints received by state.*

Pada masa yang sama, EAIC juga telah melengkapkan siasatan kes kematian Soh Kai Chiok semasa dalam tahanan Polis di Lokap Balai Polis Triang, IPD Bera, Pahang dan kes kematian Balamurugam a/l Suppiah semasa dalam penjagaan IPD Klang Utara yang telah dibuat hebahan awam pada 18 Januari 2018. EAIC juga telah menyelesaikan siasatan ke atas tindakan pihak polis yang menahan dan menangkap Siti Zabedah Binti Kasim yang dikatakan melarikan seseorang dalam jagaan pihak yang sah secara salah serta menghalang penjawat awam. Ketiga-tiga laporan siasatan tersebut boleh diakses di laman web www.eaic.gov.my. Bagi menyelesaikan setiap aduan yang diterima, EAIC perlu merujuk kepada agensi penguatkuasaan berkaitan untuk mendapatkan maklum balas atau tindakan susulan agensi-agensi yang terbabit terhadap aduan yang dilaporkan. Pada peringkat penilaian aduan atau siasatan, secara keseluruhannya EAIC mendapati agensi-agensi penguatkuasaan telah memberikan kerjasama yang baik dengan memberikan maklum balas yang diperlukan oleh EAIC dalam tempoh yang ditetapkan.

*The EAIC has also concluded the investigation into the death in custody of Soh Kai Chiok while in detention of the Polis at the Triang Police Station Lock-up, IPD Bera, Pahang and the case of the death in custody of Balamurugam a/l Suppiah while in detention at IPD Klang Utara which was publicised on 18 January 2018. The EAIC has also concluded the investigation on the action by the police to arrest and detain Siti Zabedah Binti Kasim who was suspected of abducting an individual from the care of the rightful party and obstructing a public servant from performing his duties. All three investigation reports may be accessed at the EAIC's website www.eaic.gov.my. To resolve all complaints received, the EAIC has to refer to the enforcement agency in question and seek their feedback or the further action taken by the agency against the complaint received. At the initial stage of assessing complaints or investigations, overall the EAIC finds that enforcement agencies are cooperative and provide the feedback sought after in a timely manner.*

Namun, masih terdapat 24% daripada jumlah keseluruhan maklum balas yang diterima oleh EAIC melebihi masa yang ditetapkan.

*However, 24% of total feedback received by the EAIC was received after the deadline given. This issue is mainly centred around the delay*

Hal ini terutamanya melibatkan kelewatan PDRM memberikan maklum balas berhubung status tindakan PDRM dan permohonan EAIC bagi mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk siasatan. Situasi tersebut secara tidak langsung telah menyumbang kelewatan kepada EAIC menyelesaikan aduan. Selain itu, terdapat juga kelewatan PDRM dalam memaklumkan kepada EAIC tentang status tindakan PBT dan alasan mengenai keputusannya sebagaimana diperuntukkan oleh subseksyen 30(2) Akta 700 dan Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 21 Julai 2015 mengenai Usaha Meningkatkan Keberkesanan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) Melalui Pematuhan Pengesyoran Yang Dikemukakan Oleh SIAP.

*by PDRM in providing feedback regarding the status of PDRM's actions and the EAIC's request for documents relevant to investigations. These delays have also indirectly contributed to the EAIC's delays in concluding complaints. Apart from this, there are also delays by PDRM in informing the EAIC about the status of its Disciplinary Board's action and the reasoning behind their decision as required under subsection 30(2) of Act 700 and the Chief Secretary to the Government's Order dated 21 July 2015 Regarding the Effort to Increase the Effectiveness of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) Through Compliance with Recommendations Issued by the EAIC.*

Isu ini telah dikemukakan oleh EAIC semasa sesi-sesi dialog EAIC bersama Ketua-Ketua Polis Negeri yang diadakan sepanjang 2017, melalui beberapa surat teguran EAIC bagi tindakan menambah baik dan memperkemaskan sistem kerja PDRM. EAIC telah menerima maklum balas melalui surat PDRM bertarikh 31 Oktober 2017 memaklumkan bahawa tindakan susulan telah diambil bagi memperkemaskan sistem pengurusan dan penyampaiannya dengan menyemak semula arahan-arahan pentadbiran yang terdapat dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian A 104 dan arahan-arahan pentadbiran berkaitan pendaftaran dan pergerakan fail kerja. EAIC juga dimaklumkan bahawa PDRM menerusi Urus setia Jawatankuasa Pelaksana SIAP PDRM yang dipengerusikan oleh YDH. Timbalan Ketua Polis telah mengeluarkan arahan kepada semua Jabatan/Kontinjen/Daerah dan Formasi PDRM supaya segera memberikan maklum balas kepada agensi luar ke atas laporan-laporan yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan termasuklah surat-surat yang diterima daripada EAIC.

*This issue was highlighted by the EAIC during the EAIC's dialogue sessions with State Police Chiefs held throughout 2017, and through several EAIC reprimand letters for improving and updating PDRM's work system. The EAIC received written feedback from PDRM dated 31 October 2017 informing that follow up action has been taken to update their management and service delivery system by reviewing administrative orders included in the Inspector General of Police Standing Order (PTKPN) Part A 104 and administrative orders regarding registration and working file movements. The EAIC was also informed that PDRM, via the PDRM's EAIC Implementation Committee Secretariat chaired by YDH Deputy Inspector General of Police, has issued an order to all PDRM Departments/Contingents/Districts and Formations to provide immediate feedback to external agencies regarding reports requested by them and within the time frame given, including to letters received from the EAIC.*

Bagi membolehkan pelaksanaan fungsi EAIC secara berkesan termasuk aspek pengurusan aduan dan siasatan, EAIC berharap agensi-agensi penguatkuasaan sentiasa memberikan kerjasama yang baik dan responsif terhadap maklumat dan dokumen yang diperlukan. Tindakan proaktif agensi memperbaiki sistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan membolehkan sesuatu agensi membangun serta memelihara imej dengan cemerlang.

Pada masa yang sama, EAIC turut memantau pematuhan syor-syor hukuman yang dikemukakan kepada agensi dan mendapati kebanyakan PBT khususnya PDRM, gagal mengambil kira syor hukuman yang dikemukakan oleh EAIC sewaktu membuat keputusan berhubung tatatertib dan salah laku anggota pasukannya. EAIC akur dan mengambil maklum bahawa kuasa untuk memutuskan hal berkaitan tatatertib dan salah laku pegawai penguat kuasa adalah merupakan bidang kuasa PBT sepenuhnya selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Tatatertib dan Kelakuan) 1993. Walau bagaimanapun, penetapan hukuman yang ringan dan tidak setimpal dengan kesalahan tatatertib pegawai dan anggota menunjukkan ketidakseriusan agensi dalam membanteras salah laku dan seterusnya menerapkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa.

*To enable the effective implementation of the EAIC's functions including in the aspects of complaint and investigation management, the EAIC is hopeful that enforcement agencies will provide constant cooperation and are responsive towards information and documents requested. Proactive action on the part of enforcement agencies to improve their management and service delivery systems enables the agency to develop and maintain an image of excellence.*

*The EAIC also monitors the compliance towards the penalties recommended to the agencies and has found that most Disciplinary Boards, particularly PDRM's, fail to consider the penalty recommendation by the EAIC when deliberating a decision on the discipline or misconduct of its personnel. The EAIC accedes and takes note that the authority to decide enforcement officer disciplinary and misconduct matters is fully within the agency's Disciplinary Board, as required under the Public Officers (Conduct and Discipline) Rules 1993. Nevertheless, setting a penalty that is lenient and unbefitting of the officer and personnel disciplinary misconduct indicates the lack of seriousness by the agency to crack down on misconduct and instil a culture of integrity amongst enforcement officers.*

## LAPORAN SIASATAN KES KEMATIAN S. BALAMURUGAN SEMASA DALAM TAHANAN POLIS

### Latar Belakang Kes

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menjalankan siasatan bagi menyiasat kes kematian Balamurugan A/L M.Suppiah (S.Balamurugan, si mati) semasa dalam tahanan Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara pada 7 Februari 2017. Tiga sesi pendengaran awam bertempat di Putrajaya telah dijalankan iaitu masing-masing pada 15 - 18 Mei, 5 - 8 Jun dan 10 - 11 Julai 2017. Pendengaran awam tersebut dipengerusikan oleh Yang Arif Datuk Yaacob Haji Md. Sam (Bekas Pengerusi EAIC) bersama tiga Pesuruhjaya EAIC, iaitu Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Bekas Pesuruhjaya), Encik Lee Sow Siong dan Puan Leong May Chan dan turut dihadiri oleh peguam pemerhati daripada Majlis Peguam Malaysia, peguam yang mewakili keluarga si mati serta wakil daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja

## *INVESTIGATION REPORT ON THE DEATH OF S. BALAMURUGAN WHILE IN CUSTODY OF THE POLICE*

### *Background of the Case*

*The Enforcement Agency Integrity Commission / Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) conducted an investigation into the death of Balamurugan A/L M. Suppiah (S. Balamurugan, the deceased) while under detention by the Crime Investigation Department, Klang Utara District Police Headquarters (IPD Klang Utara) on 7 February 2017. Three public hearing sessions were held in Putrajaya on 15 - 18 May, 5 - 8 June and 10 - 11 July 2017, respectively. The public hearings were chaired by Yang Arif Datuk Yaacob Haji Md. Sam (Former EAIC Chairman) along with three EAIC Commissioners, namely YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu, Mr. Lee Sow Siong and Mdm. Leong May Chan and was attended by observer attorneys from the Bar Council of Malaysia, attorneys representing the family of*



**'Elements of failure evident'**

▶ FROM FRONT PAGE

Aziz said EAIC recommends that the attorney-general considers criminal charges against the police officers implicated.

He was speaking at a press conference at the commission's office here to announce the commission's findings into the deaths of Balamurugan (*pix*) and another detainee, Soh Kai Chiok, 49, while in police custody.

Aziz said the commission found that in Balamurugan's case:

▶ the failure of the police to release him after a remand application was rejected by a magistrate constitutes a serious offence as they failed to execute a court order;

▶ the police failed to comply with the magistrate's order for Balamurugan to be sent to a hospital immediately; and

▶ the CCTV camera at the Bandar Baru Klang police station only served as a dummy and was unable to record.

"This (the dummy CCTV) prevented the commission from obtaining the best evidence to look at the incident that occurred when Balamurugan was detained at the police station.

"There were various breaches of standard operating procedures (SOP) and laws by the policemen who made the arrest and subsequent detention of a juvenile detainee who was arrested with Balamurugan on Feb 6, 2017.

"This was because they were handcuffed and placed in the same cell meant for adult detainees."

Balamurugan was arrested with K. Tamilasan and a juvenile suspect by the Klang Utara district police motorcycle patrol unit on Feb 6, as the vehicle they were in at that time was suspected to have been used in a robbery.

Balamurugan died in the wee hours of Feb 8, after the Klang magistrate's court rejected an application to remand him and ordered for him to be sent for medical treatment.

The public inquiry into Balamurugan's death held from May 15 concluded on July 11, last year after hearing testimonies from 47 witnesses out of the initial 55 who were scheduled to be called.

Following the conclusion of the inquiry, Insp T. Mohaneswaran, 31, claimed trial at the Klang magistrates court on Oct 30, 2017 to causing hurt to Balamurugan.

Meanwhile, Aziz said the commission had determined that Soh's death was unrelated to any possible misconduct of policemen during his detention at the Bera police station in Pahang.

He said Soh's death on Jan 17, 2017, was due to peritonitis caused by perforated peptic ulcers.

"However, the commission notes that SOP was not followed when the police refused to take Soh for treatment when he had complained of pains on the night of his death.

"The police also failed to ensure that he received proper medication during his detention at the Triang police station lockup as prescribed by the medical officer at the Sultan Haji Ahmad Shah Hospital in Temerloh," he added.

AMIRUL SYAFIQ/THESUN

Aziz showing a copy of the report at the press conference.

Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sepanjang sesi pendengaran berlangsung, seramai 46 orang saksi telah dipanggil memberi keterangan, manakala 108 ekshibit termasuklah laporan bedah siasat, gambar-gambar dan dokumen-dokumen berkaitan Balai Polis Bandar Baru Klang, Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara dan Lokap Berpusat Shah Alam, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Prosedur Operasi Standard (SOP), arahan-arahan tetap serta lain-lain dokumen yang relevan telah dikemukakan.

*the deceased as well as representatives from the Ministry of Home Affairs (KDN), the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Human Rights Commission of Malaysia / Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Throughout the hearings, 46 witnesses were called to deliver their statements, while 108 exhibits including the autopsy report, photographs and documents regarding the Bandar Baru Klang Police Station, IPD Klang Utara and Shah Alam Centralised Lock-up, Inspector General of Police Standing Order / Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Standard Operating Procedures (SOP), permanent orders and other relevant documents were brought forth.*

### Ringkasan Fakta Kes

Balamurugan A/L M. Suppiah (si mati) telah ditahan bersama dua orang lain rakannya di Jalan Batu Belah, Klang kerana kereta yang dinaiki mereka disyaki terlibat dalam kes samun kenderaan dan telah dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Ketika di sana, si mati telah ditemu bual oleh anggota dan pegawai daripada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara. Keterangan daripada saksi-saksi mendapati terdapat insiden kekerasan berlaku pada waktu itu. Saksi turut mendengar bunyi jeritan seperti dipukul dan bunyi jeritan meminta tolong sewaktu menyediakan laporan polis di Bilik Cawangan Pencegahan Jenayah.

Si mati dan rakannya telah dibawa ke ke IPD Klang Utara pada jam 10.45 malam dan ditempatkan di Ruang Khas Orang Kena Tahan (OKT) di Pejabat Detektif, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. Pada keesokannya, jam 3.45 pagi, si mati dan rakannya dibawa ke Lokap Berpusat Shah Alam sebelum dibawa ke Mahkamah Majistret Klang untuk urusan permohonan reman. Permohonan reman

### *Summary of Case Facts*

*Balamurugan A/L M. Suppiah (the deceased) was arrested along with two of his friends at Jalan Batu Belah, Klang because the car they were riding was suspected of involvement in a vehicle robbery, and were brought to the Bandar Baru Klang Police Station. While at the police station, the deceased was interrogated by personnel and officers from the IPD Klang Utara's Crime Investigation Department. The statements by the witnesses revealed the occurrence of violence at the time. Witnesses also heard shouts as if from physical abuse and shouts calling for help while preparing the police report in the Crime Prevention Branch Room.*

*The deceased and his friends were brought to IPD Klang Utara at 10.45 pm and placed at the Detainee (OKT) Special Area / Ruang Khas Orang Kena Tahan (OKT) at the Detective's Office, Crime Investigation Department, IPD Klang Utara. The next morning, at 3.45 am, the deceased and his friends were brought to the Shah Alam Centralised Lock-up, before being brought to the Klang Magistrate Court for the*

terhadap si mati telah ditolak oleh Majistret kerana si mati berada dalam keadaan lemah dan tidak sihat serta telah diarahkan untuk si mati dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

*application of a remand order. The remand order request was denied by the Magistrate as the deceased was in a weak and unhealthy state. The Magistrate also ordered for the deceased to be brought to a hospital for treatment.*

Walau bagaimanapun, si mati telah dibawa pulang ke Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. Si mati kemudiannya telah ditempatkan di ruang legar Pejabat Detektif manakala OKT lain telah diletakkan di dalam Ruang Khas OKT. Atas arahan pegawai atasan, si mati telah ditahan semula kerana disyaki terlibat dalam kes lain. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa laporan polis berkaitan atau laporan tangkapan baru dibuat.

*However, the deceased was brought back to the Crime Investigation Department, IPD Klang Utara. The deceased was then placed at the foyer of the Detective's Office whereas the other detainees were placed at the Detainee Special Area. On orders from senior officers, the deceased was re-arrested on suspicion of involvement in another case. However, no relevant police reports were lodged, or new arrests made.*

Lebih kurang jam 7.00 malam, si mati didapati telah terkencing di dalam seluar lalu telah dibersihkan dan ditukarkan pakaian oleh OKT lain. OKT lain telah diarahkan untuk meletakkan si mati di dalam Ruang Khas OKT sebelum mereka dibawa ke Lokap Berpusat Shah Alam. Lebih kurang jam 11.00 malam, anggota polis mendapati si mati tidak sedarkan diri di dalam Ruang Khas OKT. Bantuan perubatan telah diminta dan telah dimaklumkan kepada pegawai atasan. Lebih kurang jam 12.10 tengah malam, Pembantu Perubatan telah mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia. Pada lebih kurang jam 5.00 pagi, Koroner telah tiba dan telah membuat pemeriksaan bersama-sama dengan Pasukan Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor. Koroner kemudiannya mengarahkan supaya satu bedah siasat dijalankan.

*At around 7.00 pm, the deceased was found to have urinated in his trousers and was cleaned and changed by another detainee. The other detainee was ordered to place the deceased in the Detainee Special Area before being transferred to the Shah Alam Centralised Lock-up. At around 11.00 pm, police officers found the deceased unconscious in the Detainee Special Area. Medical assistance was then requested and informed to senior officers. At around 12.10 am, a Medical Assistant pronounced the deceased dead. At around 5.00 am, the Coroner arrived for the joint examination with the Selangor Contingent Headquarters (IPK Selangor) Forensics Team. The Coroner later on ordered for an autopsy to be performed.*

Bedah siasat telah dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik pada jam 10.00 pagi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan mendapati punca kematian si mati adalah ***coronary artery disease with multiple blunt force injuries.*** Tambahannya, corak kecederaan

*The autopsy was conducted by a Forensic Medical Specialist at 10.00 am at Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang and found that the deceased's cause of death was **coronary artery disease with multiple blunt force injuries.** In addition, the pattern of injury shows that it*

ini tidak terjadi secara kemalangan mahupun ditimpakan oleh diri sendiri.

*could not have happened by accident or self-inflicted.*

Keluarga si mati kemudiannya telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Shah Alam agar bedah siasat kedua dijalankan. Mahkamah kemudiannya memerintahkan Hospital Kuala Lumpur untuk menjalankan bedah siasat kedua melalui satu perintah bertarikh 15 Februari 2017.

*The deceased's family then requested to the Shah Alam High Court for a second autopsy. The Court then requested for the Kuala Lumpur Hospital to perform the second autopsy, vide an order dated 15 February 2017.*

Bedah siasat kedua kemudiannya telah dijalankan pada 18 Februari 2017 dan mendapati punca kematian si mati adalah ***coronary artery disease with multiple blunt force injuries*** dan corak kecederaan yang didapati tidak ditimpakan diri sendiri mahupun terjadi secara kemalangan.

*The second autopsy was performed on 18 February 2017 and found the deceased's cause of death to be* ***coronary artery disease with multiple blunt force injuries*** *and that the pattern of injury could not have been self-inflicted or happened by accident.*

## Hasil Dapatan EAIC

## *The EAIC's Findings*

Keterangan dokumen dan saksi-saksi menunjukkan punca kematian menurut istilah perubatan adalah *coronary artery disease with multiple blunt force injuries.* Perkara ini telah disahkan oleh dua orang Pakar Perubatan Forensik daripada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Kuala Lumpur melalui 2 sesi bedah siasat yang dijalankan pada 8 Februari 2017 dan 18 Februari 2017.

*Documentary and witness statements revealed that the cause of the deceased's death based on its medical terminology was coronary artery disease with multiple blunt force injuries. This was confirmed by two Forensic Medical Specialists from Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang dan Kuala Lumpur Hospital through two autopsy sessions performed on 8 February 2017 dan 18 February 2017, respectively.*


Acts of FORCE

BY G. SURACH
newsdesk@thesundaily.com

Police breached SOP and the law in two cases of death in custody, says EAIC

PUTRAJAYA: The Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) believes there were acts of force by police officers that caused the death of mechanic S. Balamurugan, 44, while in police custody last year.

EAIC chairman Datuk A. Aziz A. Rahim said yesterday the commission had determined that the cause of Balamurugan's death was due to coronary artery disease with multiple blunt force injuries.

"This was confirmed by two forensic specialists from the Tengku Ampuan Rahimah Hospital and Kuala Lumpur Hospital through two post-mortem examinations conducted on Feb 8 and 18 last year.

TURN TO PAGE 04

Perkara ini turut dinyatakan dalam keterangan saksi yang telah melihat si mati ditampar di bahagian muka dan ditumbuk di bahagian dada, juga keterangan daripada saksi yang telah mendengar bunyi jeritan sakit dan jeritan meminta tolong dari ruang di belakang Kaunter Inkuiri Balai Polis Bandar Baru Klang.

*This is also corroborated by the statements of a witness who saw the deceased slapped in the face and punched in the chest, as well as the statement from the witness who heard screams of pain and shouts for help from the area behind the Bandar Baru Klang Police Station Inquiry Counter.*

Suruhanjaya mendapati terdapat perbuatan atau perlakuan kekerasan oleh pegawai dan anggota PDRM yang boleh dikaitkan dengan, atau menyebabkan, kematian si mati semasa dalam tahanan PDRM. Suruhanjaya mengesyorkan supaya pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) menimbang pertuduhan jenayah dikenakan terhadap pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis yang telah dikenal pasti atas kesalahan menggunakan kekerasan ke atas si mati.

*The Commission finds that there were violent acts or conducts by PDRM officers and personnel that may be linked with, or have caused, the death of the deceased while under custody of PDRM. The Commission recommends for the Attorney General's Chambers (AGC) to consider criminal charges against the police officers and personnel identified, for their use of violence on the deceased.*



Putrajaya

**EAIC kesan kegagalan pematuhan**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mendapati, berlaku kegagalan pematuhan anggota dan pegawai Balai Polis Bandar Baru Klang, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara dan Lokap Berpusat Shah Alam sepanjang mengendalikan kes S Balamurugan yang mati dalam tahanan Februari tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk A Aziz A Rahim berkata, kegagalan pematuhan itu adalah terhadap Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan prosedur operasi standard (SOP) malah, ia turut membabitkan pengendalian tahanan lain.

Menurutnya, kegagalan pematuhan ini membabitkan proses sewaktu pengendalian si mati dan tahanan lain serta proses pengendalian dokumen yang mampu menjejaskan siasatan kes terhadap si mati dan tahanan lain serta siasatan laporan mati mengejut.

"Suruhanjaya mendapati ruang khas orang kena tahan (OKT) di Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara digunakan sebagai lokap tidak diwartakan.

"Ini melanggar Kaedah-Kaedah Lokap 1953, Akta Penjara 1995 dan PTKPN Bahagian A '118' serta penahanan OKT di ruangan itu boleh dianggap penahanan secara salah oleh polis," katanya pada sidang media dapatan EAIC di sini, semalam.

Selanjutnya, terdapat ketidakpatuhan undang-undang sedia ada dan Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa anggota pasukan PDRM membuat tangkapan dan penahanan terhadap pesalah juvana (yang ditahan bersama-sama si mati) pada 6 Februari 2017, iaitu menggari pesalah juvana dan menempatkan mereka di dalam satu sel yang sama dengan tahanan dewasa.

*Further, there was also non-compliance towards current laws and SOPs and during the PDRM squad's arrest and detention of a juvenile suspect (arrested together with the deceased) on 6 February 2017, whereby the juvenile suspect was handcuffed and placed in one cell with adult detainees.*

Berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya, Litar Kamera Tertutup (CCTV) di Balai Polis Bandar Baru Klang hanya bersifat *dummy* dan tidak dapat merakam. Hal ini telah menghalang Suruhanjaya daripada mendapatkan *best evidence* bagi melihat insiden yang terjadi sewaktu si mati ditahan di Balai Polis Bandar Baru Klang.

*Based on the observation of the Commission, the CCTV system in the Bandar Baru Klang Police Station is only a dummy and does not record footage. This has hindered the Commission from obtaining the best evidence to view the incident which had occurred while the deceased was detained in Bandar Baru Klang Police Station.*

Diperhatikan, kegagalan pihak polis melepaskan si mati setelah permohonan reman ditolak oleh Majistret adalah salah laku yang serius kerana tidak mematuhi perintah Mahkamah. Pihak polis juga gagal mematuhi arahan Majistret supaya si mati dihantar ke hospital dengan kadar segera.

*The Commission also observes that the failure of the police to release the deceased after the Magistrate has declined the application for a remand order is a serious misconduct as it is a disobedience of a Court order. The police also failed to follow the Magistrate's order for the deceased to be brought to a hospital for immediate treatment.*

Suruhanjaya mendapati pegawai polis berkenaan telah melakukan salah laku yang serius, iaitu menyalah guna kuasa dengan mengarahkan si mati ditangkap semula tanpa justifikasi yang sah. Anggota polis yang lain kemudiannya telah menahan dan tidak membebaskan si mati tanpa menerima apa-apa laporan yang dapat mengaitkan si mati dengan mana-mana kes serta ketiadaan laporan tangkapan baharu terhadap si mati.

*The Commission finds that the relevant police officers had committed a serious misconduct, which was the abuse of their powers, by ordering the deceased's re-arrest without valid justification. Other police personnel later arrested and failed to release the deceased without having received any reports linking the deceased with any cases. Further, no report was lodged regarding the re-arrest of the deceased.*

Selain itu, anggota dan pegawai Balai Polis Bandar Baru Klang, IPD Klang Utara dan Lokap Berpusat Shah Alam secara jelas telah gagal untuk mematuhi Perintah Tetap Ketua

*In addition, the personnel and officers of Bandar Baru Klang Police Station, IPD Klang Utara and the Shah Alam Centralised Lock-up clearly had failed to obey the PTKPN and SOPs throughout*

Polis Negara (PTKPN) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang mengendalikan si mati dan tahanan lain. Kegagalan pematuhan ini melibatkan proses sewaktu pengendalian si mati, tahanan-tahanan lain dan proses pengendalian dokumen-dokumen yang telah menjejaskan siasatan kes terhadap si mati, tahanan lain dan siasatan Laporan Mati Mengejut.

*handling the deceased and the other detainees. This disobedience involves processes during the handling of the deceased and the other detainees, and processes during the handling of documents which had adversely affected the case investigation against the deceased, the other detainees, and the Sudden Death Report investigation.*

Suruhanjaya juga mendapati ruang khas OKT di Bahagian Siasatan Jenayah di IPD Klang Utara telah digunakan sebagai lokap dan ia tidak diwartakan. Ini telah melanggar Kaedah-Kaedah Lokap 1953, Akta Penjara 1995 dan PTKPN Bahagian A '118' serta penahanan OKT di ruangan tersebut boleh dianggap penahanan secara salah oleh pihak polis.

*The Commission also finds that the Detainee Special Area in IPD Klang Utara was utilised as a lock-up without being gazetted. This is in clear violation of the Lock-Up Rules 1953, Prison Act 1995 and PTKPN Part A '118'. The detention of detainees in that area may also be deemed as wrongful detention by the police.*

Suruhanjaya memandang serius terhadap insiden kekerasan terhadap tahanan dan ketidakpatuhan SOP yang telah dinyatakan dalam laporan ini. Suruhanjaya telah mengemukakan kelemahan-kelemahan dan ketidakpatuhan ini kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk penambahbaikan serta tindakan lanjut mereka.

*The Commission views this incident of violence towards detainees and SOP non-compliance, as mentioned in this report, very seriously. The Commission has highlighted these weaknesses and non-compliances to the responsible authorities for their further improvement and follow-up action. This investigation report has also been extended to KDN, PDRM and AGC for their relevant action.*

Suruhanjaya dengan ini menyeru semua pihak yang terlibat dalam pengendalian tahanan dalam lokap supaya menjalankan tugas berdasarkan pematuhan terhadap SOP dan amalan integriti tanpa kompromi.

*The Commission calls on all parties involved in the handling of lock-up detainees to carry out their duties based on SOP compliance and uncompromising integrity.*

## LAPORAN SIASATAN KES KEMATIAN SOH KAI CHIOK SEMASA TAHANAN POLIS

Ringkasan kepada penangkapan dan keberadaan si mati dalam tahanan PDRM adalah seperti yang berikut:

- Pada 12 Januari 2017 lebih kurang jam 7.00 malam, si mati telah ditangkap oleh beberapa orang awam (B1, B2, B3 dan B4) di sebuah kebun pisang milik B1 kerana dikatakan telah mencuri buah pisang daripada kebun tersebut. Semasa tangkapan dibuat oleh B1, B2, B3, B4 dan B5, si mati telah ditumbuk dan dipukul dengan kayu oleh B1 sehingga mengalami kecederaan sebelum diserahkan kepada pihak polis.

- Ketika anggota polis tiba di tempat kejadian untuk menangkap si mati setelah menerima aduan, anggota polis (A1) mendapati si mati dalam keadaan sedar dan terbaring di atas tanah dengan dikawal oleh B1, B2, B3, B4 dan B5. Kaki dan tangan si mati diikat dengan kuat menggunakan tali plastik.

- Si mati kemudiannya telah dibawa oleh anggota polis ke Balai Polis Triang, IPD Bera pada jam lebih kurang jam 9.30 malam dalam keadaan lemah.

- Setelah tiba di Balai Polis Triang, dua laporan polis telah dibuat iaitu – laporan pertama oleh B1 mengenai kejadian kecurian di kebun pisang yang dilakukan oleh si mati dan laporan kedua oleh anggota polis (A1) mengenai tangkapan ke atas si mati.

- Pada lebih kurang jam 10.30 malam, Ketua Pejabat Inkuiri Balai Polis Triang (A40)

## *INVESTIGATION REPORT ON THE CASE OF THE DEATH OF SOH KAI CHIOK UNDER CUSTODY OF THE POLICE*

*A summary of the arrest and whereabouts of the deceased while under PDRM custody are as follows:*

- *On 12 January 2017 around 7.00 pm, the deceased was arrested by several members of the public (B1, B2, B3 and B4) at a banana orchard owned by B1 because of suspicion of stealing bananas from the orchard. While the arrest was made by B1, B2, B3, B4 dan B5, the deceased suffered injuries when he was punched and hit by a wooden object by B1, prior to being handed over to the police.*

- *When police arrived at the location to arrest the deceased after receiving a complaint, a police officer (A1) found the deceased to be aware and being held lying on the ground by B1, B2, B3, B4 dan B5. The hands and feet of the deceased were tightly tied with plastic rope.*

- *The deceased was then brought by police personnel to the Triang Police Station, under the jurisdiction of IPD Bera around 9.30 pm in a weak physical state.*

- *After arriving at the Triang Police Station, two police reports were lodged – the first was by B1 regarding the theft at his banana orchard by the deceased, and the second was by the police officer (A1) regarding the arrest of the deceased.*

- *At around 10.30 pm, the Triang Police Station Inquiry Office Chief (A40) informed*

telah memaklumkan Ketua Balai Polis Triang (A36) bahawa si mati mengalami kecederaan. A36 telah datang untuk melihat si mati dan telah mengeluarkan arahan supaya si mati dibawa ke klinik untuk pemeriksaan doktor.

- Si mati telah dibawa ke Klinik Kesihatan Padang Luas oleh tiga orang anggota Cawangan Pengiring IPD Bera (A3, A4 dan A5). Mereka tiba di klinik tersebut lebih kurang jam 10.45 malam. Si mati telah diberi rawatan oleh Penolong Pegawai Perubatan (A37) yang kemudiannya merujuk si mati ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) untuk rawatan lanjut.

- Si mati telah dibawa ke HOSHAS dan telah diperiksa oleh Pegawai Perubatan (A53) yang bertugas. Bahagian kaki kiri dan tangan kiri si mati telah disimen kerana mengalami kepatahan. Selesai sahaja rawatan tersebut, A53 telah membenarkan si mati dibawa balik ke Balai Polis Triang. Si mati dan anggota Cawangan Pengiring IPD Bera telah tiba semula di Balai Polis Triang lebih kurang jam 4.30 pagi pada 13 Januari 2017. Si mati telah diserahkan kepada anggota sentri yang bertugas di Lokap IPD Bera.

- Pada jam 8.06 pagi, 13 Januari 2017, si mati telah dibawa ke Mahkamah Majistret Temerloh untuk permohonan reman kali pertama dan si mati telah dibenarkan untuk ditahan reman sehingga 15 Januari 2017. Sepanjang tempoh reman tersebut, si mati ditahan di Lokap IPD Bera untuk tujuan siasatan. Permohonan lanjut reman kemudiannya telah dibuat pada 15 Januari 2017 yang dibenarkan sehingga 17 Januari 2017.

*the chief of the Triang Police Station (A36) that the deceased has suffered injury. A36 then went to see the deceased and instructed for the deceased to be brought to a clinic for an examination by a doctor.*

- *The deceased was then brought to the Padang Luas Medical Clinic by three policemen from the Bera Escort Branch, IPD Bera (A3, A4 dan A5). They arrived at the clinic at around 10.45 pm. The deceased was treated by Assistant Medical Officer (A37) who referred the deceased to the Sultan Haji Ahmad Shah Hospital (HOSHAS) for further treatment.*

- *The deceased was then taken to HOSHAS and examined by the Medical Officer (A53) on duty. The deceased left arm and left leg were cast as they suffered from fractures. After the treatment, A53 allowed the deceased to be returned to the Triang Police Station. The deceased and the IPD Bera Escort Branch officers then arrived back at the Triang Police Station at around 4.30 am on 13 January 2017. The deceased was handed over to the sentry officers on duty at the IPD Bera Lock-up.*

- *At 8.06 am, 13 January 2017, the deceased was brought to the Temerloh Magistrate Court for the first remand request and the deceased was allowed to be remanded until 15 January 2017. Throughout the remand period, the deceased was detained at the IPD Bera Lock-up to assist with investigations. A further remand request was made on 15 January 2017, which was allowed up to 17 January 2017.*

- Semasa tempoh reman, si mati telah dibawa untuk rawatan susulan di HOSHAS, iaitu pada 16 Januari 2017.

- Pada 17 Januari 2017, si mati telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Temerloh untuk didakwa atas tuduhan mencuri di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan dan seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Si mati telah mengesahkan bahawa si mati tidak mengalami apa-apa kesakitan apabila ditanya oleh Penolong Pendaftar Mahkamah (A48) semasa prosiding tersebut.

- Si mati telah mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan untuk kedua-dua pertuduhan tersebut dan telah dibenarkan untuk diikat jamin. Walau bagaimanapun, si mati tidak mampu untuk membayar wang jaminan bagi kedua-dua pertuduhan.

- Mahkamah kemudiannya telah mengeluarkan Waran Menahan supaya si mati ditahan di Penjara Bentong sementara menunggu tarikh sebutan baru untuk kedua-dua pertuduhan.

- Urusan di Mahkamah Temerloh pada hari tersebut selesai lewat iaitu hampir jam 4.00 petang. Oleh kerana perjalanan dari Temerloh ke Penjara Bentong akan mengambil masa lebih daripada satu jam, anggota Cawangan Pengiring yang bertugas telah mengambil keputusan untuk membawa balik si mati untuk ditempatkan sementara di Lokap IPD Bera sebelum dihantar pada keesokkan harinya ke Penjara Bentong.

- Lebih kurang jam 8.00 malam, 17 Januari 2017, si mati telah mengadu sakit dada

- *During the remand period, the deceased was brought for treatment at HOSHAS, on 16 January 2017.*

- *On 17 January 2017, the deceased was brought before the Temerloh Magistrate Court to be charged for theft under section 379 of the Penal Code and section 15(1)(a) of the Dangerous Narcotics Act 1952. The deceased confirmed that he did not suffer from any pain when queried by the Deputy Court Registrar (A48) during the proceeding.*

- *The deceased claimed he was not guilty and requested a trial against both allegations and was allowed release on bail. However, the deceased could not afford to pay the bond amount for both charges.*

- *The Court then issued a Warrant for Arrest for the deceased to be detained at Bentong Prison while awaiting the new hearing date for both charges.*

- *Affairs at the Temerloh Court on the day ended late, close to 4.00 pm. As the travel time from Temerloh to Bentong Prison would take over an hour, the Escort Branch officers on duty decided to return the deceased to IPD Bera Lock-up for temporary detention before taking him to Bentong Prison the next day.*

- *At around 8.00 pm, 17 January 2017, the deceased complained of chest pains to the*

kepada anggota sentri lokap (A9 dan A10). Perkara ini telah dimaklumkan kepada A36 dan A36 telah mengarahkan agar anggota Cawangan Pengiring membawa si mati untuk mendapatkan rawatan. Walau bagaimanapun, A21 selaku anggota Cawangan Pengiring telah gagal untuk mematuhi arahan tersebut.

*lock-up sentry officers (A9 dan A10). This was informed to A36 dan A36 instructed for the Escort Branch to take the deceased for treatment. However, A21 as the Escort Branch officer, failed to comply with this instruction.*

- Pada 18 Januari 2017, lebih kurang jam 12.00 pagi, si mati telah disedari tidak bergerak oleh rakan-rakan selnya. Perkara tersebut telah diberitahu oleh anggota sentri yang bertugas (A7 dan A8). Anggota-anggota sentri tersebut seterusnya telah memaklumkan kepada Penyelia 24 jam yang bertugas (A17) yang selepas itu telah menghubungi A36 lebih kurang jam 12.15 pagi. A36 kemudiannya telah mendapatkan arahan daripada Ketua Polis Daerah (A55) dan telah mengatur supaya bantuan perubatan dipanggil.

- *On 18 January 2017 at around 12.00 am, the deceased was found by his cellmates to be unresponsive. This was informed to the sentry officers on duty (A7 dan A8). The sentry officers then informed the 24-hour Supervisor on duty (A17) who then contacted A36 at around 12.15 am. A36 was then instructed by the District Police Chief (A55) to arrange for medical assistance.*

- Pada 1.15 pagi, Pembantu Perubatan (A38) telah tiba dan telah memeriksa si mati sebelum mengesahkan bahawa si mati sudah "tidak bernyawa". Pasukan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) telah tiba lebih kurang jam 10.00 pagi dengan diikuti kehadiran Majistret untuk proses pengendalian mayat si mati. Proses bedah siasat telah dijalankan ke atas mayat si mati di HTAA pada jam 5.15 petang selepas proses pengecaman mayat oleh ahli keluarga, iaitu A3 dibuat.

- *At 1.15 am, the Medical Officer (A38) arrived and examined the deceased before pronouncing the deceased as "lifeless". The Forensics Team at Tengku Ampuan Afzan Hospital (HTAA) arrived at around 10.00 am and was accompanied by the presence of the Magistrate for the process of handling the deceased's corpse. An autopsy was then conducted on the deceased at HTAA at 5.15 pm after the identification of the body by a family member (A3).*

- Hasil bedah siasat yang dijalankan oleh Pasukan Forensik HTAA, kematian si mati adalah berpunca daripada **keradangan ruang abdomen akibat kebocoran ulser perut (*peritonitis due to perforated peptic ulcer*).**

- *The result of the autopsy by the HTAA Forensics Team found that the cause of death of the deceased was from **peritonitis due to perforated peptic ulcer**.*

Dalam laporan autopsinya, Pakar Perubatan Forensik telah menyatakan sebab kematian adalah seperti berikut :

*"Examination of the abdomen revealed a perforated peptic ulcer which had discharged the stomach and intestinal content into the peritoneal cavity. This had contaminated the surrounding organs and caused inflammation and infection of the abdominal cavity (peritonitis) which lead to shock and death. Based on the histology, the ulcer was estimated at least 3-4 weeks to develope a fibrosed ulcer's age as in this case and it had confirmed the gross autopsy findings".*

## Hasil Dapatan EAIC

Suruhanjaya mendapati bahawa tiada perbuatan atau perlakuan pihak polis atau mana-mana anggotanya yang boleh dikaitkan dengan, atau menyebabkan, kematian si mati semasa dalam tahanan.

Keterangan dokumen dan saksi-saksi menunjukkan sebab kematian si mati adalah, menurut istilah perubatannya **"*peritonitis due to perforated peptic ulcer*"** atau **keradangan ruang abdomen akibat kebocoran ulser perut.** Perkara ini telah disahkan sendiri oleh Pakar Perubatan Forensik HTAA, Dr. Nor Zaimah Binti Mohamad Idris yang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati.

Berikutan itu, Suruhanjaya berpendapat bahawa kematian si mati tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana perbuatan salah laku atau kekerasan oleh mana-mana anggota polis yang menguruskan si mati di Lokap IPD Bera.

Namun, semasa menjalankan siasatannya, Suruhanjaya mendapati terdapat ketidakpatuhan undang-undang sedia ada dan SOP oleh

*In his autopsy report, the Forensic Medical Specialist stated the cause of death as follows:*

*"Examination of the abdomen revealed a perforated peptic ulcer which had discharged the stomach and intestinal content into the peritoneal cavity. This had contaminated the surrounding organs and caused inflammation and infection of the abdominal cavity (peritonitis) which led to shock and death. Based on the histology, the ulcer was estimated at least 3-4 weeks to develop a fibrosed ulcer's age as in this case and it had confirmed the gross autopsy findings".*

## *The EAIC's Investigation Findings*

*The Commission found that there was no act or conduct on the part of the police or any of its officers which may be linked to, or have caused, the death of the deceased while in custody.*

*The document and witness statements shows that the cause of death of the deceased is, according to its medical term, **"peritonitis due to perforated peptic ulcer"** or **inflammation of the abdomen due to a perforation in a stomach ulcer**. This was confirmed by HTAA's Forensic Medical Specialist herself, Dr. Nor Zaimah Binti Mohamad Idris, who had conducted the autopsy on the deceased's body.*

*Following this, the Commission opines that the death of the deceased cannot be linked to any act of misconduct or abuse by any police personnel responsible for the deceased in the IPD Bera Lock-up.*

*However, during the investigation, the Commission observed that there were non-compliance towards current laws and SOPs by*

pihak polis, iaitu kegagalan membawa si mati mendapatkan rawatan setelah si mati mengadu sakit pada jam 8.06 malam, 17 Januari 2017.

*the police, which was their failure to bring the deceased for treatment after his complaints of pain at 8.06 pm, 17 January 2017.*

Seterusnya, Suruhanjaya mendapati perkara-perkara yang berikut:

*Further, the Commission has also found the following:*

(a) kecuaian pengurusan ubat terhadap si mati sewaktu ditahan di Lokap Balai Polis Triang telah memburukkan keadaan kesihatan si mati dan menafikan hak si mati untuk mendapatkan akses kepada perubatan seperti yang telah dipreskripsikan oleh Pegawai Perubatan di Bahagian Orthopedik, HOSHAS pada 13 Januari 2017;

*(a) Negligence in the care of medication of the deceased while in detention at Triang Police Station Lock-up had exacerbated his health conditions and declining the right of the deceased for access to medication as was prescribed by the Medical Officer of the Orthopaedic Division, HOSHAS on 13 January 2017;*

(b) pemantauan CCTV secara berkala di lokap tidak mengikut peraturan yang ditetapkan sehingga insiden kematian si mati tidak dapat dikesan lebih awal;

*(b) Scheduled CCTV observation at the lock-up did not comply with prescribed rules yang such that the incident of the deceased's death could not be discovered earlier;*

(c) kelemahan pengurusan buku perharian Balai Polis Triang, IPD Bera telah menyebabkan kejadian sebenar gagal direkodkan secara terperinci;

*(c) Weaknesses in the management of Triang Police Station's daily book, led to the actual incident not being recorded in detail;*

(d) kegagalan pihak polis menghantar si mati ke Penjara Bentong setelah si mati gagal membayar wang jaminan adalah salah laku yang serius kerana tidak mematuhi perintah Mahkamah; dan

*(d) Failure of the police to send the deceased to Bentong Prison after the deceased had failed to pay the release bond is a serious misconduct as it is a clear disobedience of the Court order; and*

(e) kegagalan anggota dan pegawai Balai Polis Triang dan IPD Bera dalam mematuhi Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Lokap PDRM 2014 sepanjang mengendalikan si mati.

*(e) Failure by the personnel and officers of Triang Police Station and IPD Bera in obeying the Inspector General of Police Standing Order/ Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) and the PDRM Lock-up Management Standard Operating Procedures (SOP) on PDRM Lock-up Management 2014/Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Lokap PDRM 2014 throughout the detention and handling of the deceased.*

Suruhanjaya memandang serius kelemahan-kelemahan pengendalian tahanan lokap dan ketidakpatuhan SOP tersebut dan Suruhanjaya telah mengemukakan kelemahan-kelemahan dan ketidakpatuhan itu kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk penambahbaikan serta tindakan lanjut mereka.

*The Commission views seriously the weaknesses in the handling of lock-up detainees and non-compliance of SOPs. The Commission has highlighted these weaknesses and non-compliances to the relevant authorities for their immediate remedial and improvement action.*

Suruhanjaya dengan ini menyeru semua pihak yang terlibat dalam pengendalian tahanan dalam lokap supaya menjalankan tugas berdasarkan pematuhan terhadap SOP serta amalan integriti tanpa kompromi.

*The Commission hereby calls on all parties involved in the handling of lock-up detainees to perform their duties based on full compliance towards SOPs and with uncompromising integrity.*

## LAPORAN EAIC MENGENAI SIASATAN KE ATAS TINDAKAN PIHAK POLIS YANG MENAHAN DAN MENANGKAP SITI ZABEDAH BINTI KASIM YANG DIKATAKAN MELARIKAN SESEORANG DALAM JAGAAN PIHAK YANG SAH SECARA SALAH SERTA MENGHALANG PENJAWAT AWAM

## *INVESTIGATION REPORT ON THE ACTION OF POLICE OFFICERS WHO ARRESTED AND DETAINED SITI ZABEDAH BINTI KASIM WHO WAS SUSPECTED OF WRONGFULLY DETAINING AN INDIVIDUAL FROM THE CARE OF THE RIGHTFUL PARTY AND OBSTRUCTING A CIVIL SERVANT*

### Pengenalan Kes

### *Case Introduction*

Pada 24/6/2018, Suruhanjaya telah menerima maklumat melalui penyebaran berita di media perdana berhubung dengan penahanan Siti Kasim oleh pihak polis pada jam 12.40 tengah malam, di Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Kajang atas dakwaan melakukan kesalahan di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan iaitu menghalang penjawat awam menjalankan tugas dan terdapat alasan yang munasabah beliau terlibat melakukan kesalahan di bawah seksyen 363 Kanun Keseksaan kerana menculik Anis Nur Izzaty binti Ruslan ("Anis") yang dikatakan sebagai anak guam Siti Kasim.

*On 24/6/2018, the Commission received information through news from prime media regarding the arrest of Siti Kasim by the police at 12.40 pm, at Kajang District Police Head Quarters (IPD Kajang) on a charge under section 186 of the Penal Code, which is obstructing a civil servant from performing duties, along with reasonable suspicion of also committing an offence under section 363 of the Penal Code by abducting Anis Nur Izzaty binti Ruslan ("Anis") who is said to be Siti Kasim's client.*

### Terma-Terma Rujukan Pasukan Petugas

### *Terms of Reference of the Task Force*

Terma-terma rujukan *(Terms of Reference)* Pasukan Siasatan adalah seperti yang berikut:

*The Terms of Reference of the Task Force are as follows:*

(a) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku dan pelanggaran *Standard Operating Procedure* (SOP) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai / anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) semasa melaksanakan tangkapan terhadap Siti Kasim bagi meneruskan siasatan di bawah seksyen 363/186 Kanun Keseksaan;

(b) Untuk mengenal pasti sama ada proses penggeledahan yang dilakukan di rumah Siti Kasim terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran SOP semasa;

(c) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

(i) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;

(ii) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedure* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong berlakunya salah laku tersebut; dan

(iii) siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

(d) Untuk menyediakan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

*(a) To determine if there was any misconduct or non-compliance of Standard Operating Procedures (SOP) as prescribed under section 24 of Act 700 by Royal Malaysian Police (PDRM) officers / personnel while undertaking the arrest of Siti Kasim for their investigation under section 363/186 of the Penal Code;*

*(b) To determine if there was any misconduct or non-compliance of SOPs during the search conducted at Siti Kasim's house;*

*(c) If any misconduct was evident, to determine and identify:*

*(i) how and why such misconduct occurred;*

*(ii) what rules, methods, SOPs or mechanisms caused or lead to the misconduct; and*

*(iii) who are the individuals responsible for the misconduct;*

*(d) To draft a report on the results and findings of the investigation.*

## Kronologi Kes

- Ibu kepada Anis telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya iaitu berkaitan anaknya yang disyaki mengalami gangguan mental *(mentally disorder)* dan perlu dirawat.

## *Case Chronology*

- *Anis' mother had lodged a police report at IPD Putrajaya regarding her daughter, who was suspected of a mental disorder that required treatment.*

- Ibu kepada Anis telah memaklumkan kepada pihak polis bahawa kini Anis berada di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Shah Alam. Pihak polis bertindak daripada maklumat tersebut telah menemukan Anis dan membawanya ke Hospital Kajang untuk penilaian dan pemeriksaan.

- Semasa Anis berada di Zon Kuning Wad Kecemasan Hospital Kajang, seorang perempuan melayu iaitu Siti Kasim telah meluru masuk ke wad kecemasan dan menjerit-jerit memanggil nama Anis.

- Seorang anggota polis yang berada di situ telah meminta Siti Kasim supaya tidak membuat bising di wad kecemasan hospital. Tanpa mengendahkan permintaan tersebut, Siti Kasim sebaliknya terus menjerit bertanya "*Who are you*" dan telah memaklumkan beliau adalah seorang anggota polis dan menasihati Siti Kasim agar tidak mencetuskan sebarang bentuk perselisihan atau pergaduhan serta memohon beliau keluar dari wad kecemasan. Namun, Siti Kasim tetap menjerit *"don't touch me, I am a lawyer"* dan ketika itu Anis telah keluar meluru ke arah Siti Kasim dan memeluk Siti Kasim.

- Anis telah dibawa keluar oleh Siti Kasim dari wad kecemasan. Kemudiannya, Siti Kasim telah bertengkar dengan ibu dan ayah Anis yang ketika itu berada di ruangan menunggu Wad Kecemasan Hospital Kajang. Selepas itu, Anis telah dibawa keluar oleh Siti Kasim dari Wad Kecemasan Hospital Kajang.

### Keterangan Pegawai Perubatan

- Semasa menjalankan penilaian ke atas pesakit secara oral, pesakit memaklumkan bahawa ibu dan polis berkomplot untuk

- *Anis' mother informed the police that Anis is currently at the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) in Shah Alam. The police acting on the information found Anis and duly brought her to the Kajang Hospital for assessment and examination.*

- *While Anis was in the Yellow Zone of the Emergency Ward at Kajang Hospital, a Malay woman, namely Siti Kasim, barged into the Emergency Ward and yelled out Anis' name.*

- *A police officer at the ward asked Siti Kasim to be quiet in the hospital's Emergency Ward. Ignoring the request, Siti Kasim instead shouted "who are you". The police officer informed Siti Kasim that he is a police officer and advised her not to start a dispute or quarrel and requested for her to leave the Emergency Ward. However, Siti Kasim kept shouting "don't touch me, I am a lawyer" and at that time Anis came out and ran towards Siti Kasim and hugged her.*

- *Anis was then taken out of the Emergency Ward by Siti Kasim. Later on, Siti Kasim quarrelled with Anis' mother and father who at the time were at the waiting area of the Kajang Hospital Emergency Ward. Following this, Anis was taken by Siti Kasim away from the Emergency Ward.*

### *Statement by the Medical Officer*

- *Suring oral assessment of the patient, the patient informed that her mother and the police conspired to bring her to the Kajang*

membawa pesakit ke Hospital Kajang dan ibu pesakit menderanya secara verbal dan emosi selama bertahun-tahun sebelum ini. Pada awalnya, pesakit tidak mahu diambil darah untuk ujian tetapi selepas dipujuk barulah pesakit membenarkan darahnya diambil.

*Hospital, and that the patient's mother has abused her verbally and emotionally for years. Initially, the patient was reluctant to have her blood drawn for tests, but relented after being persuaded.*

- Doktor bertanyakan soalan mengenai tingkah laku Anis dan ibunya menjelaskan bahawa sebagai seorang ibu, beliau risau dengan perubahan tingkah laku pesakit dan pesakit pernah mengugut untuk membunuh diri serta melacurkan diri melalui pesanan ringkas (SMS) yang dihantar.

- *The doctor queried about the patient's behaviour. The patient's mother explained that she was worried with the patient's change in behaviour, and that the patient had threatened to commit suicide and prostitute herself via SMS message.*

### Serbuan Rumah Siti Kasim

### *Raid on Siti Kasim's House*

- Pada 23/06/2018 jam lebih kurang 2100hrs, berdasarkan maklumat awam, sepasukan polis tiba di rumah suspek dan mangsa (Anis) dipercayai berada di dalam rumah tersebut.

- *On 23/06/2018 around 2100hrs, based on a public tip-off, a police squad arrived at the suspect's house where the victim (Anis) was believed to be.*

- Pasukan polis berjaya memasuki rumah dengan memecahkan pintu setelah beberapa kali menekan loceng dan meminta untuk dibuka pintu tidak diendahkan. Pasukan polis berjaya menjumpai mangsa yang bersembunyi di dalam tandas.

- *The police squad successfully entered the house by breaking down the door after several doorbell rings and requests to open the door were ignored. The police squad found the victim hiding in the bathroom.*

- Anis seterusnya di bawa ke IPD Kajang dan diletakkan di dalam bilik rehat dan laporan polis dibuat untuk menghantarnya ke hospital bagi pemeriksaan.

- *Anis was taken to IPD Kajang and placed in a rest area and a police report was made to deliver her to a hospital for examination.*

- Tidak lama kemudian, Siti Kasim bersama beberapa orang telah hadir ke pejabat polis bertanyakan mengenai Anis. Suasana menjadi kecoh apabila Siti Kasim telah mempersoalkan kuasa polis membawa Anis yang juga anak guamnya ke Balai Polis Kajang.

- *Soon after, Siti Kasim with several others appeared at the police station to ask about Anis. A commotion erupted when Siti Kasim questioned the authority of the police to bring Anis, who is also her client, to the Kajang Police Station.*

- Pihak Polis telah maklumkan kepada Siti Kasim bahawa pihak polis bertindak atas laporan polis berikutan kejadian di Hospital Kajang dan laporan polis daripada ibu Anis yang menyatakan anaknya mempunyai masalah mental. Pihak Polis juga tidak membenarkan Siti Kasim untuk berjumpa dengan Anis kerana ini boleh mengganggu siasatan polis.

- Pegawai D5 Siasatan Perundangan IPD Kajang, telah memanggil Siti Kasim untuk masuk ke dalam bilik pentadbiran dan memaklumkan beliau akan membuat tangkapan ke atas Siti Kasim di bawah seksyen 363/186 Kanun Keseksaan. Berhubung dengan persoalan daripada Siti Kasim akan justifikasi tangkapan tersebut, beliau menjelaskan bahawa tangkapan dibuat atas kesalahan-kesalahan berikut:
  - o membawa lari Anis yang berada di bawah jagaan Hospital Kajang (Anis ketika itu menjalani pemeriksaan oleh pihak hospital);
  - o melarikan orang dari jagaan yang sah iaitu anggota eskot polis; dan
  - o menghalang penjawat awam dari menjalankan tugas.

- Siti Kasim turut mempersoalkan hak polis untuk menangkapnya kerana dia adalah peguam kepada Anis dan dia ada hak ke atas Anis. Pegawai tersebut telah jelaskan semula kepada Siti Kasim bahawa Anis masih dalam kawalan pihak polis dan sedang menjalani rawatan di hospital. Oleh itu, tindakan Siti Kasim membawa lari Anis dari hospital telah menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

- Sejurus Siti Kasim keluar dari bilik tersebut, beliau telah menjerit *"They want to arrest me!!"*. Rakan-rakan Siti Kasim yang berada

- *The police informed Siti Kasim that they were acting on a police report pursuant to the prior incident at Kajang Hospital and a police report by Anis' mother which states that her daughter suffers from a mental disorder. The police also did not allow Siti Kasim to meet with Anis as this may interrupt with their investigation.*

- *IPD Kajang's Legal Investigation D5 Officer, called Siti Kasim to enter the administration room and informed her that he will arrest her under section 363/186 of the Penal Code. To queries by Siti Kasim on the justification of the arrest, the officer explained that the arrest was made based on the following offences:*
  - *o abducting Anis who was under the custody of the Kajang Hospital (Anis at the time was undergoing examination by the hospital);*
  - *o abducting an individual from the rightful custodian, which at the time was the police escort party; and*
  - *o obstructing civil servants from performing their duties.*

- *Siti Kasim also questioned the authority of the police to arrest her, as she is Anis' attorney and she therefore has rights over Anis. The officer explained again to Siti Kasim that Anis is still under police custody and undergoing treatment at the hospital. Therefore, Siti Kasim's act of bringing Anis away from the hospital has obstructed civil servants from performing their duties.*

- *Immediately after Siti Kasim exited the room, she yelled "They want to arrest me!!". Siti Kasim's companions who were*

di luar bilik tersebut mengeluarkan telefon bimbit masing-masing dan merakam kejadian tersebut. Siti Kasim juga telah mempertikaikan tindakan polis ke atas tangkapan yang akan dibuat ke atasnya.

*outside the room took out their phones and began recording the incident. Siti Kasim also questioned the actions of the police regarding her impending arrest.*

- Tidak lama kemudian, pegawai atasan polis telah memberi arahan supaya menggari dan tangkap Siti Kasim. Siti Kasim telah menjerit "*You nak gari I!*" Siti Kasim kemudiannya telah menyatakan kesudiannya memberikan kerjasama dan beliau tidak digari. Pegawai polis juga telah meminta supaya rakan-rakan Siti Kasim beredar dan keluar dari pejabat D9 BSJ IPD Kajang.

- *Shortly thereafter, a senior police officer instructed to cuff and arrest Siti Kasim. Siti Kasim screamed "you nak gari I!" She then stated her willingness to cooperate and was not handcuffed. Police officers also requested for her companions to disburse and leave the IPD Kajang D9 BSJ office.*

- Pegawai polis telah membacakan sebab-sebab tangkapan dan hak-hak untuk berhubung dengan keluarga dan berjumpa dengan peguam kepada Siti Kasim.

- *Police officers then read out the reasons for arrest as well as Siti Kasim's right to contact with family and her own attorney.*

- Siti Kasim telah dirakamkan percakapannya di bawah 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang turut dihadiri oleh seorang peguam.

- *Siti Kasim's recorded her statement under section 112 of the Criminal Procedure Code (CPC), and this was also witnessed by an attorney.*

- Setelah selesai rakaman percakapan, Siti Kasim telah dihantar ke lokap Balai Polis Semenyih.

- *Following the recording of her statement, Siti Kasim was sent to the Semenyih Police Station lock-up.*



SITI KASIM CASE

# 'I WANT A REPORT FROM IGP'

## This must be done before taking any action, says minister

NST ONLINE
**KUALA LUMPUR**
cnews@nstp.com.my

HOME Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said he has asked the Inspector-General of Police (IGP) to give him a comprehensive report with regard to the Siti Kasim issue before taking any action.

He said he was aware of the need to balance public and private interests without impeding police investigations.

"(I am aware) of the public outcry related to police investigations into allegations made against lawyer Siti Kasim caused by a report lodged by a mother that her daughter had been allegedly kidnapped.

"I have also noted Siti Kasim's response that she was, at all times, acting as legal counsel for the victim."

He said he was aware of the right of the individual to legal counsel as well as the right of counsel to act without being subjected to threats and harassment by any party.

"I note that the application by the police to remand Siti Kasim was not granted by the court yesterday.

"Consistent with the doctrine of separation of powers, the court's role to adjudicate the merits of the application by the police and to balance them against the fundamental liberties enshrined under the Constitution must be respected by all parties concerned."

There have been calls for Muhyiddin to step in with regard to the matter in which Siti Kasim, whose full name is Siti Zabedah Kasim, was arrested for allegedly kidnapping her own client. She was initially held at the Kajang police headquarters.

Police had on Saturday raided a house in Segambut and rescued a woman, who was reported as having been kidnapped.

Siti Kasim, the legal counsel for the woman, appeared at the police headquarters and was subsequently detained to assist in the investigation.

An application to hold her on remand was madeon Sunday, but it was rejected.

It was reported that the woman's mother had lodged a report on June 21 claiming that Siti Kasim had abducted the woman, who was undergoing psychiatric treatment at Kajang Hospital.

A report was also lodged against Siti Kasim by a policeman who was escorting the woman at the hospital.

*Siti Zabedah Kasim*

## EAIC to probe police action

**PUTRAJAYA:** The Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) views with grave concern allegations of police impropriety and misuse of power in the arrest of lawyer-activist Siti Kasim on Sunday.

EAIC said it would look into the matter to determine whether the police had followed the standard operating procedure in making the arrest.

"This is in line with the provision under Section 28 of the Enforcement Agency Integrity Commission 2009 (Act 700), whereby the commission may commence its own investigation since the matter is of significant interest to the public," it said in a statement yesterday.

Kajang police chief Assistant Commissioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff was quoted as saying that police would investigate the case under Sections 363 and 186 of the Penal Code for abduction and obstructing a civil servant from discharging his duties.

## Tatacara Siasatan

### Taklimat oleh IPD Kajang

- Mendapatkan maklumat awal serta memaklumkan bahawa Suruhanjaya sedang menyiasat isu berkaitan tangkapan serta penggeledahan yang dijalankan ke atas rumah Siti Kasim bagi menyelamatkan Anis.

- Selain itu, Pasukan Siasatan Suruhanjaya juga telah membuat lawatan serta ditaklimatkan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kajang berkaitan pesakit bernama Anis.

### Merekodkan keterangan saksi-saksi

Pasukan Siasatan Suruhanjaya juga telah merakam keterangan seramai 12 orang saksi di bawah seksyen 112 KTJ dibaca bersama seksyen 32 Akta 700.

## Analisa Dan Dapatan Siasatan Suruhanjaya

### Isu Tangkapan

Berdasarkan keterangan saksi-saksi dan dokumen sokongan yang diperoleh, Suruhanjaya berpandangan bahawa isu tangkapan Siti Kasim di pejabat D9 Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kajang adalah dibuat secara sah dan menurut undang-undang. Pihak polis telah bertindak berdasarkan peruntukan seksyen 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] yang mana memperuntukkan mana-mana orang boleh ditangkap tanpa waran sekiranya disyaki melakukan kesalahan yang lazimnya boleh ditangkap (*seizable offence*) atau menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

## *Investigation Procedure*

### *Briefing by IPD Kajang*

- *Obtaining initial information and informing the police that the Commission has opened an investigation on the issue of the arrest and searches conducted on the house of Siti Kasim to rescue Anis.*

- *Additionally, the Commission's Task Force had also visited and was briefed by the medical officer of Kajang Hospital concerning the patient by the name of Anis.*

### *Recording witnesses' statements.*

- *The Commission's Task Force also recorded statements from 12 witnesses, under section 112 of the CPC read together with section 32 of Act 700.*

## *The Commission's Investigation Analysis and Findings*

### *The Issue of the Arrest*

*Based on the statements by witnesses and supporting documents acquired, the Commission finds that the issue of the arrest of Siti Kasim at the D9 Bahagian Siasatan Jenayah office at IPD Kajang was conducted legally and in accordance to the law. The police acted in compliance to section 23(1)(a) Criminal Procedure Code [Act 593] which allocates for the arrest of an individual without a warrant if suspected to have committed a seizable offence or obstructing a civil servant from performing his duties.*

Peruntukan seksyen 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dipetik seperti yang berikut:

*"When police or penghulu may arrest without warrant*
*23. (1) Any police officer or penghulu may without an order from a Magistrate and without a warrant arrest—*
*(a) any person who has been concerned in any offence committed anywhere in Malaysia which is a seizable offence under any law in force in that part of Malaysia in which it was committed or against whom a reasonable complaint has been made or credible 25 information has been received or a reasonable suspicion exists of his having been so concerned;*
*(b) ...*
*(c) ...*
*(d) ...*
*(e) any person who obstructs a police officer while in the execution of his duty or who has escaped or attempts to escape from lawful custody;"*

Mahkamah Persekutuan dalam kes Ramly & Ors v. Jaffar [1968] 1 35 MLJ 209 telah menggariskan prinsip bahawa sama ada terdapat sebab yang munasabah (*reasonable suspicion*) dan/atau maklumat yang boleh dipercayai menurut perenggan 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], adalah perlu dilihat secara objektif berdasarkan fakta sedia ada.

Berhubung dengan penegasan Siti Kasim bahawa Anis adalah anak guamnya, Mahkamah Rayuan (PUTRAJAYA) dalam kes Leonard Teoh Hooi Leong v Public Prosecutor [2010] 3 MLJ 373 telah memutuskan bahawa: Hakim Mahkamah Tinggi adalah betul apabila enggan menggunakan kuasa semakan beliau untuk mengakas keputusan Majistret. Dalam kes ini, prosedur seksyen 117 KPJ telah dipatuhi,

*An excerpt of section 23(1)(a) of the Criminal Procedure Code [Act 593] is as follows:*

*"When police or penghulu may arrest without warrant*
*23. (1) Any police officer or penghulu may without an order from a Magistrate and without a warrant arrest—*
*(a) any person who has been concerned in any offence committed anywhere in Malaysia which is a seizable offence under any law in force in that part of Malaysia in which it was committed or against whom a reasonable complaint has been made or credible 25 information has been received or a reasonable suspicion exists of his having been so concerned;*
*(b) ...*
*(c) ...*
*(d) ...*
*(e) any person who obstructs a police officer while in the execution of his duty or who has escaped or attempts to escape from lawful custody;"*

*The Federal Court in the case Ramly & Ors v. Jaffar [1968] 1 35 MLJ 209 underlined the principle that regardless of there being reasonable suspicion and/or reliable information based on paragraph 23(1)(a) Criminal Procedure Code [Act 593], the case must be assessed objectively based on the available facts.*

*Regarding the statement by Siti Kasim that Anis is her client, the Court of Appeal (PUTRAJAYA) in the case of Leonard Teoh Hooi Leong v Public Prosecutor [2010] 3 MLJ 373 concluded that: the High Court judge was right in holding from using his powers of review to overturn the decision of the Magistrate. In this case, the section 117 CPC procedures were complied with, and thus the Appellant cannot hide behind the skirt of*

Perayu tidak boleh berlindung di sebalik '*skirt of privilege*' apabila dia sedang disiasat berhubung kes jenayah.

*privilege when he is being investigated under a criminal case.*

Dalam hal ini, didapati tiada tindakan diskriminasi secara tidak wajar yang berlaku kerana arahan tangkapan terhadap Siti Kasim dibuat berdasarkan fakta dan peruntukan perenggan 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], antara lainnya, kerana

(a) menghalang penjawat awam menjalankan tugas yang juga merupakan kesalahan boleh ditangkap di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan bersabit laporan polis KAJANG/23052/18; dan

(b) terdapat sebab yang munasabah (*reasonable suspicion*) dan/atau maklumat yang boleh dipercayai beliau terlibat melakukan kesalahan boleh ditangkap di bawah kesalahan seksyen 362 melarikan orang yang boleh dihukum dibawah seksyen 363 Kanun Keseksaan kerana menculik dari jagaan yang sah seorang pesakit iaitu Anis yang sedang dalam pemeriksaan pihak pegawai perubatan menurut seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001[Akta 615] dan bersabit repot yang dibuat oleh ibu kepada Anis iaitu PRESINT 7/005721/18 dan PRESINT 7/005630/18.

*In this matter, it was found that no unfair discrimination occurred because the instruction to arrest Siti Kasim was made based on facts and the allocation by section 23(1)(a) Criminal Procedure Code [Akta 593], among others, due to*

*(a) obstructing a civil servant from performing his duties, which is also a seizable offence under section 186 of the Penal Code based on the police report KAJANG/23052/18; and*

*(b) there was reasonable suspicion and/ or reliable information that Siti Kasim was involved in a seizable offence under section 362 (abducting a person) which can be penalised under section 363 of the Penal Code, for abducting from the rightful custody, a patient namely Anis, undergoing medical examination by a medical officer under section 11 of the Mental Health Act 2001[Act 615] and pursuant to reports lodged by Anis' mother, PRESINT 7/005721/18 and PRESINT 7/005630/18.*

Seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] memperuntukkan bahawa bagi melindungi hak orang ramai, seseorang yang disyaki mengalami kecelaruan mental dan dikhuatiri berbahaya kepada dirinya sendiri atau ke atas orang lain, boleh ditahan oleh pihak polis dan pegawai polis yang menahan pesakit tersebut dikehendaki membawa pesakit tersebut untuk diperiksa oleh pengamal perubatan tidak lebih daripada tempoh 24 jam selepas penahanan dibuat.

*Section 11 of the Mental Health Act 2001 [Act 615] states that, for the protection of the general public, a suspect facing mental disorder and is concerned to be a danger to himself or others, may be arrested by the police and the arresting police officer is required to bring the patient for examination by a medical practitioner within 24 hours of the arrest.*

**Isu Serbuan**

Serbuan yang dibuat oleh pihak polis ke atas rumah Siti Kasim juga didapati teratur dan mengikuti SOP yang berkuatkuasa. Pihak polis telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepolisan berdasarkan PTKN BHG A 143 Para 9.3.1 iaitu tindakan polis adalah bersabit repot KAJANG/023052/18 iaitu satu kejadian yang berlaku di hospital Kajang pada jam 1630hrs yang mana pengadu merupakan seorang anggota polis yang bertugas di Balai Polis Presint 7 melaporkan kejadian seorang pesakit perempuan melayu dilarikan oleh seorang perempuan melayu iaitu Siti Kasim.

***The Issue of the Raid***

*The raid conducted by the police on Siti Kasim's house was also found to be in order and in accordance to enforced SOPs. The police had carried out their policing duties and responsibilities based on PTKN BHG A 143 Para 9.3.1 which is that the police action was pursuant to the police report KAJANG/023052/18 regarding an incident which happened at Kajang Hospital at 1630hrs whereby the complainant is a police officer on duty in the Presint 7 Police Station, who reported that a Malay female patient was taken away by a Malay woman named Siti Kasim.*

**Isu Gari**

Merujuk kepada isu penggarian ke atas Siti Kasim semasa Siti Kasim berada di Pejabat D9 IPD Kajang, beliau tidak digari atas budi bicara serta Siti Kasim sudi memberi kerjasama berkaitan kes ini. Justeru, kuasa budi bicara tersebut yang melibatkan hak asasi dan kebebasan diri seseorang telah digunakan dengan wajar, adil dan akauntabiliti.

Menurut kepada gambar Siti Kasim digari selepas permohonan reman ditolak oleh Mahkamah Majistret Kajang, Pegawai Penyiasat Kes menyatakan bahawa beliau tidak memberi apa-apa arahan berkaitan Siti Kasim kekal digari. Peguam Siti Kasim ada membangkitkan kewajaran terus menggari kepada Pendaftar Mahkamah, namun tiada arahan dan kata putus Pendaftar supaya gari dibuka.

Berdasarkan peruntukan subseksyen 28(3) KTJ, tempoh penahanan, pada ketiadaan atau selepas tamat perintah khas daripada Majistret di bawah seksyen 117 KTJ, mestilah tidak melebihi 24 jam tanpa dikira masa yang

***The Issue of Handcuffing***

*Referring to the issue of handcuffing Siti Kasim while she was in the D9 IPD Kajang office, Siti Kasim was not handcuffed at the discretion of the police officer due to Siti Kasim's willingness to cooperate with their investigation. Therefore, the discretionary powers which involve an individual's basic rights and personal liberties, were used justly, reasonably and accountably.*

*In regard to an image of Siti Kasim being handcuffed after her remand request was declined by the Kajang Magistrate Court, the Case Investigation Officer stated that he did not give any orders for Siti Kasim to remain cuffed. Siti Kasim's attorney questioned the reason behind keeping her client cuffed to the Court Registrar, however no instruction or decision to uncuff Siti Kasim was given by the Registrar.*

*Based on the provision in subsection 28(3) of the CPC, the period of detention, on the unavailability or after the end of the Magistrate's special instruction under section 117 of the CPC, cannot exceed 24 hours without counting*

perlu untuk perjalanan dari tempat tangkapan ke hadapan Majistret. Oleh itu, memandangkan tempoh penahanan 24 jam masih ada maka tindakan meneruskan penggarian terhadap Siti Kasim adalah teratur di sisi undang-undang.

*the travel time from the detention location to appearing before the Magistrate. Therefore, given that there was still a remainder of the 24-hour detention period, the action to continue handcuffing Siti Kasim was in order and in accordance with the law.*

## Kesimpulan

## *Conclusion*

Mengambil kira fakta-fakta, keterangan-keterangan dan dapatan siasatan Suruhanjaya, adalah disyorkan untuk siasatan dihentikan dan tiada salah laku pihak polis yang boleh diambil tindakan di bawah Akta 700.

*After considering the facts, statements and the Commission's investigation findings, it is therefore recommended that the investigation be halted and that there was no misconduct by the police which can be acted upon under Act 700.*

# LAWATAN KERJA DAN SESI DIALOG EAIC BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN

## EAIC WORKING VISITS AND DIALOGUE SESSIONS WITH ENFORCEMENT AGENCIES

# LAWATAN KERJA DAN SESI DIALOG EAIC BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN
## EAIC WORKING VISITS AND DIALOGUE SESSIONS WITH ENFORCEMENT AGENCIES

**Jadual 11 : Senarai Lawatan Kerja EAIC Ke Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2018**
***Table 11 : List of EAIC Working Visits to Enforcement Agencies in 2018***

| BIL *NO* | TEMPAT *LOCATION* | AGENSI *AGENCY* | TARIKH *DATE* |
|---|---|---|---|
| 1. | Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu, Terengganu *Kuala Terengganu District Police Office, Terengganu* | PDRM | 11 Februari 2018 *11 February 2018* |
| 2. | Depot Tahanan Imigresen Ajil, Terengganu *Ajil Immigration Detention Depot, Terengganu* | JIM | 12 Februari 2018 *12 February 2018* |
| 3. | Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Gambang, Pahang *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Gambang, Pahang* | AADK | 13 Februari 2018 *13 February 2018* |
| 4. | Ibu Pejabat Polis Daerah WP Labuan *FT Labuan District Police Office* | PDRM | 24 April 2018 *24 April 2018* |
| 5. | Jabatan Pengangkutan Jalan WP Labuan *Road Transport Department, FT Labuan* | JPN | |
| 6. | Jabatan Imigresen Malaysia WP Labuan *Malaysian Immigration Department, FT Labuan* | JIM | |
| 7. | Jabatan Kastam Diraja Malaysia WP Labuan *Royal Malaysian Customs Department, FT Labuan* | JKDM | |
| 8. | Pos Imigresen Wang Kelian *Wang Kelian Immigration Post, Perlis* | JIM | 12 Disember 2018 *12 December 2018* |
| 9. | Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis *Immigration, Customs and Quarantine Complex, Padang Besar, Perlis* | JIM | 13 Disember 2018 *13 December 2018* |

Pada tahun ini, EAIC meneruskan lagi siri lawatan ke agensi-agensi penguatkuasaan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama/ *networking building* bersama-sama agensi seliaan EAIC serta membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh pegawai-pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan. Lawatan kerja ini diketuai oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Dato' A. Aziz bin A. Rahim dan disertai pegawai-pegawai kanan EAIC. Dalam lawatan ini, antara isu-isu yang disentuh adalah berkaitan :

- Pemeriksaan penumpang yang mengunakan perkhidmatan Keretapi Eastern 7 Oriental (E&O) perjalanan dari Bangkok ke Singapura/Singapura ke

In this year, the EAIC continued its series of working visits to enforcement agencies to strengthen the working relationship and network building with the agencies under its purview, and deliberate issues faced by the enforcement officers in performing their duties. These working visits were led by the EAIC Chairman, YBhg. Dato' A. Aziz bin A. Rahim and attended by the EAIC's senior officers. Among issues discussed include:

- Inspection of passengers on the Eastern & Oriental Train service from Bangkok to Singapore/Singapore to Bangkok, who have not been inspected by Immigration

Bangkok yang tidak pernah diperiksa oleh pihak Imigresen. Keadaan ini dikhuatiri terdapat individu yang bukan penumpang menggunakan perkhidmatan ini untuk masuk ke negara tanpa permit yang sah. Selain itu, pihak imigresen juga tidak mempunyai maklumat berkaitan penumpang kereta api. EAIC mengesyorkan supaya Jabatan Imigresen Malaysia membawa perkara ini ke Mesyuarat Khas Kabinet Mengenai Rasuah (JKKMMAR) untuk mendapatkan keputusan/arahan selanjutnya daripada Kerajaan.

- Laluan jejantas Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Kompleks ICQS Pasang Besar membuka ruang kepada pendatang asing masuk ke negara ini tanpa permit yang sah kerana terdapat individu bukan penumpang KTMB menggunakan laluan yang sama yang dikhaskan untuk penumpang KTMB. Pihak Imigresen mencadangkan agar pihak KTMB mengalihkan laluan jejantas ini terus ke Kompleks ICQS Padang Besar agar semua individu yang menggunakan jejantas ini mestilah melalui pemeriksaan imigresen.

authorities. The concern in this situation is that there may be non-passenger individuals using this service to enter the country without a valid permit. Additionally, the immigration authorities also do not have information on the train's passengers. The EAIC recommended for the Malaysian Immigration Department to raise this issue to the Cabinet Special Meeting on Corruption / *Mesyuarat Khas Kabinet Mengenai Rasuah* (JKKMMAR) for a decision from the Government.

- The Keretapi Tanah Melayu (KTMB) overhead bridge at the Padang Besar ICQS Complex allows foreign aliens to enter the country without a valid permit. Individuals who are non-KTMB passengers are found to utilise the passageway reserved for KTMB passengers. The Immigration Department has suggested for KTMB to move the overhead bridge directly to the Padang Besar ICQS Complex to ensure all individuals crossing it must have cleared immigration.





- Kenderaan merempuh palang kaunter kawalan keluar. Kejadian ini berlaku apabila 5 minit ke 10 minit pintu keselamatan ditutup. Insiden ini boleh membahayakan keselamatan pegawai bertugas terutama ketika pegawai yang sedang melintas di kaunter keluar tersebut. Laporan polis mengenai kejadian ini telah dibuat dan meminta tindakan sewajarnya oleh PDRM.

- A vehicle rammed into the exit control counter. This incident happened within 5-10 minutes of the security gate closing. This may endanger the safety of the officers on duty, especially officers crossing the said exit counters. A police report of the incident was submitted which requested the appropriate action from PDRM.

- Pagar Laluan keretapi KTMB Malaysia-Thailand tanpa kawalan pihak Imigresen dimana pendatang asing bebas memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah. Tiada pemeriksaan dijalankan terhadap pendatang asing dan menyebabkan terdapat pendatang asing tinggal melebihi tempoh yang ditetapkan *(over stay)*.

- The Passing Gate of the Malaysia-Thailand KTMB train does not have an Immigration control, and foreign visitors may enter the country without proper or valid documentation. No inspections were conducted on foreign visitors which have led to some of them overstaying.






- Tugas dan tanggungjawab Pasukan Gerakan Am (PGA PDRM) di Kompleks yang hanya membuka dan menutup pintu keselamatan Kompleks sepatutnya diperlukan untuk menjaga keselamatan aset dan pegawai agensi yang bertugas di Kompleks. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang disediakan oleh

- The roles and responsibilities of the PDRM's Pasukan Gerakan Am (PGA PDRM) at the Complex is limited to only the opening and closing of the Complex's security gate. They should be required to provide safety and security of assets and duty officers at the Complex. However, as there are no Standard Operating Procedures (SOP) prepared by the

pihak Kompleks, PGA PDRM hanya mengawal di pintu keselamatan.

- Pihak Kastam mencadangkan agar menempatkan pegawai Unit Tindakan Khas PDRM di Kompleks terutama semasa pegawai Kastam menjalankan pemeriksaan penumpang bagi menjamin keselamatan. Pihak EAIC mengambil maklum dan akan memanjangkan cadangan ini untuk pengetahuan Ketua Polis Negara (IGP).

Complex authority, the PGA PDRM are only required to man the security gate.

- The Royal Malaysian Customs Department proposed to place PDRM Unit Tindakan Khas officers at the Complex as protection for Customs officers, especially when they are conducting inspections on passengers. The EAIC takes note of these concerns and will forward them for the notification of the Inspector General of Police.

## DIALOG PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA AGENSI SELIAAN

Lima (5) Sesi Dialog bersama Pengurusan Tertinggi agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC telah dijalankan pada tahun ini iaitu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Isu-isu berkaitan polisi dan penguatkuasaan undang-undang serta tatacara / peraturan (SOP) sedia ada serta usaha-usaha pengukuhan integriti di kalangan agensi berkaitan telah dibincangkan semasa sesi-sesi dialog tersebut.

Berikut adalah rangkuman isu-isu yang dibangkitkan serta maklum balas yang diterima oleh EAIC berdasarkan sesi dialog yang dijalankan:

❖ Tindakan ke atas salah laku anggota PDRM yang disyorkan oleh EAIC.

*JIPS telah mendapatkan nasihat perundangan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) berkaitan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) PDRM di dalam mematuhi syor-syor yang*

## *TOP-LEVEL MANAGEMENT DIALOGUE WITH AGENCIES UNDER EAIC PURVIEW*

Five (5) Dialogue Sessions with the Top-Level Management of enforcement agencies under EAIC supervision were held in this year, with the Royal Malaysian Police (PDRM), Malaysian Immigration Department (JIM), Royal Malaysian Customs Department (JKDM), Malaysia Maritime Enforcement Agency (APMM) dan the Road Transport Department (JPJ). Issues regarding the policies, enforcement of laws, discipline, current SOPs and efforts to strengthen integrity amongst agencies were deliberated in these dialogue sessions.

The following are the issues raised along with the feedback received from the EAIC based on the dialogue sessions:

❖ Action against misconduct on PDRM personnel recommended by the EAIC.

*JIPS has received legal advice from the Attorney General's Chambers (AGC) regarding PDRM's Disciplinary Authority / Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) in complying with recommendations by the*

*dikemukakan oleh EAIC. Pihak AGC memberi pandangan bahawa pihak PDRM atau PBT PDRM khususnya tidak terikat untuk mematuhi syor-syor berkenaan.*

*EAIC. The AGC is of the opinion that PDRM or the PBT specifically should not be tied to comply with these recommendations.*







- Penglibatan anggota PDRM dalam sindiket pengedaran dadah.

*PDRM tidak berkompromi dalam sindiket pengedaran dadah yang melibatkan warganya yang turut disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Selain itu, PDRM mengambil tindakan dalaman iaitu membuka Kertas Siasatan Tatatertib (KST) di bawah Peruntukkan Perkara 36 atau Perkara 37 Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib) 1993. PDRM juga turut mengadakan saringan ujian air kencing mengejut terhadap anggota dan pegawai setiap 2 kali setahun..*

- Involvement of PDRM officers in narcotics distribution syndicates.

*PDRM does not compromise with narcotics distribution syndicates which involve their personnel, who are also investigated under Section 39B of the Dangerous Drugs Act 1952. In addition, PDRM also takes internal measures, which is to open its own Disciplinary Investigation Paper / Kertas Siasatan Tatatertib (KTB) under Section 36 or Section 37of the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993. PDRM also conducts surprise urine tests on personnel and officers twice a year.*

- Kebocoran kawalan sempadan dan pemerdagangan manusia di Wang Kelian yang telah dibangkitkan oleh media. Jumlah keseluruhan penemuan adalah seperti berikut :

(i) Struktur tanah menyerupai kubur : 147
(ii) Mayat ditemui: 130 (123 mayat dalam struktur tanah dan 7 mayat atas permukaan tanah)

*Hasil siasatan telah menangkap 44 orang (29 warga Bangladesh, 13 warga Myanmar*

- Border control leakages and human trafficking in Wang Kelian, which have been raised by the media. The total amount of findings are as follows:

(i) Earth structures resembling graves: 147
(ii) Corpses found: 130 (123 corpses in earth structures and 7 corpses on the ground)

*Investigation findings have led to the arrest of 44 individuals (29 Bangladesh*

*dan 1 warga Thailand). 4 saspek telah dikenakan tindakan manakala 12 lagi saspek telah dikenal pasti. Permohonan waran Tangkap telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kangar. Tindakan susulan adalah dengan memasukkan nama-nama saspek sebagai Wanted Person dan Senarai Pekeliling Khas (SPK) melalui KPP D4 Bukit Aman dan juga telah menyenaraikan nama-nama saspek dalam "Notis Merah" NCB/Interpol.*

❖ Isu / kekangan yang dihadapi oleh pihak Imigresen dalam menjalankan program pengusiran.

*Terdapat ramai pendatang asing yang tidak dapat dihantar pulang kerana pihak kedutaan tidak mahu mengiktirafkan kerakyatannya kemungkinan berpunca daripada faktor ekonomi dan ketidakstabilan politik di negara tersebut. Pihak Imiresen akan bekerjasama dengan pihak kedutaan negara-negara pendatang untuk memudahkan proses penghantaran pulang.*

❖ Jenis-jenis aduan salah laku dan integriti penguat kuasa yang dilaporkan terus kepada pihak Imigresen.

*Kebanyakan aduan salah laku anggota Imigresen diterima daripada Biro*

*nationals, 13 Myanmar nationals and 1 Thailand national). Action has been taken against 4 suspects while 12 more suspects have been identified. The arrest warrant has been issues by the Kangar Magistrate Court. Follow-up Action include entering the suspects names as Wanted Persons and into the Special Circular List (SPK) through KPP D4 Bukit Aman, and listing the suspects in the NCB/Interpol's "Red Notice".*

❖ Issues / constraints faced by the Immigration Department in conducting the deportation programme.

*There are many illegal immigrants who could not be deported because their respective embassies are not willing to recognise their citizenship, possibly due to economic or political instability reasons in their home country. The Immigration Department will cooperate with the respective embassies of the illegal immigrants to smoothen the process of deportation.*

❖ Types of enforcement officer misconduct and integrity complaints reported directly to the Immigration Department.

*Most misconduct reports on Immigration personnel are received from the Public*





*Pengaduan Awam (BPA) seperti tidak hadir bertugas, kesalahan-kesalahan dalam menjalankan tugasan utama dan masalah sosial lain seperti khalwat dan dadah.Pihak Imigresen memandang serius semua aduan yang dilaporkan meskipun hanya tidak hadir bertugas yang boleh mengakibatkan kebolosan pendatang asing. Setiap aduan telah diambil tindakan tegas oleh Bahagian Tatatertib untuk tindakan.*

*Complaints Bureau / Biro Pengaduan Awam (BPA). The types of reports include absence from duty, misconduct in performing their main duties and other social problems such as khalwat and drug abuse. The Immigration Department takes a serious view of all reports received, even minor problems such as absence from duty, as these could also lead to a leakage in border security and illegal immigration. Each report will be acted upon strictly by the Disciplinary Department.*

- Berhubung video viral yang tular di media sosial berkenaan seorang pegawai Imigresen yang bertugas di kaunter kemudiannya melakukan serangan fizikal terhadap seorang warga asing yang berurusan dengannya.

  *Kejadian tersebut berpunca daripada keengganan seorang warga asing yang fasih berbahasa melayu untuk mengikuti arahan pegawai tersebut untuk meletakkan cap jarinya walaupun setelah disuruh berkali-kali. Pegawai tersebut yang sehari sebelum itu bertugas menyertai operasi membanteras pendatang asing sehingga 2 pagi merasa penat dan tertekan menyebabkan beliau bertindak agresif dan memukul warga asing tersebut. Pihak Imigresen telah mengambil tindakan terhadap pegawai tersebut kerana perbuatannya yang tidak beretika dan professional itu secara tidak langsung telah mencemarkan nama jabatan.*

- Regarding the video that went viral on social media of an Immigration officer on duty at the counter physically attacking a foreign national dealing with him.

  *This incident started when a foreign national who speaks fluent Bahasa Melayu declined to heed the officer's instruction to place his fingerprints despite having been told many times. The officer who the night before had been on active duty in an operation to crack down on illegal immigrants until 2 am felt tired and stressed causing him to act aggressively and physically hitting the foreign national. The Immigration Department has taken action against the officer as his actions were unethical and unprofessional and have smeared the name of the department.*

- Kurang kesedaran mengenai peranan dan bidang kuasa EAIC di kalangan anggota Imigresen.

- Low awareness of the roles and powers of the EAIC amongst Immigration personnel.

*Kerjasama awal yang disarankan adalah melalui kursus / ceramah berhubung bidang kuasa Akta 700 kepada pegawai dan kakitangan Imigresen.*

*Initial cooperation that has been mooted include courses / talks to the Immigration personnel and officers, regarding the powers vested in the EAIC by Act 700.*




## MAJLIS AMANAT KHAS KETUA PENGARAH GIACC

## *SPECIAL MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL OF THE GIACC*

Majlis Penyampaian Amanat Khas oleh Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed telah berlangsung pada 13 Julai 2018 di Dewan Serbaguna Menara Usahawan, Putrajaya bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Aidilfitri oleh EAIC pada tahun ini.

Antara intipati amanat yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed adalah kepimpinan melalui teladan harus dijadikan sebagai elemen teras dalam sesebuah organisasi dan Negara. Seseorang pemimpin harus mempunyai asas kepimpinan tinggi yang berlandaskan prinsip-prinsip integriti serta tatacara kerja yang beretika. Beliau turut mengingatkan kewibawaan sesebuah negara dan juga sejauh mana sesebuah negara itu

The Special Message from the Director General of the Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre (GIACC), YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed was held on 13 July 2018 at the Multipurpose Hall of Menara Usahawan, Putrajaya in conjunction with the EAIC's Monthly Assembly and Hari Raya Aidilfitri Celebration for 2018.

Among the main messaging by YBhg. Tan Sir Abu Kassim Mohamed included that leadership by example must be made a core element in an organisation and the Nation in general. A leader must have strong leadership qualities based on principles of integrity and an ethical work culture. The Director General also gave a reminder that the greatness of a Nation and its effectiveness in fighting and minimising corruption, particularly in enforcement

dapat menyelesaikan atau mengurangkan masalah rasuah terutamanya di dalam agensi-agensi penguatkuasaan adalah merupakan standard yang boleh dikira sebagai dapat mengukur sejauh mana negara tersebut serius dalam menangani masalah rasuah.

agencies, is a standard which can be the yardstick to measure how serious a country is in handling corruption.

YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed turut menyentuh tentang penubuhan GIACC sebagai satu pendekatan yang lebih komprehensif dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi. GIACC bertanggungjawab merancang, menggubal strategi dan menilai dasar bagi memastikan urusan Kerajaan dilaksana berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.

YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed also touched on the establishment of the GIACC as a more comprehensive approach to creating a high integrity society in Malaysia. The GIACC is responsible for the planning, strategising and policy assessment to ensure that Government matters are carried out based on good governance, integrity and zero tolerance towards corruption.



Tan Sri Abu Kassim Mohamed turut mengulas mengenai pelaksanaan Pelan Anti – Rasuah Nasional (NACP) yang masih dalam proses pengumpulan data dan akan dirangka untuk pelaksanaan lima (5) tahun akan datang. Pelan itu juga akan mengikut syor yang diletakkan oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Pencegahan Rasuah (UNCAC)

*Tan Sri Abu Kassim Mohamed also spoke about the National Anti-Corruption Plan (NACP) which is still in the process of data collection and will be structured for execution within five (5) years. The plan will also comply with recommendations from the United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)*

# PENGAUDITAN AGENSI

AGENCY AUDIT

# PENGAUDITAN AGENSI
## AGENCY AUDIT

### PENGAUDITAN AGENSI

Pada tahun 2018, EAIC meneruskan lagi kerja-kerja pengauditannya dalam usaha memastikan agensi penguatkuasaan khususnya yang mempunyai pusat tahanan mematuhi peraturan dan tatacara kerja terpakai dalam menguruskan pusat tahanan. Hal ini adalah penting bagi mengelakkan kes-kes kematian dalam tahanan serta penyebaran penyakit berjangkit yang boleh membahayakan tahanan lain dan pegawai penguat kuasa. Berikut merupakan siri program pengauditan yang dijalankan oleh EAIC selaras dengan Seksyen 4 Akta 700.

### *AGENCY AUDIT*

*In 2018, the EAIC continued with its audit duties in line with continuous efforts to ensure enforcement agencies, particularly those that have detention centres, comply with rules and work ethics in the day-to-day management of detention centres. This is important to avoid cases of death in custody and avoid the spread of disease which may endanger the lives of other detainees and the enforcement officers. The following is the series of auditing programmes conducted by the EAIC in line with Section 4 of Act 700.*

***Jadual 12: Senarai Lawatan Pengauditan Yang Dijalankan Bagi Tahun 2018***
***Table 12: List of Audit Visits Conducted for Year 2018***

| BIL<br>*NO* | TEMPAT<br>*LOCATION* | TARIKH<br>*DATE* |
|---|---|---|
| 1. | Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak<br>*Langkap Immigration Detention Depot, Perak* | 30 Mac 2018<br>*30 March 2018* |
| 2. | Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Perlop, Sg. Siput, Perak<br>*Perlap Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Sg. Siput, Perak* | 31 Mac 2018<br>*31 March 2018* |
| 3. | Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Siput, Perak<br>*Sungai Siput District Police Head Office Lock-up, Perak* | 31 Mac 2018<br>*31 March 2018* |
| 4. | Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh, Perak<br>*Ipoh District Police Head Office, Perak* | 31 Mac 2018<br>*31 March 2018* |
| 5. | Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Selangor<br>*Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor* | 16 Julai 2018<br>*16 July 2018* |
| 6. | Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan<br>*Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan* | 15 Oktober 2018<br>*15 October 2018* |
| 7. | Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Kota Tinggi, Johor<br>*Kota Tinggi Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Johor* | 16 Oktober 2018<br>*16 October 2018* |
| 8. | Lokap Berpusat Air Molek, Johor<br>*Air Molek Centralised Lock-up, Johor* | 16 Oktober 2018<br>*16 October 2018* |
| 9. | Lokap Balai Polis Kangar, Perlis<br>*Kangar Police Station Lock-up, Perlis* | 13 Disember 2018<br>*13 December 2018* |
| 10. | Lokap Balai Polis Kuala Perlis, Perlis<br>*Kuala Perlis Police Station Lock-up, Perlis* | 13 Disember 2018<br>*13 December 2018* |
| 11. | Lokap Balai Polis Mata Ayer, Perlis<br>*Mata Ayer Police Station Lock-up, Perlis* | 13 Disember 2018<br>*13 December 2018* |

Antara isu-isu yang dibangkitkan dalam pengauditan adalah seperti yang berikut:

*Among issues raised during the audit process include the following:*

### Depot Tahanan Imigresen

### *Immigration Detention Depot*

Semasa sesi pengauditan depot-depot ini, antara perkara-perkara yang diperiksa adalah dari aspek pengurusan, dokumentasi, kemasukan dan pengusiran serta dari segi kemudahan, logistik dan kebajikan. Dalam menjalankan pengauditan, rujukan yang digunakan antaranya:

(a) Peraturan-peraturan Imigresen 1963;

(b) Peraturan-peraturan Imigresen (Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen) 2003;

(c) Arahan Tetap Ketua Pengarah Mengenai Kaedah-Kaedah Pentadbiran dan Pengurusan Tahanan Depot Imigresen;

(d) Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia Mengenai Tatacara Pengusiran PATI Yang ditahan di Lokap atau di Depot Tahanan Sementara Imigresen;

(e) Arahan Tetap Ketua Pengarah Mengenai Tatacara Pengendalian Jenazah PATI Yang Meninggal Dunia Dalam Tahanan;

(f) Prosedur Penerimaan, Pemeriksaan dan Pengasingan Tahanan PK(O).JD.01;

(g) Prosedur Pengendalian Rawatan Perubatan dan Riadah PK (O) JD.02;

(h) Prosedur Pengendalian Keselamatan PK (O) JD.03;

*During the audit session of these detention depots, among the themes inspected include the aspects of management, documentation, entry and deportation and in terms of facilities, logistics and welfare of detainees. In conducting the audit, references used include:*

*(a) Immigration Regulations 1963;*

*(b) Immigration (Administration and Management of Immigration Depots) Regulations 2003;*

*(c) Standing Order by the Director General Regarding the Administrative and Management Methods of Immigration Depot Detainees;*

*(d) Standing Order by the Director General of Immigration Malaysia Regarding the Procedures for Deportation of Illegal Immigrants Detained in Lock-ups or Immigration Temporary Detention Depots;*

*(e) Standing Order by the Director General Regarding the Procedure of Handling Corpses of Illegal Immigrants Who Died in Custody;*

*(f) Operating Procedure to Receive, Examine, and Separate Detainees PK(O).JD.01;*

*(g) Operating Procedure for Medical Treatment and Recreation PK (O) JD.02;*

*(h) Operating Procedure for Safety and Security PK (O) JD.03;*

(i) Prosedur Pengendalian Pengusiran dan Pemantauan PK (O) JD.04;

(j) Prosedur Pengendalian Urusan Penyajian Tahanan PK (O) JD.05.

## Dapatan Pengauditan

Secara umumnya, pengurusan depot-depot ini mengikut peraturan dan SOP yang telah ditetapkan. Antara aspek yang diperiksa dalam lawatan ini merangkumi proses penerimaan dan pendaftaran tahanan, penyajian makanan, kemudahan kesihatan, pengurusan kewangan (barang/wang tahanan), proses pengusiran, riadah, penempatan serta kemudahan lawatan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian pihak depot terutamanya dari segi keselamatan bagi mengelakkan insiden-insiden yang tidak diingini berlaku.

## Pagar Keselamatan

Pagar Keselamatan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Hal ini adalah kerana berdasarkan pemeriksaan EAIC mendapati di Depot Tahanan Semenyih telah dipasang pagar keselamatan secara terbalik dan membahayakan kepada tahanan dan pegawai dan anggota yang bertugas serta tidak mencapai matlamat objektif pemasangannya. Manakala di Depot Tahanan Langkap, blok tahanan yang baru tidak dapat digunakan kerana tiada pagar keselamatan yang dibina. Perkara sama juga turut berlaku di Depot Tahanan Imigresen Lenggeng kerana pagar keselamtan yang telah rebah dan masih belum dibaiki. Dalam perkara ini, EAIC menyeru JIM supaya pagar keselamatan yang akan dibina mengikut spesifikasi sebagaimana pewartaan kawasan larangan serta menyegerakan membaiki pagar keselamatan ini kerana

*(i) Operating Procedure for Deportation and Monitoring PK (O) JD.04;*

*(j) Operating Procedure for Managing Detainees' Meals PK (O) JD.05.*

## *Audit Findings*

*In general, these depots were managed in accordance to the rules and SOPs provided. Among the aspects examined during these visits include the receiving and registration process, meal preparation, medical facilities, financial management (money and belongings of detainees), deportation process, recreation, placement and visitation rights. However, there were a few areas in need of attention by the depot authorities, especially in terms of safety and security, to avoid unintended incidents.*

## *Security Fence*

*The security fence does not comply with the prescribed specifications. Based on the EAIC's inspection, it was found that the Semenyih Detention Centre's security fencing was installed the wrong way round and is thus a danger to detainees and duty officers, on top of failing to meet the objective of its installation. In the Langkap Detention Depot, the new detention block could not be utilised as no security fencing was installed. The same problem also arose in the Lenggeng Immigration Depot, due to security fencing which had fallen and has yet to be repaired. In this matter, the EAIC calls on the Immigration Department to ensure its security fences complies with specifications of gazetted protected areas, and immediately repair these security fences, given that these detention depots are located nearby residential areas.*

terdapat lokasi depot-depot berhampiran dengan kawasan perumahan.

### Pengisian penuh dan penambahan waran perjawatan

Suruhanjaya mendapati bahawa depot-depot tahanan yang dilawati masih belum diisi sepenuhnya dan jurang nisbah antara pegawai dan tahanan adalah besar. Sebagai contoh di Depot Tahanan Semenyih, waran perjawatan yang diluluskan pada masa ini hanyalah sebanyak 92 perjawatan dengan nisbah kapasiti maksimum depot yang mencecah 1250 orang tahanan. Walaupun pada masa lawatan ini dibuat Suruhanjaya dimaklumkan terdapat penambahan bilangan perjawatan semasa iaitu 101 orang, namun jumlah ini dilihat masih kecil jika dibandingkan dengan kapasiti maksimum depot-depot lain di Malaysia. Oleh itu, EAIC juga menyeru kepada JIM supaya menyegerakan pengisian perjawatan kosong yang sedia ada di depot-depot seluruh negara supaya pengurusan depot lebih efektif dan terkawal.

### *Filling Up and Increasing the Personnel Warrant*

*The Commission finds that the detention depots it had visited have yet to be filled with enough personnel, and that the officer-to-detainee ratio remains high. As an example, the Semenyih Detention Depot has a current approved personnel warrant of 92 only with the depot's maximum capacity ratio reaching 1250 detainees. Although at the time of the visit, the Commission was informed that there has been an increase to 101 personnel, yet this figure is still small compared to the maximum capacity of other detention centres in Malaysia. Therefore, the EAIC calls on the Immigration Department to expedite filling up the vacancies in depots across Malaysia to ensure more effective and regulated depot management.*

### Penyimpanan Sampel Makanan

EAIC mengesyorkan agar sampel makanan yang disediakan untuk tahanan dapat disimpan di dalam peti sejuk sekurang-kurangnya selama 3 hari selaras dengan peruntukan SOP yang dinyatakan dalam dapatan di atas. Hal ini juga penting bagi memastikan pemeriksaan ke atas sampel dapat dijalankan sekiranya terdapat apa-apa kejadian yang tidak diingini berlaku sebagai contohnya keracunan makanan atau kematian tahanan.

### *Storage of Food Samples*

*The EAIC recommends for food samples prepared for detainees can be refrigerated for at least 3 days, in line with the SOP requirements stated in the findings above. This is important to ensure inspection of food samples can be performed in the event of any regrettable incidents such as food poisoning or death in custody.*

### Pemasangan semula CCTV di Kawasan depot

EAIC mengesyorkan supaya kontraktor baharu dilantik bagi menggantikan dan menyelenggara

### *Replacing CCTVs Within the Depot Area*

*The EAIC recommends for a new contractor to be appointed to replace and service the*

unit CCTV sedia ada yang tidak berfungsi di depot. Disarankan juga agar penambahan unit CCTV dipasang di lokasi-lokasi penting yang lain seperti pintu besar dan pintu utama, lokap, laluan pelawat, bangunan Pentadbiran, bilik kebal unit rekod, ruang jumpa, ruang mahkamah, ruang belakang bangunan mahkamah dan bangunan blok tahanan. Hal ini sangat penting bagi memastikan pemantauan dapat dibuat secara menyeluruh.

*non-functioning CCTV units at the depot. The Commission also recommends for additional CCTVs to be placed in other vital locations such as the main doors, lock-ups, visitor passageway, Administration building, records unit safe room, meet-up area, court area, area behind court building and the detention block building. This is important to ensure comprehensive monitoring of the detention centre.*

**Jadual 13: Perbandingan Hasil Dapatan Depot yang Dilawati**
***Table 13: Comparison of Findings from Depots Visited***

| **Perkara**<br>***Topic*** | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.**<br>***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.**<br>***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih**<br>***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| **Latar Belakang**<br><br>***Background*** | • Depot Imigresen Langkap ini telah dinaik taraf (beberapa bangunan/blok tahanan) dengan tempoh pembinaanya selama 33 minggu dan berjaya disiapkan pada 5 Disember 2017.<br><br>• Depot ini ditetapkan sebagai Depot Imigresen pada 19 Disember 2017.<br><br>• *Langkap Immigration Detention Depot was upgraded (a few buildings/ detention blocks) with works taking 33 weeks to complete on 5 December 2017.*<br><br>• *This depot was gazetted as an Immigration Depot on 19 December 2017.* | • Depot Imigresen Lenggeng ini merupakan bekas tapak Kem Unit Kawalan Kawasan (UKK) yang telah diwartakan sebagai Depot Imigresen Lenggeng pada 8 Julai 1992.<br><br>• *Lenggeng Immigration Detention Depot is built on the site of a former Unit Kawalan Kawasan (UKK) Camp which was gazetted as Lenggeng Immigration Depot on 8 July 1992.* | • Depot Imigresen Semenyih ini telah diisyhtiharkan sebagai Depot Imigresen pada 8 Julai 1992<br><br>• Depot diwartakan sebagai kawasan larangan pada 14 Januari 2008 di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan 1959.<br><br>• *Semenyih Immigration Detention Depot was gazetted as an Immigration Depot on 8 July 1992*<br><br>• *It was gazetted as a protected area on 14 January 2008 under the Protected Areas and Protected Places Act 1959.* |

| **Perkara**<br>***Topic*** | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.**<br>***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.**<br>***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih**<br>***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| **Kapasiti Blok Tahanan**<br><br>***Detention Block Capacity*** | • Terdapat 7 blok tahanan dengan kapasiti yang boleh memuatkan 750 tahanan.<br><br>Kapasiti : 750<br>Semasa lawatan : 511<br>Kurangan : 239<br><br>*2 blok baru masih belum digunakan<br><br>• *There are 7 detention blocks with a capacity of 750 detainees.*<br><br>*Capacity : 750*<br>*During visit : 511*<br>*Under by : 239*<br><br>**2 new blocks are still unused* | • Terdapat 3 blok tahanan dengan kapasiti yang boleh memuatkan 1200 tahanan.<br><br>Kapasiti : 1200<br>Semasa lawatan : 1204<br>Lebihan : 4<br><br>• *There are 3 detention blocks with a capacity of 1200 detainees.*<br><br>*Capacity : 1200*<br>*During visit : 1204*<br>*Over by : 4* | • Terdapat 5 blok tahanan dengan kapasiti yang boleh memuatkan 1250 tahanan.<br><br>Kapasiti : 1250<br>Semasa lawatan : 1105<br>Kurangan : 145<br><br>• *There are 5 detention blocks with a capacity of 1250 detainees.*<br><br>*Capacity : 1250*<br>*During visit : 1105*<br>*Under by : 145* |
| **Jumlah Perjawatan**<br><br>***Total Personnel*** | • Jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 124 perjawatan.<br><br>Perjawatan : 124<br>Diisi : 85<br>Kekosongan : 39<br><br>• *Total approved personnel is 124.*<br><br>*Personnel : 124*<br>*Filled : 85*<br>*Vacancies : 39* | • Jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 180 perjawatan.<br><br>Perjawatan : 180<br>Diisi : 126<br>Kekosongan : 54<br><br>• *Total approved personnel is 180.*<br><br>*Personnel : 180*<br>*Filled : 126*<br>*Vacancies : 54* | • Jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 92 perjawatan.<br><br>Perjawatan : 92<br>Diisi : 92<br>Kekosongan : 0<br><br>• *Total approved personnel is 92.*<br><br>*Personnel : 92*<br>*Filled : 92*<br>*Vacancies : 0* |
| **Kemudahan Rawatan**<br><br>***Medical Facility*** | • Depot menyediakan kemudahan rawatan.<br><br>• Terdapat 2 perjawatan Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas syif pagi dan syif petang<br><br>• Tahanan yang memerlukan rawatan yang khusus atau tidak terdapat kemudahan rawatan di depot akan dibawa ke klinik berdekatan.<br><br>• Lawatan daripada pegawai perubatan Klinik Kesihatan yang membuat pemeriksaan secara berkala | • Depot menyediakan kemudahan rawatan.<br><br>• Terdapat seorang Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas secara tetap<br><br>• Kemudahan rawatan kesihatan diberi mengikut keperluan. Rawatan di klinik /hospital dilakukan jika ianya disyorkan oleh pegawai perubatan.<br>• Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan akan datang membuat pemeriksaan secara berkala | • Depot menyediakan kemudahan rawatan.<br><br>• Terdapat 2 perjawatan penolong pegawai perubatan lelaki yang bertugas pada syif pagi dan petang<br>• Doktor dari Klinik Kesihatan berdekatan juga akan hadir membuat pemeriksaan ke atas tahanan tiga kali seminggu. |

| **Perkara**<br>***Topic*** | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.**<br>***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.**<br>***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih**<br>***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| | • *Depot has medical facility.*<br>• *There are 2 Assistant Medical Officers who work the morning and evening shifts*<br>• *Detainees who require specialised treatment or if such treatment is unavailable at the depot, will be brought to a nearby clinic.*<br>• *Visit from a health clinic Medical Officer who makes scheduled check-ups* | • *Depot has medical facility.*<br>• *There is one Assistant Medical Officer who is a permanent personnel*<br>• *Medical treatment is provided on a needs basis. Treatment at clinics/ hospitals will be given if recommended by a medical officer.*<br>• *Health clinic's Medical Officer will visit for medical check-ups from time to time* | • *Depot has medical facility.*<br>• *There are 2 male Assistant Medical Officers who work the morning and evening shifts*<br>• *Doctor from a nearby Health Clinic will be present for check-ups on detainees three times a week.* |
| **Kemudahan Ubatan**<br>***Medicine Availability*** | • Pihak Depot menerima bekalan ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia selain daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti *International Committee of the Red Cross (ICRC).*<br>• *The Depot receives medicine supplies from the Ministry of Health (MOH) and Non-Governmental Organisations (NGO) such as the International Committee of the Red Cross (ICRC).* | • Pihak Depot menerima bekalan ubat-ubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia<br>• *The Depot receives medicine supplies from the MOH* | • Pihak Depot menerima bekalan ubat-ubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia<br>• *The Depot receives medicine supplies from the MOH* |
| **Kes Kematian Dalam Tahanan**<br>***Death in Custody Cases*** | • Januari hingga Disember 2017 terdapat 11 kes kematian tahanan direkodkan berpunca daripada penyakit<br>• *11 cases of death in custody recorded from January to December 2018 caused by disease* | • Januari hingga September 2018 terdapat 8 kes kematian tahanan direkodkan berpunca daripada penyakit<br>• *8 cases of death in custody recorded from January to September 2018 caused by disease* | • Tiada kes kematian di depot untuk dalam tahun 2016 dan tahun 2017.<br>• Terdapat 3 kes kematian pada tahun 2018 yang berlaku semasa tahanan di hospital<br>• *No cases of death in custody recorded in 2016 and 2017*<br>• *There were 3 cases of death in 2018 which happened while in custody at hospital* |
| **Makanan/ minuman**<br>***Food/ beverage*** | • Peruntukan makanan dan minuman yang disediakan kepada tahanan adalah RM 9.90 sehari.<br>• Tahanan diberikan makan dan minum 4 kali sehari. | • Peruntukan makanan dan minuman yang disediakan kepada tahanan adalah RM 6.40 sehari.<br>• Tahanan diberikan makan dan minum 4 kali sehari. | • Peruntukan makanan dan minuman yang disediakan kepada tahanan adalah RM 8.20 sehari.<br>• Tahanan diberikan makan dan minum 4 kali sehari. |

| **Perkara** *Topic* | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.** ***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.** ***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih** ***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| | • *Food and beverage allocation for detainees are set at RM 9.90 per day.*<br>• *Detainees are given food and drinks 4 times per day.* | • *Food and beverage allocation for detainees are set at RM 6.40 per day.*<br>• *Detainees are given food and drinks 4 times per day.* | • *Food and beverage allocation for detainees are set at RM 8.20 per day.*<br>• *Detainees are given food and drinks 4 times per day.* |
| **Kemudahan Lawatan**<br><br>***Visitation Rights*** | • Kemudahan lawatan diberikan kepada tahanan 1 kali seminggu kecuali pelawat daripada kalangan suami, isteri dan anak diberikan peluang untuk berjumpa pada hari Sabtu dan Ahad selama 1 jam bergantung kepada keadaan.<br>• Waktu melawat dibuka kepada pelawat pada hari bekerja sahaja (jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang).<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan<br>• *Visitation rights are accorded to detainees once a week except for spouses or children, who can visit on Saturdays and Sundays for 1 hour each, depending on the current situation.*<br>• *Visiting hours are during working hours only (8.30 am to 4.30 pm).*<br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* | • Kemudahan lawatan diberikan kepada tahanan 1 kali seminggu.<br>• Waktu melawat dibuka kepada pelawat pada hari bekerja sahaja (jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang).<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan<br>• *Visitation rights are accorded to detainees once a week.*<br>• *Visiting hours are during working hours only (8.30 am to 4.30 pm).*<br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* | • Kemudahan lawatan diberikan kepada tahanan 1 kali seminggu.<br>• Waktu melawat dibuka kepada pelawat pada hari bekerja sahaja (jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang).<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan<br>• *Visitation rights are accorded to detainees once a week.*<br>• *Visiting hours are during working hours only (8.30 am to 4.30 pm).*<br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* |
| **Proses Pengusiran**<br><br>***Deportation Process*** | • Pemeriksaan EAIC mendapati, Depot mempunyai sistem yang teratur dalam menguruskan pengusiran tahanan melalui *thumbprint* dan carta aliran kerja juga ada dipamerkan. Segala maklumat PATI yang diusir dikemaskini melalui system MyImms<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan | • Pemeriksaan EAIC mendapati, Depot mempunyai sistem yang teratur dalam menguruskan pengusiran tahanan melalui *thumbprint* dan carta aliran kerja juga ada dipamerkan. Segala maklumat PATI yang diusir dikemaskini melalui system MyImms<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan | • Pemeriksaan EAIC mendapati, Depot mempunyai sistem yang teratur dalam menguruskan pengusiran tahanan melalui *thumbprint* dan carta aliran kerja juga ada dipamerkan. Segala maklumat PATI yang diusir dikemaskini melalui system MyImms<br>• Berdasarkan pengauditan dijalankan, depot ini mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan |

| **Perkara** *Topic* | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.** ***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.** ***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih** ***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| | • *The EAIC's inspection found that this depot has in place a well organised system to manage detainee deportation using thumbprints and displayed workflow charts. All information on illegal immigrants deported are updated on the MyImms system.*<br><br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* | • *The EAIC's inspection found that this depot has in place a well organised system to manage detainee deportation using thumbprints and displayed workflow charts. All information on illegal immigrants deported are updated on the MyImms system.*<br><br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* | • *The EAIC's inspection found that this depot has in place a well organised system to manage detainee deportation using thumbprints and displayed workflow charts. All information on illegal immigrants deported are updated on the MyImms system.*<br><br>• *Based on the audit, this depot complies will rules and procedures that have been prescribed.* |
| **Mahkamah PATI di Depot**<br><br>***Illegal Immigrant Court in Depot*** | • Mahkamah Khas PATI bersidang pada hari Khamis setiap minggu<br><br>• *The Special Court for Illegal Immigrant presides weekly on Thursdays.* | • Mahkamah PATI bersidang pada setiap hari Khamis setiap minggu<br><br>• *The Special Court for Illegal Immigrant presides weekly on Thursdays.* | • Mahkamah PATI tidak bersidang di depot ini sebaliknya bersidang di Mahkamah Sesyen Shah Alam<br><br>• *The Special Court for Illegal Immigrant does not preside at this depot but instead at the Shah Alam Sessions Court* |
| **Masalah dan kekangan**<br><br>***Problems and Constraints*** | • Pagar keselamatan sedia ada di sekeliling depot dan dalam depot tidak menepati spesifkasi yang ditetapkan.<br><br>• Tiada sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) disediakan bagi mengawasi tahanan<br><br>• Ketiadaan sistem pencahayaan lampu limpah yang bersesuaian;<br><br>• Keadaan dalam blok tahanan (lama) yang tidak memuaskan dan mendapati tandas kotor, berbau busuk, daif dan keadaan tersebut boleh mempengaruhi kesihatan/ penyakit yang dihadapi oleh tahanan; | • Kuarters kediaman daripada struktur kayu terhad hanya 10 unit kuarters sahaja dan tidak mencukupi. Kediaman daripada struktur kayu ini mendatangkan kebimbangan terhadap keselamatan anggota/ penghuni kerana berdepan kerosakan akibat dimakan anai-anai dan ancaman binatang berbisa;;<br><br>• Perimeter pagar di sekeliling depot yang rebah dan belum dibaik pulih. Pagar perimeter juga tidak mematuhi kriteria untuk kawasan larangan; | • Kesemua 18 unit kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di dalam depot ini tidak berfungsi sejak tahun 2011.<br><br>• Pagar elektrik (power fencing) yang dipasang tidak memenuhi spesifikasi dan tidak berfungsi sejak pembinaannya pada tahun 2008.<br><br>• Pendawaian talian telefon bermasalah dan akan terputus sekiranya berlaku kilat dan petir semasa hujan. |

| **Perkara** *Topic* | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.** ***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.** ***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih** ***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| | • Terdapat blok tahanan baru yang telah dibina,namun tahanan tidak dapat dipindahkan/ menggunakan blok baru kerana pagar keselamatan yang belum dibina.<br><br>• *The current security fence around and inside the depot does not meet the prescribed specifications.*<br><br>• *No closed circuit television camera (CCTV) system for the monitoring of detainees.*<br><br>• *No appropriate flood lighting system;*<br><br>• *Conditions within the (old) detainee block is unsatisfactory. The toilets are dirty, has an abhorrent smell, and is poorly built. This may affect the health of detainees and spread disease among them;*<br><br>• *There are new detention blocks that have been built yet cannot house detainees as the security fence has not been built.* | • Kenderaan jabatan sedia ada tidak mencukupi untuk membawa tahanan tertutama apabila selepas mengadakan operasi;<br><br>• Mempunyai masalah bekalan air;<br><br>• Keadaan dalam blok tahanan yang tidak memuaskan dan mendapati tandas kotor, dan berbau busuk. Keadaan tersebut boleh menyebakan penularan wabak penyakit kepada tahanan.<br><br>• Pihak depot juga mempunyai masalah kunci sel dalam blok tahanan sekiranya kunci tersebut rosak sukar diganti.<br><br>• Keadaan rumah memasak / ruang penyajian makanan dan bekas makanan yang digunakan tidak memuaskan dari segi kebersihan;<br><br>• Interkom/telefon di bilik perjumpaan tahanan tidak berfungsi hampir 3 bulan.<br><br>• *Living quarters made of wood are limited to 10 quarters only and are insufficient. Wooden living quarters are a cause for concern to the safety of the personnel/tenant as they are susceptible to termite damage and poisonous animals;*<br><br>• *The perimeter fencing around the depot has collapsed and has yet to be repaired. The fence's perimeter also does not meet the criteria of protected areas;*<br><br>• *The current department vehicles are insufficient to carry detainees, particularly after conducting operations;* | • Menara kawalan juga tidak boleh digunakan kerana dikategorikan sebagai tidak selamat oleh pihak Jabatan Kerja Raya.<br><br>• Semua kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar dilakukan oleh anggota depot sendiri kerana kontraktor yang bertanggungjawab telah menarik diri dan pihak KDN belum memperuntukkan kontraktor baharu untuk mengambil alih.<br><br>• *All 18 units of CCTV cameras in the depot has not been functioning since 2011.*<br><br>• *The power fencing does not meet specifications and has not functioned since its erection in 2008.*<br><br>• *Telephone line wiring has issues and will be cut off during thunderstorms.*<br><br>• *Control tower cannot be used as it has been categorised as unsafe by the Public Works Department.*<br><br>• *All cleaning works for the surrounding area is undertaken by the depot personnel themselves as the contractor responsible has withdrawn. The Ministry of Home Affairs (MOHA) has yet to appoint a new contractor to take over the cleaning works.* |

| **Perkara** *Topic* | **Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.** ***Langkap Immigration Detention Depot, Perak*** | **Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.** ***Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan*** | **Depot Tahanan Imigresen, Semenyih** ***Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor*** |
|---|---|---|---|
| | | • *Water supply issues;*<br>• *Conditions within the detainee block is unsatisfactory. The toilets are dirty and has an abhorrent smell. This may affect the health of detainees and spread disease among them.*<br>• *The depot authorities face a problem with the cell locks in the detainee block, whereby the locks would be difficult to replace should they malfunction.*<br>• *Cleanliness conditions of the cooking house / catering area and food containers are unsatisfactory;*<br>• *Intercoms/telephones in the detainee visiting room have not functioned for 3 months.* | |
| **Syor Penambahbaikan**<br><br>***Improvement Recommendations*** | • Kuaters pegawai/ anggota perlu diubahsuai atau diganti baru bagi menjamin keselesaan pegawai/anggota.<br>• Pengisian perjawatan kosong.<br>• Pembinaan dan penggantian pagar keselamatan yang bersesuaian.<br>• Pemasangan CCTV dan sistem pencahayaan lampu limpah.<br>• Penambahbaikan dari aspek capaian internet, keperluan aset dan lain-lain yang berkaitan.<br>• Kuarters pegawai/• Menyelesaikan isu tekanan air yang rendah dengan syarikat air.<br>• Meningkatkan fasiliti yang lebih lengkap untuk kemudahan rawatan. | • Kuarters pegawai/ anggota perlu diubahsuai atau diganti baru bagi menjamin keselesaan pegawai/anggota.<br>• Pengisian perjawatan kosong.<br>• Pembinaan dan penggantian pagar keselamatan yang bersesuaian.<br>• Penambahan pemasangan CCTV bagi meningkatkan kawalan keselamatan.<br>• Menyelesaikan isu tekanan air yang rendah dengan syarikat air.<br>• Menyelesaikan pembayaran elaun lebih masa kepada anggota bagi menjaga kebajikan dan keharmonian dalam pasukan. | • Penyimpanan sampel makanan tahanan seperti mana yang dinyatakan dalam SOP yang ditetapkan.<br>• Mewujudkan mekanisme penjualan barang di kiosk bagi mengelakkan tohmahan.<br>• Penambahbaikan dari aspek pendawaian telefon, capaian internet dan keperluan asset bagi melancarkan urusan pentadbiran.<br>• Pembinaan dan penggantian pagar keselamatan yang bersesuaian.<br>• Penambahan waran perjawatan selari dengan kapasiti depot.<br>• Pemasangan semula CCTV di Kawasan depot bagi meningkatkan kawalan keselamatan. |

| Perkara<br>*Topic* | Depot tahanan Imigresen Langkap, Perak.<br>*Langkap Immigration Detention Depot, Perak* | Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan.<br>*Lenggeng Immigration Detention Depot, Negeri Sembilan* | Depot Tahanan Imigresen, Semenyih<br>*Semenyih Immigration Detention Depot, Selangor* |
|---|---|---|---|
| | • Meningkatkan Kebersihan dan mewujudkan mekanisme kawalan penjualan barang di kiosk bagi mengelakkan tohmahan.<br><br>• *Officer/personnel quarters should be improved or replaced for the comfort of the officers and personnel.*<br><br>• *Filling up personnel vacancies.*<br><br>• *Erection and replacement of appropriate security fencing.*<br><br>• *Adding a CCTV monitoring system and a flood lighting system.*<br><br>• *Improvements in terms of internet access, asset requirements and other related needs.*<br><br>• *Solving the low water pressure issue with the water company.*<br><br>• *Upgrading the medical facility for medical treatment.*<br><br>• *Improve cleanliness and to have a control mechanism for retail at kiosks in order to avoid prejudice.* | • *Officer/personnel quarters should be improved or replaced for the comfort of the officers and personnel.*<br><br>• *Filling up personnel vacancies.*<br><br>• *Erection and replacement of appropriate security fencing.*<br><br>• *Adding a CCTV monitoring system to improve monitoring*<br><br>• *Solving the low water pressure issue with the water company.*<br><br>• *Solving the issue in payment of personnel's overtime allowance to ensure their welfare and the working team's harmony.* | • *Storing food samples as required in the prescribed SOP.*<br><br>• *Improve cleanliness and to have a control mechanism for retail at kiosks in order to avoid prejudice.*<br><br>• *Improvements in terms of internet access, asset requirements to enhance administrative matters.*<br><br>• *Erection and replacement of appropriate security fencing.*<br><br>• *Adding personnel warrants in line with the capacity of the depot.*<br><br>• *Adding back CCTV monitoring in the depot area to increase security and monitoring.* |

## Lokap Polis

EAIC telah mengadakan beberapa siri lawatan lokap bagi tujuan pemeriksaan dan pengauditan. Secara umumnya, EAIC mendapati daripada lawatan yang diadakan pengurusan lokap polis diuruskan dengan baik. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh PDRM bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan selesa di lokap. Antara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

## *Police Lock-Ups*

*The EAIC has held a series of visits to police lock-ups for inspection and audit. In general, the EAIC finds that police lock-ups are well managed. Nevertheless, there is still room for improvement for PDRM to create a more comfortable and safer environment in the lock-ups. Among the aspects which should be given attention are:*

**Lawatan lokap oleh pegawai perubatan**

EAIC telah dimaklumkan terdapat lokap yang tidak pernah dilawati oleh Pegawai Perubatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan 38, Kaedah-Kaedah Lokap 1953 dan Perenggan 24, PTKPN Bhg A 118. Oleh yang demikian, bagi tujuan pencegahan dan pelindungan daripada penyakit khususnya penyakit berjangkit supaya pihak lokap membuat permohonan kepada Kementerian Kesihatan/hospital bagi suatu lawatan berkala oleh pegawai kesihatan untuk membuat penilaian mengenai tahap kebersihan dan pencemaran di lokap.

***Lock-up Visits by Medical Officers***

*The EAIC has been informed that there are lock-ups that have never been visited by a Medical Officer, as required for in Rule 38, Lock-Up Rules 1953 and Paragraph 24, PTKPN Bhg. A 118. Therefore, to avoid and to protect from diseases, especially infectious diseases, the lock-up authority should request to the Ministry of Health /hospital for scheduled visits by a medical officer to assess the cleanliness and contamination in the lock-up.*

**Menambah baik kaedah penyimpanan barang-barang milik tahanan**

EAIC mendapati daripada lawatan ini, terdapat barang-barang milik tahanan disimpan di dalam loker-loker yang diletakkan di bahagian luar. Walaupun loker tersebut dikunci, namun bagi tujuan keselamatan, adalah disarankan loker-loker tersebut diletakkan di dalam bilik khas untuk menyimpan barang-barang dan ubat-ubatan milik tahanan.

***Improving the method of storage for detainees' belongings***

*The EAIC has found that there are belongings of detainees stored in lockers placed outside. Although these lockers are locked, for safety reasons, it is recommended that they be placed in a secure room that is specifically for storage of detainees' belongings and medication.*

**Penyimpanan Ubat-ubatan Tahanan**

Berdasarkan lawatan yang dijalankan terdapat lokap yang hanya menyimpan ubat-ubatan tahanan dalam bekas plastik dan bekas penyimpan ubat hanya diletakkan di luar (kaki lima). Oleh itu, selaras dengan Perenggan 9.3, PTKPN Bhg A 118, ubat-ubatan hendaklah disimpan di tempat yang khusus dan tidak tercemar.

***Storage of Detainees' Medication***

*Based on the visits conducted, there are lock-ups found that merely store detainees' medication in plastic cases which are in turn placed in the outside corridor. Therefore, in line with Paragraph 9.3, PTKPN Bhg. A 118, the EAIC recommends that medication should be stored in a specialised location to avoid contamination.*

**Penyelenggaraan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di dalam lokap**

Kontrak penyelenggaraan CCTV untuk membaik pulih unit-unit CCTV yang telah mengalami kerosakan perlu diberi perhatian dan tindakan sewajarnya serta pemasangannya di tempat yang strategik. Pemilikan *source code* CCTV perlu

***Service of Closed Circuit Television (CCTV) Cameras inside the Lock-Up***

*The maintenance contract for the servicing of damaged CCTV camera units should be given attention and appropriate action be taken to ensure CCTV cameras are placed in strategic areas. The ownership of the CCTV system source*

diserahkan kepada agensi pemilik CCTV bagi memudahkan penggantian/penyelenggaraan CCTV oleh kontraktor lain sekiranya kontraktor sedia ada gagal mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan.

*code must be handed over to the agency which owns the CCTV system to facilitate replacement/ maintenance by other contractors should the incumbent fail to meet the work specifications which have been set.*

**Penganjuran kursus dan '*refresher course*' kepada para pegawai dan anggota yang bertugas di lokap**

Para pegawai dan anggota yang bertugas di lokap perlu didedahkan dengan kursus pengurusan lokap secara berkala bagi memastikan mereka peka dengan prosedur pengurusan lokap yang betul dan mengurangkan risiko pelanggaran undang-undang dan pematuhan SOP yang berkuatkuasa.

***Organisation of training and refresher courses to duty officers and personnel in the lock-up***

*The duty officers and personnel in lock-ups should be exposed to periodic lock-up management courses to ensure their familiarity with appropriate lock-up management procedures and minimise the risk of breaching laws or SOP compliance.*

**Penyediaan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap**

EAIC mendapati daripada lawatan yang dijalankan, kebanyakkan anggota yang bertugas di lokap tidak menerima suntikan vaksin serta tidak dibekalkan dengan topeng muka dan sarung tangan. Perkara ini boleh mengundang risiko penyakit berjangkit seperti *tuberculosis*, penyakit kulit, *difteria, disenteri* dan sebagainya kepada anggota polis yang bertugas.

***Provision of medical protection coverage for duty personnel in lock-ups***

*The EAIC has found from the visits conducted, that most duty personnel in lock-ups have not received vaccinations and are not supplied with face masks and gloves. This leads to a risk of infectious diseases such as tuberculosis, skin disease, diphtheria, dysentery and others to police personnel on duty.*

**Jadual 14: Dapatan Lawatan Mengejut Ke Lokap Polis**
***Table 14: Findings from Surprise Visits to Police Lock-Ups***

| **Lokap**<br>***Lock-up*** | **Lokap Berpusat Ayer Molek**<br>***Ayer Molek Centralised Lock-up*** | **Lokap Balai Polis Kangar**<br>***Kangar Police Station Lock-up*** | **Lokap Balai Polis Mata Ayer**<br>***Mata Ayer Police Station Lock-up*** | **Lokap Balai Polis Kuala Perlis**<br>***Kuala Perlis Police Station Lock-up*** | **Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh**<br>***Ipoh District Police Headquarters Lock-up*** |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pewartaan**<br>***Gazettement*** | Lokap ini telah diwartakan pada 16 September 2008 dengan nombor pewartaan P.U(B) 403 BTH.<br>*This lock-up was gazetted on 16 September 2008 with the gazette number P.U(B) 403 BTH.* | Lokap ini telah diwartakan pada 21 September 1994 dengan nombor pewartaan 03/642/1 P.N (PU2)163/1/1.<br>*This lock-up was gazetted on 21 September 1994 with the gazette number 03/642/1 P.N (PU2)163/1/1.* | Lokap ini telah diwartakan pada 22 Februari 1980 dengan nombor pewartaan G PU (B) 732.<br>*This lock-up was gazetted on 22 February 1980 with the gazette number G PU (B) 732.* | Lokap ini telah diwartakan pada 23 November 1991 dengan nombor pewartaan PU (B) 404.<br>*This lock-up was gazetted on 23 November 1991 with the gazette number PU (B) 404.* | Lokap IPD Ipoh ini telah diwartakan pada 2 Disember 1971 dengan nombor pewartaan PU(B) 414.<br>*The IPD Ipoh lock-up was gazetted on 2 December 1971 with the gazette number PU(B) 414.* |
| **Kapasiti**<br>***Capacity*** | Lokap ini mempunyai 19 sel (15 sel sahaja berfungsi). Maksimum seramai 300 orang tahanan (tahanan lelaki dan juvana sahaja).<br>*This lock-up has 19 cells (only 15 are functional). Maximum capacity of 300 detainees (male and juvenile only).* | Lokap ini mempunyai 15 sel. Maksimum seramai 45 orang tahanan (tahanan wanita dan lelaki).<br>*This lock-up has 15 cells. Maximum capacity of 45 detainees (men and women only).* | Lokap ini mempunyai 2 sel. Maksimum 3 orang tahanan. (tahanan juvana lelaki sahaja).<br>*This lock-up has 2 cells. Maximum of 3 detainees. (male and juvenile only).* | Lokap ini mempunyai 5 sel. Maksimum seramai 25 orang tahanan (tahanan lelaki sahaja).<br>*This lock-up has 5 cells. Maximum capacity of 25 detainees (male only).* | Lokap ini boleh menempatkan 70 orang tahanan (tahanan lelaki sahaja).<br>*This lock-up can house 70 detainees (male only).* |
| **Pengurusan Kewangan**<br>***Financial Management*** | • Pengurusan kewangan dan barang berharga tahanan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• *Management of finances and detainees' valuable belongings comply with SOPs.* | • Pengurusan kewangan dan barang berharga tahanan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• *Management of finances and detainees' valuable belongings comply with SOPs.* | • Pengurusan kewangan dan barang berharga tahanan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• *Management of finances and detainees' valuable belongings comply with SOPs.* | • Pengurusan kewangan dan barang berharga tahanan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• *Management of finances and detainees' valuable belongings comply with SOPs.* | • Pengurusan kewangan dan barang berharga tahanan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• *Management of finances and detainees' valuable belongings comply with SOPs.* |
| **Lawatan**<br>***Visit*** | • Lawatan oleh ahli keluarga/peguam dibenarkan .<br>• *Visits by family members/ lawyers are allowed.* | • Lawatan oleh ahli keluarga/peguam dibenarkan.<br>• *Visits by family members/lawyers are allowed.* | • Lawatan tidak dibenarkan semasa tahanan reman.<br>• *Visits are not allowed while in remand.* | • Lawatan oleh ahli keluarga/ peguam dibenarkan.<br>• *Visits by family members/ lawyers are allowed.* | • Lawatan oleh ahli keluarga/ peguam dibenarkan.<br>• *Visits by family members/ lawyers are allowed.* |

| **Lokap** *Lock-up* | **Lokap Berpusat Ayer Molek** *Ayer Molek Centralised Lock-up* | **Lokap Balai Polis Kangar** *Kangar Police Station Lock-up* | **Lokap Balai Polis Mata Ayer** *Mata Ayer Police Station Lock-up* | **Lokap Balai Polis Kuala Perlis** *Kuala Perlis Police Station Lock-up* | **Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh** *Ipoh District Police Headquarters Lock-up* |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kesihatan**<br><br>***Health*** | • Pemeriksaan fizikal / mental serta penyimpanan ubat-ubatan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Namun tiada lawatan ke lokap oleh pegawai perubatan.<br><br>• *Physical/mental examination and storage of medication complies with SOPs.*<br>• *However, there are no visits to the lock-up by a medical officer.* | • Pemeriksaan fizikal /mental serta penyimpanan ubat-ubatan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Namun tiada lawatan ke lokap oleh pegawai perubatan.<br><br>• *Physical/mental examination and storage of medication complies with SOPs.*<br>• *However, there are no visits to the lock-up by a medical officer.* | • Pemeriksaan fizikal / mental serta penyimpanan ubat-ubatan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Namun tiada lawatan ke lokap oleh pegawai perubatan.<br><br>• *Physical/mental examination and storage of medication complies with SOPs.*<br>• *However, there are no visits to the lock-up by a medical officer.* | • Pemeriksaan fizikal /mental serta penyimpanan ubat-ubatan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Namun tiada lawatan ke lokap oleh pegawai perubatan.<br><br>• *Physical/mental examination and storage of medication complies with SOPs.*<br>• *However, there are no visits to the lock-up by a medical officer.* | • Pemeriksaan fizikal /mental serta penyimpanan ubat-ubatan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Namun tiada lawatan ke lokap oleh pegawai perubatan.<br><br>• *Physical/mental examination and storage of medication complies with SOPs.*<br>• *However, there are no visits to the lock-up by a medical officer.* |
| **Pengurusan Krisis Dan Keselamatan**<br><br>***Crisis Management and Safety*** | • Lokap mempunyai pelan kecemasan.<br>• Lawatan Pemeriksaan oleh Ketua Polis Daerah.<br>• Kunci-kunci lokap hanya disimpan oleh Ketua Pejabat Pertanyaan dan Ketua Polis Balai.<br>• Pegawai dan anggota didedahkan dengan latihan pengurusan kecemasan.<br><br>• *Lock-up has an emergency plan.*<br>• *Inspection Visit by the District Police Chief.*<br>• *Lock-up keys are only kept by the Head of Information Office and Head of Police Station.*<br>• *Officers and personnel are exposed to emergency management procedures.* | • Lokap mempunyai pelan kecemasan<br>• Lawatan Pemeriksaan oleh Ketua Polis Daerah.<br>• Kunci-kunci lokap hanya disimpan oleh Ketua Pejabat Pertanyaan dan Ketua Polis Balai.<br>• Pegawai dan anggota didedahkan dengan latihan pengurusan kecemasan.<br><br>• *Lock-up has an emergency plan.*<br>*Inspection Visit by the District Police Chief.*<br>• *Lock-up keys are only kept by the Head of Information Office and Head of Police Station.*<br>• *Officers and personnel are exposed to emergency management procedures.* | • Lokap tidak mempunyai pelan kecemasan.<br>• Lawatan Pemeriksaan oleh Ketua Polis Daerah.<br>• Kunci-kunci lokap hanya disimpan oleh Ketua Pejabat Pertanyaan dan Ketua Polis Balai.<br>• Pegawai dan anggota tidak didedahkan dengan latihan pengurusan kecemasan.<br><br>• *Lock-up has no emergency plan.*<br>• *Inspection Visit by the District Police Chief.*<br>• *Lock-up keys are only kept by the Head of Information Office and Head of Police Station.*<br>• *Officers and personnel are not exposed to emergency management procedures.* | • Lokap tidak mempunyai pelan kecemasan, sekiranya berlaku insiden akan memaklumkan kepada Bilik Gerakan dan membunyikan siren.<br>• Lawatan Pemeriksaan oleh Ketua Polis Daerah.<br>• Kunci-kunci lokap hanya disimpan oleh Ketua Pejabat Pertanyaan dan Ketua Polis Balai.<br>• Pegawai dan anggota didedahkan dengan latihan pengurusan kecemasan.<br><br>• *Lock-up has no emergency plan. Should an incident occur, the procedure is to inform the Operations Room and sound the siren.*<br>• *Inspection Visit by the District Police Chief.*<br>• *Lock-up keys are only kept by the Head of Information Office and Head of Police Station.* | • Lokap mempunyai pelan kecemasan.<br>• Lawatan Pemeriksaan oleh Ketua Polis Daerah.<br>• Kunci-kunci lokap hanya disimpan oleh Ketua Pejabat Pertanyaan dan Ketua Polis Balai.<br>• Pegawai dan anggota didedahkan dengan latihan pengurusan kecemasan.<br><br>• *Lock-up has an emergency plan.*<br>• *Inspection Visit by the District Police Chief.*<br>• *Lock-up keys are only kept by the Head of Information Office and Head of Police Station.*<br>• *Officers and personnel are exposed to emergency management procedures.* |

| **Lokap** *Lock-up* | **Lokap Berpusat Ayer Molek** *Ayer Molek Centralised Lock-up* | **Lokap Balai Polis Kangar** *Kangar Police Station Lock-up* | **Lokap Balai Polis Mata Ayer** *Mata Ayer Police Station Lock-up* | **Lokap Balai Polis Kuala Perlis** *Kuala Perlis Police Station Lock-up* | **Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh** *Ipoh District Police Headquarters Lock-up* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | • *Officers and personnel are exposed to emergency management procedures.* | |
| **Kemudahan CCTV**<br>*CCTV Facility* | • Terdapat 48 unit CCTV dan hanya 27 unit berfungsi.<br>• *There are 48 units of CCTV cameras of which only 27 units function.* | • Terdapat 16 unit CCTV dan berfungsi dengan baik.<br>• *There are 16 units of CCTV cameras which function well.* | • Terdapat 3 unit CCTV dan berfungsi dengan baik.<br>• *There are 3 units of CCTV cameras which function well.* | • Terdapat 4 unit CCTV dan berfungsi dengan baik.<br>• *There are 4 units of CCTV cameras which function well.* | • Terdapat 7 unit CCTV dan berfungsi dengan baik.<br>• *There are 7 units of CCTV cameras which function well.* |
| **Logistik Dan Kebajikan**<br>*Logistics and Welfare* | • Sel tahanan yang rosak belum dibaiki.<br>• Masalah bekalan air bersih.<br>• Kekangan kenderaan jabatan.<br>• Masalah perhubungan (faks dan telefon).<br>• Tiada suntikan vaksin untuk mencegah penyakit kepada pengawal lokap.<br>• *Malfunctioned detention cells have not been repaired.*<br>• *Potable water supply issue.*<br>• *Department vehicle constraints.*<br>• *Communication problems (fax and telephone).*<br>• *No vaccinations for lock-up officers to avoid disease.* | • Masalah bekalan air bersih.<br>• Masalah pencahayaan dan pengudaraan.<br>• Sistem pendawaian elektrik yang lama.<br>• Kekangan unit komputer.<br>• Tiada suntikan vaksin untuk mencegah penyakit kepada pengawal lokap.<br>• *Potable water supply issue.*<br>• *Lighting and ventilation issue.*<br>• *Old electricity wiring system.*<br>• *Constraints in the number of computers.*<br>• *No vaccinations for lock-up officers to avoid disease.* | • Tandas tersumbat<br>• Masalah bekalan air bersih.<br>• Masalah lintar pintas (blackout) kerana sistem pendawaian elektrik yang lama.<br>• Tiada latihan (*refersher course*) mengenai pengurusan lokap.<br>• Tiada suntikan vaksin untuk mencegah penyakit kepada pengawal lokap.<br>• *Clogged toilet*<br>• *Potable water supply issue.*<br>• *Short circuit issue (blackouts) due to old electricity wiring.*<br>• *No training (refresher course) regarding lock-up management.*<br>• *No vaccinations for lock-up officers to avoid disease.* | • Tiada bekalan air di dalam lokap.<br>• Sistem pendawaian elektrik yang lama.<br>• Masalah pencahayaan dan pengudaraan<br>• Tiada latihan (*refersher course*) mengenai pengurusan lokap.<br>• Tiada suntikan vaksin untuk mencegah penyakit kepada pengawal lokap.<br>• *No water supply in the lock-up.*<br>• *Old electricity wiring system.*<br>• *Lighting and ventilation issue.*<br>• *No training (refresher course) regarding lock-up management.*<br>• *No vaccinations for lock-up officers to avoid disease.* | • Tiada suntikan vaksin untuk mencegah penyakit kepada pengawal lokap.<br>• Terdapat komputer yang disediakan tetapi tiada sambungan internet di lokap.<br>• *No vaccinations for lock-up officers to avoid disease.*<br>• *There is a computer for the lock-up but it is not connected to the internet.* |

| Lokap<br>*Lock-up* | Lokap Berpusat Ayer Molek<br>*Ayer Molek Centralised Lock-up* | Lokap Balai Polis Kangar<br>*Kangar Police Station Lock-up* | Lokap Balai Polis Mata Ayer<br>*Mata Ayer Police Station Lock-up* | Lokap Balai Polis Kuala Perlis<br>*Kuala Perlis Police Station Lock-up* | Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh<br>*Ipoh District Police Headquarters Lock-up* |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pengesyoran**<br><br>***Recommendation*** | (a) menyediakan kemudahan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap bagi mengelakkan dijangkiti penyakit;<br>(b) bangunan Lokap Berpusat Ayer Molek yang baharu menggantikan bangunan sedia ada yang telah uzur;<br>(c) menambah baik kaedah penyimpanan ubat-ubatan milik tahanan supaya selari dengan kehendak SOP;<br>(d) pihak lokap perlu memanggil pegawai perubatan untuk membuat lawatan di lokap sebagai pencegahan daripada penyakit dan perlindungan kesihatan.<br><br>*(a) provide medical coverage facility to lock-up duty personnel to avoid infectious disease;*<br>*(b) new Ayer Molek Centralised Lock-up building to replace the decrepit current one;*<br>*(c) improving the method of storing detainees' medication in line with SOPs;*<br>*(d) lock-up authority should seek a medical officer to visit the lock-up to avoid disease and for protection of health.* | (a) menyediakan kemudahan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap bagi mengelakkan dijangkiti penyakit;<br>(b) penyelenggaraan berkala sistem pendawaian elektrik dan menambahbaik perkakasan komputer/perisian;<br>(c) pihak lokap perlu memanggil pegawai perubatan untuk membuat lawatan di lokap sebagai pencegahan daripada penyakit dan perlindungan kesihatan.<br><br>*(a) provide medical coverage facility to lock-up duty personnel to avoid infectious disease;*<br>*(b) periodic maintenance of the electricity wiring and upgrading of computer hardware / software;*<br>*(c) lock-up authority should seek a medical officer to visit the lock-up to avoid disease and for protection of health.* | (a) menyediakan kemudahan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap;<br>(b) penyelenggaraan berkala sistem pendawaian elektrik dan membaiki masalah sistem perkumbahan yang tersumbat;<br>(c) pihak lokap perlu memanggil pegawai perubatan untuk membuat lawatan di lokap sebagai langkah pencegahan penyakit;<br>(d) mengadakan latihan dalam perkhidmatan mengenai Tatacara Pengurusan Lokap.<br><br>*(a) provide medical coverage facility to lock-up duty personnel;*<br>*(b) periodic maintenance of the electricity wiring and upgrading of clogged plumbing system;*<br>*(c) lock-up authority should seek a medical officer to visit the lock-up to avoid disease;*<br>*(d) providing on-the-job training on Lock-up Management Etiquette.* | (a) menyediakan kemudahan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap;<br>(b) mengadakan latihan dalam perkhidmatan mengenai Tatacara Pengurusan Lokap;<br>(c) penyelenggaraan / pembaikan masalah bekalan air dan sistem pencahayaan dalam lokap.<br><br>*(a) provide medical coverage facility to lock-up duty personnel;*<br>*(b) providing on-the-job training on Lock-up Management Etiquette;*<br>*(c) maintenance / repair of the water supply issue dan the lighting system in the lock-up.* | (a) menyediakan kemudahan perlindungan kesihatan kepada anggota yang bertugas di lokap bagi mengelakkan dijangkiti penyakit;<br>(b) menambah baik kaedah penyimpanan barang-barang milik tahanan;<br>(c) pihak lokap perlu memanggil pegawai perubatan untuk membuat lawatan di lokap sebagai langkah pencegahan penyakit.<br><br>*(a) provide medical coverage facility to lock-up duty personnel to avoid infectious disease;*<br>*(b) improving the method of storing detainees' belongings;*<br>*(c) lock-up authority should seek a medical officer to visit the lock-up to avoid disease.* |



# PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC

EMPOWERING THE EAIC INTO THE IPCMC

# PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC
## EMPOWERING THE EAIC INTO THE IPCMC

Selaras dengan janji manifesto Kerajaan Pakatan Harapan akan menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis/ *Independent Police Complaint of Misconduct Commission* (IPCMC) dalam usaha menjadikan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan yang dihormati dan disegani. IPCMC ditubuhkan untuk menyiasat semua bentuk tuduhan salah laku secara adil dan menyeluruh, termasuklah tuduhan kematian dalam tahanan.

*In line with their manifesto promise, the Pakatan Harapan Government will establish the Independent Police Complaints of Misconduct Commission / Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) in an effort to raise the profile of the Royal Malaysian Police (PDRM) personnel as police force that is well respected. The IPCMC will be established to investigate all forms of misconduct allegations in a fair and holistic manner, including allegations of death in custody.*

Pada 4 Jun 2018, EAIC telah dijemput oleh Jawatankuasa Reformasi Institusi/ *Institutional Reforms Committee* (IRC) untuk membentangkan mengenai fungsi, peranan dan pencapaiannya. IRC merupakan jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menilai dan menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan mengenai undang-undang sedia ada.

*On 4 June 2018, the Enforcement Agency Integrity Commission / Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) was invited by the Institutional Reforms Committee / Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) to present its functions, roles and achievements. The IRC is a committee formed by the Government to assess and review and eventually make recommendations to the Government regarding current legislation.*



Gambar Delegasi EAIC bersama IRC
*Photograph of the EAIC delegation with the IRC*

Pada 30 Ogos 2018, EAIC telah membincangkan status kedudukan EAIC dengan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional/ *Governance Integrity Anti-Corruption Center* (GIACC) dan EAIC telah diminta untuk menyediakan Kertas Dasar Pemerkasaan EAIC untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 4. Tahun 2018.

*On 30 August 2018, the EAIC had deliberated the status of its position with the Governance Integrity Anti-Corruption Center / Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), where the EAIC was requested to prepare the EAIC Empowerment Policy Paper for submission to the Special Cabinet Committee on Anti-Corruption (JKKMAR) Meeting, Series 4, Year 2018.*



Gambar Delegasi EAIC bersama GIACC
*Photograph of the EAIC delegation with the GIACC*

Dalam usaha Kerajaan mengukuhkan integriti dan menghapuskan salah laku agensi penguatkuasaan khususnya yang melibatkan Polis Diraja Malaysia, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis/ *Independent Police Complaint of Misconduct Commission* (IPCMC) melalui pemerkasaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan/ *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC). Keputusan tersebut telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed semasa sidang media pada 21 September 2018 selepas EAIC membentangkan Kertas Pertimbangan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 4. Tahun 2018 pada tarikh yang sama. Mesyuarat JKKMAR

*In an effort by the Government to strengthen integrity and eliminate misconduct by enforcement agencies, particularly the Royal Malaysian Police, the Government has agreed to establish the IPCMC through empowering the EAIC. This decision was announced by the Prime Minister, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad at a press conference on 21 September 2018 after the EAIC had tabled the above policy paper to the JKKMAR on the same day. The JKKMAR Meeting agreed to transform and rebrand the EAIC into the IPCMC.*

telah bersetuju dengan penjenamaan semula EAIC kepada Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC).




Dalam proses transisi pemerkasaan EAIC sebagai IPCMC ini, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional/ *Governance Integrity Anti Corruption Center* (GIACC) sebagai agensi pusat akan memantau aspek pelaksanaan peralihan ini yang merangkumi penyediaan Akta baharu, perjawatan dan pemilihan pesuruhjaya yang baharu.

*During the transition process from EAIC into the IPCMC, the GIACC as a central agency, monitors all aspects of the transformation, which includes the drafting of a new Act, composition of personnel and the selection of new commissioners.*



EN BM 中文 தமிழ் malaysiakini

Berita Parlimen Pilihan Editor Global Kolum Surat Laporan Khas Ulasan Wawancara Lensakini TV Sukan

**EAIC diperkasa, ditukar jadi IPCMC**

Faisal Asyraf | Diterbitkan 21 Sep 2018, 2:06 tengahari | Dikemaskini 21 Sep 2018, 2:06 tengahari

Koh Jun Lin | malaysiakini.com

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) akan diperkasakan dengan dijadikan sebagai Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang sekian lama dibawa Pakatan Harapan (HARAPAN).

Ia diumumkan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sidang media selepas mesyuarat jawatankuasa khas kabinet mengenai antirasuah (JKKMR) di Putrajaya hari ini.

Turut menyertai sidang media adalah Menteri Kewangan Lim Guan Eng dan Ketua Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

"IPCMC akan bertindak sebagai badan pemantau bebas yang lebhi holistik," kata Mahathir.

Difahamkan keputusan untuk mengubah EAIC kepada IPCMC dibuat selepad mendapati banyak laporan awam terhadap badan itu melibatkan salah laku polis.

Keputusan itu antara tujuh perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat hari ini dan akan dibawa ke Parlimen.



# IPCMC will finally be set up

## Body to replace Enforcement Agency Integrity Commission

By JOSEPH KAOS Jr and MEI MEI CHU
newsdesk@thestar.com.my

**Cleaning house:** Dr Mahathir speaking to reporters after Cabinet committee meeting on corruption as Director-General of Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre Tan Sri Abu Kassim Mohamed looks on. — Bernama

PUTRAJAYA: Thirteen years after it was first mooted, Malaysia will finally establish the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC).

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad said the IPCMC would replace the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC), and would act as an independent body to look into police complaints more holistically.

"The EAIC will be enhanced and changed into the IPCMC. It will be an independent and more holistic body.

"So there is a change in function and officers will have to be transferred," he said after chairing the fourth meeting of the Special Cabinet Committee on Anti-Corruption here.

Dr Mahathir said there were many complaints against the police force and the government wanted to ensure the police would "clean up" their act.

"We will work hard to clean up the police force and ensure they receive proper treatment as police officers. At the same time, they must also work hard to clean themselves up," he said.

The IPCMC is a police oversight body first proposed by the Royal Commission of Inquiry (RCI) to improve the police force in 2005, following a spate of deaths in custody.

One of the 125 recommendations by the RCI was for an IPCMC to be set up, which will be independent and able to investigate police misconduct, as well as take necessary action.

The establishment of the IPCMC was also one of the pledges in Pakatan Harapan's manifesto for the 14th General Election.

In 2011, the government established the EAIC which had limited powers, as it could only recommend action that should be taken.

In an immediate reaction, Deputy Inspector-General of Police Tan Sri Noor Rashid Ibrahim said the government's decision was in line with Bukit Aman's goal of enhancing integrity among its personnel.

"We are all for such a move to ensure the rights of our personnel are preserved.

"The commission will also ultimately enable us to deliver a better service for the public," he said.

The special cabinet committee on anti-corruption also decided that politicians would no longer be allowed to be appointed as heads of missions.

Dr Mahathir said the Foreign Ministry had proposed the move and the committee agreed.

There should not be any more cases of politicians, whether retired or not, being rewarded with ambassador appointment.

"We will no longer allow that. This is a strong action against ourselves because of course there are many members of the government who would like to enjoy life abroad as a diplomat," said Dr Mahathir.

The Special Cabinet Committee on Anti-Corruption meeting also came up with other decisions, including replacing the Public Complaints Bureau with Ombudsman Malaysia, which Dr Mahathir said would be headed by an individual "whose integrity is unimpeachable".

"The government will have to table an Ombudsman Act in Parliament," he said.

An ombudsman is a government official appointed to receive and investigate complaints of abuses by public officials.

Other decisions made include absorbing the National Institute of Integrity, the National Integrity and Good Governance Department and similar agencies dealing with integrity under the new National Centre for Governance, Integrity and Anti-Corruption.

Watch the video thestartv.com

Selaras dengan dasar baharu Kerajaan tersebut, seluruh warga EAIC telah berkorban masa, tenaga dan bertungkus lumus demi menjayakan hasrat Kerajaan supaya IPCMC yang bakal ditubuhkan akan lebih efektif dan mencapai hasrat yang diinginkan Kerajaan.

*EAIC personnel have sacrificed their time and energy and worked tirelessly to realise the Government's vision for the establishment of the IPCMC which will be more effective in achieving its goals.*

EAIC telah menubuhkan Jawatankuasa Perundangan dan Jawatankuasa Perjawatan yang bertanggungjawab untuk meneliti dan mengkaji segala aspek keperluan-keperluan yang perlu diambil kira yang merangkumi aspek perundangan, prosedur kerja dan perjawatan.

*The EAIC has established the Legislative Committee and the Personnel Committee which are responsible for studying and reviewing all aspects of the requirements that will need to be considered such as legislation, work procedure and personnel composition.*

Jawatankuasa Perundangan telah mengadakan beberapa perjumpaan dan rundingan bersama Pihak-pihak Berkepentingan *(Stakeholders)* bagi mendapat maklum balas mengenai penggubalan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Salah Laku Polis.

*The Legislative Committee has held several meetings and negotiations with stakeholders to obtain the necessary feedback required to draft the Independent Police Complaints of Misconduct Commission Bill (IPCMC Bill).*

## GERAK KERJA PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS (IPCMC)

## *WORK FLOW OF DRAFTING THE INDEPENDENT POLICE COMPLAINTS OF MISCONDUCT COMMISSION BILL*

Penggubalan draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) ini telah bermula sejak bulan Oktober 2018 yang dipimpin oleh Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, En. Mohamad Onn bin Abd Aziz dan dipantau gerak kerjanya oleh YBhg Dato' Pengerusi dan barisan Pesuruhjaya EAIC. Penyediaan draf rang undang-undang ini juga melibatkan sesi libat urus dengan pelbagai pihak seperti GIACC, PDRM, Jabatan Peguam Negara / *Attorney General's Chambers* (AGC), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Majlis Peguam Malaysia.

*Drafting of the IPCMC Bill began in October 2018, headed by the Secretary / Chief Executive Officer of the EAIC, Mr. Mohamad Onn bin Abd Aziz, with the work flow monitored by the Chairman and Commissioners of the EAIC. The drafting process also includes engagement sessions with various stakeholders such as the GIACC, PDRM, the Attorney General's Chambers, the Ministry of Home Affairs (KDN), the Prime Minister's Department, and the Bar Council of Malaysia.*

| Tarikh<br>*Date* | Perkara<br>*Details* |
|---|---|
| 3 Oktober 2018 – 5 Oktober 2018<br>*3 October 2018 – 5 October 2018* | Bengkel Penggubalan Draf RUU IPCMC diadakan di EAIC<br>*IPCMC Bill Drafting Workshop held at EAIC* |
| 10 Oktober 2018<br>*10 October 2018* | Mesyuarat Koordinasi bersama Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Negara (GIACC) dan lain-lain pihak<br>*Coordination Meeting with the GIACC and other stakeholders* |
| 26 Oktober 2018<br>*26 October 2018* | Mesyuarat Koordinasi Bagi Membincangkan Penubuhan IPCMC di Bilik Mesyuarat Utama GIACC.<br>*Coordination Meeting to Discuss the Establishment of the IPCMC held at GIACC* |
| 2 November 2018<br>*2 November 2018* | Sesi Libat Urus EAIC bersama PDRM Mengenai Penubuhan IPCMC<br>*EAIC Engagement Session with PDRM Regarding the Establishment of the IPCMC*<br> |
| | Perbincangan bersama SPRM Mengenai Penubuhan dan Draf RUU IPCMC<br>*Joint Discussion with SPRM Regarding the Establishment of the IPCMC and the Draft IPCMC Bill* |
| 8 November 2018<br>*8 November 2018* | Perbincangan EAIC bersama Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara (AGC) Mengenai Penubuhan IPCMC dan Draf RUU IPCMC.<br>*Discussion between the EAIC with the Prosecution Department of the AGC Regarding the Establishment of the IPCMC and the Draft IPCMC Bill* |
| 13 November 2018<br>*13 November 2018* | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Gubalan RUU IPCMC Bil. 1 Tahun 2018 melibatkan wakil PDRM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN)<br>*Technical Committee Meeting on the Drafting of the IPCMC Bill No. 1 Year 2018 involving representatives from PDRM and KDN* |

| Tarikh *Date* | Perkara *Details* |
|---|---|
| 22 November 2018 *22 November 2018* | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Gubalan RUU IPCMC Bil. 2 Tahun 2018 melibatkan wakil PDRM dan KDN *Technical Committee Meeting on the Drafting of the IPCMC Bill No. 2 Year 2018 involving representatives from PDRM and KDN*  |
| 30 November 2018 *30 November 2018* | *Roundtable Discussion: IPCMC and the Way Moving Forward* di Sekretariat Majlis Peguam, Kuala Lumpur *Roundtable Discussion: IPCMC and the Way Moving Forward at the Bar Council Secretariat, Kuala Lumpur*   |
| 18 Disember 2018 *18 December 2018* | Perbincangan mengenai RUU IPCMC bersama wakil GIACC (YBhg. Dato' Salim Sundar Abdullah dan Penasihat Undang-undang GIACC) di Pejabat EAIC *Discussion on the IPCMC Bill with representatives from GIACC (YBhg. Dato' Salim Sundar Abdullah and GIACC's Legal Counsel) at the EAIC office* |

| Tarikh<br>*Date* | Perkara<br>*Details* |
|---|---|
| 19 Disember 2018<br>*19 December 2018* | Perbincangan Draf RUU IPCMC dengan pihak Majlis Peguam yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah GIACC di Pejabat GIACC<br>*Discussion on the Draft IPCMC Bill with the Bar Council, chaired by YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Director General of the GIACC, held at GIACC's office*<br> |

Selain dari segi perundangan, Jawatankuasa khas yang ditubuhkan juga turut meneliti mengenai cadangan pengukuhan organisasi dan perjawatan apabila IPCMC ditubuhkan. Pengukuhan organisasi ini mengambil kira perjawatan sedia ada dan cadangan Bahagian-bahagian baru yang akan diwujudkan agar pembahagian tugasan lebih sistematik dan teratur. Sehubungan itu, sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam telah diadakan pada 25 Oktober 2018 bagi meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan.

*Aside for legislation, the special Committees formed had also deliberated on the organisational and personnel empowerment proposals to be implemented for the IPCMC. This organisational empowerment takes into consideration current personnel composition as well as suggestions for new Divisions to be formed for a more systematic and orderly division of duties. Towards this end, an engagement session with the Public Service Department was held on 25 October 2018 to review the suggestions brought forth.*





# PROMOSI
PROMOTIONS

# PROMOSI
# PROMOTIONS

Sepanjang tahun 2018, EAIC telah mempergiatkan pelbagai usaha untuk menyebarluas fungsi dan peranan EAIC kepada masyarakat dengan mengambil beberapa pendekatan baharu di samping memperkukuhkan lagi program-program promosi yang sedia ada. Strategi promosi pada tahun ini telah memfokuskan ke arah menguar-uarkan medium saluran aduan dan perkhidmatan EAIC selaras dengan pelancaran Kempen Laporkan Salah Laku Penguat Kuasa pada 18 April 2018.

*Throughout 2018, the EAIC has accelerated various efforts to spread awareness of its functions and roles to the general public, by introducing a few new initiatives while further enhancing current promotional programmes. This year's promotional strategy focuses on awareness of the various EAIC complaint and service channels, in line with the launching of the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa.*

## KEMPEN LAPORKAN SALAH LAKU PENGUAT KUASA

## *LAPORKAN! SALAH LAKU PENGUAT KUASA CAMPAIGN*




Majlis Pelancaran Kempen Laporkan Salah Laku Penguat Kuasa telah diadakan pada 18 April 2018 di Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur bersempena dengan ulang tahun EAIC ke tujuh pada tahun ini. Pelancaran kempen telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' A. Aziz A. Rahim, Pengerusi EAIC dengan

*The launching of the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign was held on 18 April 2018 at Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur in conjunction with the seventh anniversary of the EAIC. The launch was officiated by YBhg. Dato' A. Aziz A. Rahim, Chairman of the EAIC and YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye as the*

kehadiran kesemua ahli Pesuruhjaya EAIC dan Tan Sri Lee Lam Thye sebagai tetamu jemputan khas. Majlis tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi penguatkuasaan seliaan EAIC, agensi perkhidmatan awam, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pelajar-pelajar Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) dan orang awam.

*honoured guest. The event was also attended by representatives from enforcement agencies under the purview of the EAIC, public service agencies, Non-Governmental Organisations, students from public and private institutes of higher learning and members of the public.*




Matlamat utama kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran dan kebertanggungjawaban dalam kalangan orang awam untuk melaporkan salah laku penguat kuasa kepada EAIC dan menyebarluas usaha EAIC sebagai salah satu badan pengawasan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan / pegawai penguat kuasa. Melalui *tagline* kempen yang berteraskan ”Laporkan, Jangan Tularkan”, EAIC berharap masyarakat akan lebih peka menggunakan saluran yang betul untuk melaporkan salah laku pegawai penguat kuasa. Ini secara tidak langsung dapat menghalang dan menghentikan daripada penularan berita palsu atau kes-kes yang bersifat tohmahan / andaian daripada terus dispekulasikan terhadap sebelum disiasat. Melalui aduan yang dilaporkan, kedua-dua pihak pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan mahupun pengadu itu sendiri akan disiasat dengan telus, tanpa

*The main objective of this campaign is to inculcate awareness and a sense of responsibility amongst the general public to report enforcement misconduct to the EAIC, on top of publicising the various efforts by the EAIC as the monitoring authority for integrity amongst enforcement officers and agencies. With the tagline “Laporkan, Jangan Tularkan” (Report It, Don’t Let It Go Viral), the EAIC hopes that the public will be more mindful of the appropriate channels to report the misconduct of enforcement officers. This will indirectly help to stop the spread of fake news or cases which involve elements of slander / assumptions, and the eventual public speculation and scrutiny, prior to investigation. Through reported complaints, both the enforcement officer / agency as well as the complainant himself will be investigated transparently, without prejudice and with the equal opportunity to seek justice.*

sebarang prejudis dan mempunyai peluang untuk menuntut keadilan yang sama rata.




Tan Sri Lee Lam Thye dalam ucapannya turut menyeru orang ramai supaya bertindak sebagai mata dan telinga bagi pihak EAIC dan segera melaporkan kepada EAIC jika menjadi mangsa atau mempunyai maklumat mengenai sebarang salah laku melibatkan anggota penguat kuasa.

*Tan Sri Lee Lam Thye in his speech called on the public to act as the ears and eyes of the EAIC and to immediately report to the EAIC if they become a victim of or hold information regarding misconduct involving enforcement officers.*

## KERJASAMA AGENSI-AGENSI MENJAYAKAN PROMOSI KEMPEN

Menerusi kempen Laporkan Salah Laku Penguat Kuasa yang dilancarkan, EAIC turut mengorak langkah memulakan kerjasama strategik bersama beberapa pihak berkepentingan bagi menjayakan promosi kempen ini. Kerjasama tersebut dilihat sebagai usaha yang strategik ke arah memerangi salah laku dalam perkhidmatan awam serta memupuk kebertanggungjawaban dalam kalangan masyarakat untuk melaporkan salah laku penguat kuasa di samping memastikan nilai integriti menjadi teras perkhidmatan pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan.

EAIC ingin mengucapkan setinggi penghargaan atas kerjasama dan usahasama di peringkat permulaan promosi kempen ini yang telah diberikan oleh agensi-agensi perkhidmatan awam termasuk agensi penguatkuasaan seliaan EAIC, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, portal atas talian dan pusat-pusat hub pengangkutan.

## *COLLABORATION AMONG AGENCIES WAS KEY TO THE SUCCESS OF THE CAMPAIGN PROMOTION*

*Through the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign, the EAIC also began strategic collaborations with several stakeholders to ensure the campaign's success. These collaborations were deemed as vital towards fighting misconduct in the public service, in instilling responsibility among the general public to report misconduct by enforcement agencies and also to ensure that integrity values become the service core of enforcement officers and agencies.*

*The EAIC wishes to convey its appreciation for the collaboration and joint efforts given by various agencies at the inception of the campaign's promotion. These agencies include public service agencies under the purview of the EAIC, the Malaysian Highway Authority, Kuala Lumpur City Hall, online portals and transportation hub centres.*

Berikut adalah rangkuman hasil kerjasama bersama agensi-agensi tersebut yang telah dicapai oleh EAIC sejak kempen tersebut dilancarkan pada tahun ini:

*The following are the result of the collaboration between the EAIC with the above agencies since the launch of the campaign:*



Penampalan pelekat Laporkan Salah Laku di bas-bas milik syarikat COSMIC

*Sticking Laporkan! Salah Laku stickers on COSMIC buses.*




Paparan *banner* Laporkan Salah Laku Penguat Kuasa di laman sesawang dan media sosial agensi awam dan *hyperlink* ke e-aduan di laman sesawang EAIC.

*The Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa banner display on website and social media pages of public agencies and the e-complaint hyperlink on the EAIC website.*




*Paparan Kempen Laporkan Salah Laku di papan skor / score board Stadium Bukit Jalil bersempena Kejohanan Piala Bola Sepak Asia Tenggara / Asean Footbal Federation (AFF) pada Nov 8, 2018 – Dec 15, 2018*

*The Laporkan! Salah Laku Campaign displayed on the scoreboard of the Bukit Jalil National Stadium during the Asean Footbal Federation (AFF) Championship on 8 Nov 2018 – 15 Dec 2018*




Talian Aduan EAIC di VMS dengan Kerjasama LLM - syarikat konsensi lebuhraya serta DBKL khusus untuk pengguna jalan raya dan lebuh raya utama di Semenanjung Malaysia

*The EAIC hotline displayed on the VMS in collaboration LLM, highway concessionaires and DBKL, specifically for road and highway users on Peninsular Malaysia*

Berikut merupakan lokasi VMS yang memaparkan talian aduan dan informasi am EAIC di seluruh negara:

*The following are the locations of the VMS which display the EAIC's complaint and general information hotline across the country:*

| **BIL** *NO* | **LOKASI VMS** *VMS LOCATION* | **KERJASAMA** *COLLABORATOR* |
|---|---|---|
| 1. | North South Expressway (PLUS) | LLM |
| 2. | Second Link Expressway | |
| 3. | Shah Alam Expressway | |
| 4. | North South Expressway Central Link | |
| 5. | Cheras Kajang Expressway | |
| 6. | Kuala Lumpur - KaraK Highway | |
| 7. | East Coast Expressway Phase 1 & 2 | |
| 8. | Sungai Besi Expressway | |
| 9. | New Pantai Expressway | |
| 10. | Damansara-Puchong Expressway | |
| 11. | Ampang-Kuala Lumpur Eleveted Highway | |
| 12. | Kemuning - Shah ALAM Highway | |
| 13. | Butterworth - Kulim Expressway | |
| 14. | Butterworth Outer Ring Road | |
| 15. | Kajang Dispersal Link Expressway (SILK) | |
| 16. | Kuala Lumpur-Putrajaya Expressway | |
| 17. | Kajang - Seremban Highway | |
| 18. | Senai - Desaru Expressway | |
| 19. | Sprint Expressway | |
| 20. | Kuala Lumpur - Kuala Selangor Expressway | |
| 21. | South Klang Valley Expressway | |
| 22. | Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Bridge (Penang Second Bridge) | |
| 23. | Seremban - Port Dickson Highway | |
| 24. | New North Klang Straits Bypass | |
| 25. | Duta - Ulu Klang Expressway | |
| 26. | Guthtrie Corridor Expressway | |
| 27. | Penang Bridge | |
| 28. | Stormwater Management And Road Tunnel (SMART) | |
| 29. | J. Pahang (Bulatan Pahang) | DBKL |
| 30. | KL - Seremban (Tol Sg Besi) > Susur Bulatan Lumba Kuda | |
| 31. | KL – Seremban (Tol Sg Besi) > Pusat Bandar | |
| 32. | Bulatan Lumba Kuda > TPM (MSN) | |
| 33. | Federal (Kota DArul Ehsan) > J. Gasing | |
| 34. | Federal (J. Universiti) > Kota Darul Ehsan | |
| 35. | J. Kepong (Bertentang Petronas) > Bulatan Kepong | |
| 36. | J. Kepong > J. Kuching | |
| 37. | MRR2 (Bulatan Batu Caves) > J. Kepong | |
| 38. | J. Kuching > MRR2 (Bulatan Batu Caves) | |

## PROGRAM TURUN PADANG EAIC SEMPENA KEMPEN LAPORKAN SALAH LAKU PENGUAT KUASA

Sejajar dengan pemurnian kempen Laporkan Salah Laku Penguat Kuasa, program-program turun padang EAIC pada tahun ini lebih menumpukan kepada penjelasan dan pencerahan kepada orang awam mengenai saluran dan kaedah aduan kepada EAIC. EAIC turut bertindak lebih agresif dengan dengan turun padang di kawasan / lokasi '*hot spot*' seperti kaunter perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia.

EAIC turut mendekati masyarakat dengan mengambil bahagian dalam program-program santuni rakyat anjuran agensi-agensi awam yang antara lain bertujuan menggembleng jentera Kerajaan, swasta dan NGO untuk memberikan perkhidmatan secara bersepadu.

## *EAIC FIELD VISITS IN CONJUNCTION WITH THE LAPORKAN! SALAH LAKU PENGUAT KUASA CAMPAIGN*

*In line with the Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa campaign, the EAIC field visit programmes held this year were angled more towards providing clarity and information to the general public on the various channels and methods for reporting a complaint to the EAIC. The EAIC was also more aggressive with its field visits in areas / locations deemed to be hot spots such as service counters on the premises of the Road Transport Department, the National Registration Department and the Malaysian Immigrations Department.*

*The EAIC also conducted community outreach through participating in community programmes organised by public agencies, which among others, have the objective to mobilise the public and private sectors as well as NGOs to provide integrated services.*

**Jadual 15: Senarai Kempen Laporkan Salah Laku yang dianjurkan pada tahun 2018**
***Table 15: List of Laporkan! Salah Laku campaigns organised in 2018***

ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

**PENGARANG, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**DAPATAN SIASATAN EAIC**
**KE ATAS KEMATIAN S. BALAMURUGAN**
**SEMASA DALAM TAHANAN POLIS**

Putrajaya 18 Januari 2018 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC), selaras dengan kehendak seksyen 30(5) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], dengan ini mengumumkan keputusan pendengaran awamnya ke atas kematian Balamurugan A/L M.Suppiah (S.Balamurugan, si mati) semasa dalam tahanan Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara pada 7 Februari 2017.

Tiga (3) sesi pendengaran awam telah dijalankan tahun lalu iaitu pada 15 - 18 Mei, 5 - 8 Jun dan 10 - 11 Julai 2017 di Putrajaya. Pendengaran awam yang dipengerusikan oleh Yang Arif Datuk Yaacob Haji Md. Sam (Mantan Pengerusi EAIC) bersama tiga Pesuruhjaya EAIC iaitu Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Mantan Pesuruhjaya), Encik Lee Sow Siong dan Puan Leong May Chan turut dihadiri oleh peguam pemerhati daripada Majlis Peguam Malaysia, peguam yang mewakili keluarga si mati serta wakil daripada KDN, PDRM dan SUHAKAM.

Pendengaran awam tersebut telah dijalankan berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya melalui Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700.

Seramai 46 orang saksi telah dipanggil memberi keterangan di sesi pendengaran awam tersebut manakala 108 ekshibit termasuk laporan bedah siasat, gambar-gambar dan dokumen-dokumen berkaitan Balai Polis Bandar Baru Klang, Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara dan Lokap Berpusat Shah Alam, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Prosedur Operasi Standard (SOP), arahan-arahan tetap serta lain-lain dokumen yang relevan telah dikemukakan bagi tujuan pendengaran awam tersebut.

1

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

**PENGARANG, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAKLUMAN SIASATAN EAIC**
**KE ATAS KEMATIAN SOH KAI CHIOK**
**SEMASA DALAM TAHANAN POLIS**

Putrajaya 18 Januari 2018 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC), selaras dengan kehendak seksyen 30 (5) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], dengan ini mengumumkan laporan siasatan oleh Pasukan Petugas EAIC ke atas kematian Soh Kai Chiok (si mati) semasa dalam tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Lokap Balai Polis Triang, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bera, Pahang pada 18 Januari 2017.

Siasatan ini telah dijalankan berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya melalui Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700.

Seramai 58 orang saksi telah direkodkan keterangan (termasuk anggota dan pegawai PDRM, dan lain-lain agensi Kerajaan berkaitan seperti AADK, Hospital, Mahkamah, OKT dan juga ahli keluarga si mati) manakala keterangan dokumentar termasuk laporan bedah siasat, gambar-gambar *post-mortem* si mati dan dokumen-dokumen berkaitan Lokap Balai Polis Triang, IPD Bera, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), arahan-arahan tetap serta lain-lain dokumen yang relevan telah dikemukakan bagi tujuan siasatan tersebut.

Ringkasan kepada penangkapan dan keberadaan si mati dalam tahanan PDRM adalah seperti berikut:

1. Pada 12 Januari 2017 lebih kurang pukul 7.00 malam, si mati telah ditangkap oleh beberapa orang awam (B1, B2, B3 dan B4) di sebuah kebun pisang milik B1 kerana dikatakan telah mencuri buah pisang daripada kebun tersebut. Semasa tangkapan dibuat oleh B1, B2, B3, B4 dan B5, si mati telah ditumbuk

1

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

**PENGARANG, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**TAHANAN MATI TERGANTUNG DI LOKAP SELAMA: SIASATAN BEBAS DAN BERASINGAN**

PUTRAJAYA 1 April 2018 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ingin merujuk kepada laporan oleh BERNAMA yang disiarkan di beberapa portal media pada 25 Mac 2018 berhubung siasatan tahanan mati tergantung di lokap Balai Polis Selama, Perak pada 17 Mac 2018.

Susulan daripada laporan yang agak mengelirukan tersebut, EAIC ingin membuat beberapa penjelasan seperti berikut:

1. EAIC sentiasa menjaga tahap kebebasan dan ketelusan dalam membuat siasatan khususnya dalam menyiasat sesebuah agensi di bawah pengawasan EAIC. Dalam konteks tersebut suka dimaklumkan bahawa EAIC telah menjalankan siasatan secara berasingan berhubung kes ini dan bukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Polis Daerah Selama, DSP Loo Lian Lay kepada pihak media.

2. Susulan daripada laporan dan pendedahan berhubung kematian tersebut, EAIC telah membuka kertas siasatan dan mengambil keterangan yang sewajarnya. EAIC ketika ini dalam proses melengkapkan siasatannya dan dapatan kes akan diumumkan setelah selesai. Sekiranya terdapat syor-syor yang berkaitan, ianya akan dipanjangkan kepada pihak berkuasa tatatertib / Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia untuk penambahbaikan selanjutnya.

3. EAIC ingin menegaskan setiap siasatan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya adalah bebas, telus dan profesional berdasarkan kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

TAMAT

**DATO' A.AZIZ BIN A.RAHIM**
**Pengerusi**
**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)**
**1 April 2018**

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

**EDITOR, BERITA/RENCANA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MOHAMAD ONN DILANTIK SEBAGAI**
**KETUA PENGARAH EKSEKUTIF / SETIAUSAHA EAIC**

Putrajaya 3 Mei 2018 - EAIC ingin mengumumkan selaras dengan Seksyen 13 (1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] pelantikan Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) / Setiausaha EAIC berkuat kuasa pada 2 Mei 2018.

Sebelum pelantikan ini, Encik Mohamad Onn memegang jawatan sebagai Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Perkhidmatan Sokongan Perniagaan dan Undang-Undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia – Thailand, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Encik Mohamad Onn dipinjamkan daripada Jabatan Peguam Negara Malaysia untuk menggantikan Encik Ahmad Razif Mohd Sidek yang telah tamat tempoh pinjamannya ke EAIC dan kembali bertugas ke Jabatan Peguam Negara berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

**-TAMAT-**

***INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH***

**DATO' A. AZIZ BIN A. RAHIM**
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
3 Mei 2018

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 6546

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**EDITOR, NEWSROOM** **FOR IMMEDIATE RELEASE**

**MEDIA STATEMENT**

**EAIC TO LOOK INTO SITI KASIM'S ARREST**

25 June 2018, Putrajaya - The Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) view with grave concern upon the allegation of police impropriety and the misuse of power pursuing the recent arrest of lawyer-activist Siti Kasim on 24 June 2018.

EAIC will be looking into the matter to determine whether the police had followed the SOP (Standard Operating Procedure) in effecting the arrest and hence whether there is any truth in the allegation of police impropriety in carrying out their duty and function.

This is in line with the provision in section 28 of the Enforcement Agency Integrity Commission 2009 [*Act 700*] whereby the Commission may commence its own investigation since the matter is of significant interest to the public.

***-END-***

**DATO' A. AZIZ BIN A.RAHIM**
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)
25 June 2018

1

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 6546

LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**EDITOR, NEWSROOM** **FOR IMMEDIATE RELEASE**

**MEDIA STATEMENT**

**EAIC DENIES STATEMENT MADE BY M.VISVANATHAN**

16 August 2018, Putrajaya - The Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) refers to the statement made by the lawyer M. Visvanathan at a press conference held on 15 August 2018 in Petaling Jaya.

EAIC hereby denies the statement made by the above lawyer that EAIC has classified the report on investigation in the death of Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur (Syed Mohd Azlan) while in Police custody at Kota Tinggi on 3 November 2014 as "secret".

EAIC wish to clarify that the report was never classified as confidential; it had been published and uploaded in all EAIC's media platform and accessible by members of public on 30 October 2015 in accordance to Section 30(5) Act 700. Therefore, it is inaccurate to say that EAIC's report on the death of Syed Mohd Azlan is classified as confidential.

EAIC wish to reiterate the purpose of the investigation is to determine whether there was foul play or misconduct on the part of the police during the police's investigation and not with the purpose to help any particular lawyer or legal firm with its civil claim arising from the death of Syed Mohd Azlan.

Based on the report there was a foul play on the part of the police and EAIC had recommended criminal prosecution to be taken against police personnel involved. As a result of the Commission recommendations, three police personnel were charged under section 304 of Penal Code for causing the death of Syed Mohd Azlan at Kota Tinggi Session Court. However, the three police personnel were acquitted and

1

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Ahli Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Pesuruhjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Pesuruhjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Ahli Pesuruhjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Ahli Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

2 / 4

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Pesuruhjaya.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Pesuruhjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Pesuruhjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

3 / 4

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Ahli Pesuruhjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(MONA BINTI OTHMAN CA (M), CPFA, ACPA)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 APRIL 2019

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

Saya, **Mohamad Onn Bin Abd Aziz** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun,1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya ) MOHAMAD ONN ABD AZIZ
Diakui oleh penama diatas ) 690325-10-6497
Di **PUTRAJAYA** )
pada 9 April 2019

.............................................

Di hadapan saya,

.............................................

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
NO: A-W 449
MOHD FAIZULY ABD AZIZ
SURUHANJAYA INTEGRITI
AGENSI PENGUATKUASAAN
PUTRAJAYA

1

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PESURUHJAYA**

Kami, **Dato' A. Aziz Bin A. Rahim**, dan **Dato' Sabariah Binti Hassan** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Pesuruhjaya **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| | |
|---|---|
| Bagi pihak Pesuruhjaya, | Bagi pihak Pesuruhjaya, |
| NAMA: A.AZIZ BIN A.RAHIM | NAMA: SABARIAH BINTI HASSAN |
| GELARAN: DATO' | GELARAN: DATO' |
| TARIKH: 9/4/2019 | TARIKH: 9/4/2019 |
| TEMPAT: PUTRAJAYA | TEMPAT: PUTRAJAYA |

2

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2018

| | NOTA | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa:** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 6 | 237,292 | 509,167 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | | 237,292 | 509,167 |
| **Aset Semasa:** | | | |
| Pembayaran Terdahulu | 7 | 107,966 | 8,500 |
| Tunai dan Baki di Bank | 8 | 970,825 | 725,871 |
| Simpanan Tetap | 9 | 3,000,000 | 2,000,000 |
| Jumlah Aset Semasa | | 4,078,791 | 2,734,371 |
| **Jumlah Aset** | | **4,316,083** | **3,243,538** |
| **Ekuiti:** | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 4,214,710 | 3,111,624 |
| Jumlah Ekuiti | | 4,214,710 | 3,111,624 |
| **Liabiliti Semasa:** | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 10 | 101,373 | 131,914 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | | 101,373 | 131,914 |
| **Jumlah Ekuiti dan Liabiliti** | | **4,316,083** | **3,243,538** |



Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## PENYATA PENDAPATAN

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | NOTA | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Geran Kerajaan | 11 | 8,024,700 | 7,078,700 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | 12 | | |
| Faedah Diterima | | 52,641 | 65,754 |
| Pendapatan Lain | | 1,289 | 7,693 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | **8,078,630** | **7,152,147** |
| **Tolak: BELANJA OPERASI** | | | |
| Kos Kakitangan | 13 | (4,494,562) | (4,732,863) |
| Pentadbiran dan Pengurusan | 14 | (2,156,877) | (2,715,423) |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 6 | (289,565) | (386,366) |
| **Jumlah Belanja Operasi** | | (6,941,004) | (7,834,652) |
| Kos Kewangan | 15 | (1,230) | (1,318) |
| **Lebihan/Kurangan Bersih Tahun Semasa** | | **1,136,396** | **(683,823)** |
| Cukai | 16 | (33,310) | - |
| **Lebihan/Kurangan Selepas Cukai** | | **1,103,086** | **(683,823)** |

4

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | **JUMLAH RM** |
|---|---|
| **Baki pada 1 Januari 2017** | 3,795,447 |
| Kurangan bersih tahun 2017 | (683,823) |
| **Baki pada 31 Disember 2017** | **3,111,624** |
| Lebihan bersih tahun semasa | 1,103,086 |
| **Baki pada 31 Disember 2018** | **4,214,710** |



Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi:** | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan bagi tahun semasa | 1,103,086 | (683,823) |
| **Pelarasan untuk:** | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 289,565 | 386,366 |
| Keuntungan Simpanan Tetap | (47,048) | (60,155) |
| **Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja** | 1,345,603 | (357,612) |
| Pengurangan / (Pertambahan) Pembayaran Terdahulu | (99,466) | - |
| Pertambahan/ (Pengurangan) Pelbagai Pemiutang | (30,541) | 99,977 |
| **Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi** | 1,215,596 | (257,635) |
| **Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan:** | | |
| Pembelian ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan | (17,690) | (97,684) |
| Keuntungan Simpanan Tetap | 47,048 | 60,155 |
| **Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan** | 29,358 | (37,529) |
| Pengurangan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai | 1,244,954 | (295,164) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari 2018 | 2,725,871 | 3,021,035 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember 2018** | **3,970,825** | **2,725,871** |

6

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## 1. MAKLUMAT UMUM

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Aktiviti utama Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- Menerima aduan salah laku dan menjalankan siasatan;
- Mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- Melindungi kepentingan orang awam daripada salah laku;
- Mengaudit dan memantau operasi serta tatacara agensi penguatkuasaan;
- Menggalakkan kesedaran dan pendidikan tentang integriti;
- Membantu merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan;
- Mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor;
- Membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan dan membuat syor; dan
- Melakukan semua perkara yang suai manfaat dan perlu untuk melaksanakan fungsi-fungsi di atas.

Alamat berdaftar dan pejabat operasi utama adalah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Aras 5 Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18 Persiaran Perdana Presint 2, 62652 Putrajaya.

Penyata Kewangan Suruhanjaya dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan untuk dikeluarkan oleh Suruhanjaya pada tarikh 09 April 2019 melalui Kertas Resolusi Secara Edaran Bil.1/2019.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 2. PEMATUHAN TERHADAP STANDARD PELAPORAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) berdasarkan arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui suratnya bilangan KK/BSBB (S) 10/16/03 JLD.9 (SK.1) (9) bertarikh 9 Disember 2016.

## 3. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi nilai saksama.

Pihak pengurusan perlu menggunakan pertimbangan, anggapan dan anggaran untuk menilai dan melaporkan jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun semasa serta melaporkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan pada tahun semasa.

Pertimbangan dan anggaran digunakan di dalam penilaian dan mungkin akan menyebabkan keputusan sebenar tidak selari dengan jumlah yang dilaporkan.

## 4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

### 4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan; dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada Kenderaan, Peralatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan, Peralatan Komputer, Perisian Komputer dan Peralatan Keselamatan di mana perolehan asalnya RM2,000 atau lebih setiap satu berkuatkuasa pada 10 Mac 2016 melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil.3 Tahun 2016 berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.1 (1PP) iaitu bidang Pengurusan Aset (AM).

Ianya dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atau rosotnilai harta jika ada. Susutnilai dikira sama rata berasaskan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Susutnilai dikira bermula pada bulan perolehan dalam sesuatu tahun sehingga tamat tempoh hayat penggunaannya. Sekiranya perolehan tersebut berlaku selepas 15hb pada bulan perolehan, maka susutnilai akan dikira bermula pada bulan berikutnya.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Kadar utama susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

| | Peratus<br>(%) | Jangka Hayat<br>(Tahun) |
|---|---|---|
| Kenderaan | 20 | 5 Tahun |
| Peralatan Pejabat | 20 | 5 Tahun |
| Perabot dan Kelengkapan | 20 | 5 Tahun |
| Peralatan Komputer | 20 | 5 Tahun |
| Peralatan Keselamatan | 20 | 5 Tahun |
| Perisian Komputer | 33.33 | 3 Tahun |

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, nilai sisa, jangka hayat guna dan kaedah susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan disemak semula untuk kewajaran. Sebarang perubahan dalam anggaran aset diselaraskan secara prospektif kepada jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

**4.2 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Suruhanjaya menggunakan kaedah tidak langsung bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai di tangan, di bank dan simpanan tetap.

**4.3 Pelbagai Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

**4.4 Peruntukan Liabiliti**

Peruntukan Liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

**4.5 Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan adalah terdiri daripada baki tunai dan di bank. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Suruhanjaya bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan dan risiko aliran tunai.

b) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan diambil kira untuk memastikan kecairan tunai, memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.

c) Risiko Aliran Tunai

Aliran tunai Suruhanjaya adalah mencukupi bagi tujuan pembangunan dan pengurusan.

**4.6 Pengiktirafan Pendapatan**

Sumber pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada terimaan Geran Mengurus daripada Kerajaan, pendapatan faedah atas simpanan tetap dan pendapatan faedah atas simpanan semasa. Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut:

a) Pendapatan Geran Kerajaan
Pendapatan Geran Kerajaan diiktiraf apabila hak menerima geran dikenalpasti.

b) Pendapatan Faedah
Pendapatan faedah diiktiraf apabila faedah diterima.

Pendapatan lain Suruhanjaya terdiri daripada bayaran balik perubatan bukan tahun semasa, bayaran balik tuntutan perjalanan terlebih bayar bukan tahun semasa dan lain-lain terimaan.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 4.7 Manfaat Kakitangan

a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit, bonus dan manfaat-manfaat bukan kewangan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan tersebut kepada Suruhanjaya.

b) Manfaat selepas tamat perkhidmatan

Suruhanjaya mempunyai skim yang dikenali sebagai sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

i. Sumbangan kepada KWSP dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

Suruhanjaya membuat sumbangan kepada KWSP dan diakaunkan dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan tahun perkhidmatan. Suruhanjaya tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat. Suruhanjaya turut mempunyai skim dana persaraan yang dibuat bagi semua kakitangan Suruhanjaya yang layak dan disahkan jawatan.

c) Manfaat pekerja bagi Award Gantian Cuti Rehat

Suruhanjaya melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 12 Tahun 2018 telah meluluskan penetapan manfaat pekerja berkaitan faedah persaraan yang melibatkan bayaran gantian cuti rehat (GCR) dengan kriteria-kriteria penetapan bagi tujuan pengiraan peruntukan tahunan adalah seperti berikut:

i. Jumlah GCR adalah berjumlah 150 hari; dan
ii. Kebarangkalian memilih bersara pilihan selaras dengan syarat yang telah ditetapkan dalam Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980.

Mesyuarat juga meluluskan peruntukan manfaat pekerja sebenar tertakluk kepada jumlah cuti rehat yang terkumpul mengikut tahun semasa dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

5.1 Suruhanjaya tidak mempunyai pertimbangan dan anggapan yang menyebabkan penyediaan penyata kewangan tidak munasabah.

### 5.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Perkara yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting adalah dalam mengukur (a) peruntukan; dan (b) susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan.

(a) Penilaian Peruntukan

Suruhanjaya menggunakan anggaran terbaik sebagai dasar penilaian peruntukan. Pihak pengurusan menilai berdasarkan pengalaman, isu semasa dan isu akan datang dengan kemungkinan munasabah yang berlaku.

(b) Susutnilai

Setiap kos Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilai dengan kaedah garis lurus yang menunjukkan manfaat ekonomi hayat aset tersebut. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa.

Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi Hartanah, Loji dan Peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian pada masa pelupusan.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| **2018** | KENDERAAN | PERALATAN PEJABAT | PERABOT & KELENGKAPAN | PERALATAN KOMPUTER | PERISIAN KOMPUTER | PERALATAN KESELAMATAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 1,110,199 | 525,715 | 16,680 | 257,430 | 80,228 | 88,806 | 2,079,058 |
| Penambahan | - | 17,690 | - | - | - | - | 17,690 |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 1,110,199 | 543,405 | 16,680 | 257,430 | 80,228 | 88,806 | 2,096,748 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 869,486 | 394,527 | 11,513 | 169,521 | 80,199 | 44,645 | 1,569,891 |
| Susutnilai | 173,844 | 48,239 | 2,888 | 46,833 | - | 17,761 | 289,565 |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 1,043,330 | 442,766 | 14,401 | 216,354 | 80,199 | 62,406 | 1,859,456 |
| **Nilai Buku Bersih** | **66,869** | **100,639** | **2,279** | **41,076** | **29** | **26,400** | **237,292** |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

| | KENDERAAN | PERALATAN PEJABAT | PERABOT & KELENGKAPAN | PERALATAN KOMPUTER | PERISIAN KOMPUTER | PERALATAN KESELAMATAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2017** | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 1,110,199 | 436,971 | 16,680 | 257,430 | 80,228 | 79,866 | 1,981,374 |
| Penambahan | - | 88,744 | - | - | - | 8,940 | 97,684 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 1,110,199 | 525,715 | 16,680 | 257,430 | 80,228 | 88,806 | 2,079,058 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 647,446 | 303,007 | 8,177 | 118,184 | 79,082 | 27,629 | 1,183,525 |
| Susutnilai | 222,040 | 91,520 | 3,336 | 51,337 | 1,117 | 17,016 | 386,366 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | 869,486 | 394,527 | 11,513 | 169,521 | 80,199 | 44,645 | 1,569,891 |
| **Nilai Buku Bersih** | **240,713** | **131,188** | **5,167** | **87,909** | **29** | **44,161** | **509,167** |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 7. PEMBAYARAN TERDAHULU

Pembayaran terdahulu yang dinyatakan adalah nilai deposit bagi langganan perkhidmatan Sistem Tol Automatik (Touch & Go) dan pendahuluan emolumen bagi Pegawai Pinjaman yang telah tamat tempoh kontrak di Suruhanjaya ini.

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Deposit Touch & Go | 8,500 | 8,500 |
| Pendahuluan | 99,466 | - |
| | 107,966 | 8,500 |

## 8. TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Baki tunai di bank | 969,825 | 724,871 |
| Baki tunai di tangan | 1,000 | 1,000 |
| | 970,825 | 725,871 |

## 9. SIMPANAN TETAP

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Bank Rakyat | - | 2,000,000 |
| Bank Simpanan Nasional | 3,000,000 | - |
| | 3,000,000 | 2,000,000 |

## 10. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Pelbagai Pemiutang | 18,887 | 23,539 |
| Peruntukan Yuran Audit | 13,717 | 10,910 |
| Peruntukan Manfaat Gantian Cuti Rehat | 54,300 | - |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

| | | |
|---|---|---|
| Elaun Pelajar Praktikal Terakru | - | 285 |
| Tuntutan Perubatan Terakru | 2,042 | 5,316 |
| Tuntutan Perjalanan Terakru | 1,930 | 2,182 |
| Tuntutan Perjalanan Pesuruhjaya Terakru | 2,298 | - |
| Perbelanjaan Telefon Kakitangan Terakru | 450 | 1,248 |
| Gaji Pekerja Sambilan Harian (PSH) Terakru | 4,802 | 9,201 |
| KWSP PSH-Caruman Pekerja Terakru | 598 | 827 |
| KWSP PSH-Caruman Majikan Terakru | 707 | 1,208 |
| Faedah Kewangan | 750 | 1,093 |
| Bayaran Bantuan Khas 2017-Tetap | - | 74,500 |
| Bayaran Bantuan Khas 2017-Kontrak | - | 1,000 |
| Tuntutan Lebih Masa Pemandu Pengerusi | 872 | 605 |
| Tuntutan Elaun Pemandu | 20 | - |
| | 101,373 | 131,914 |

## 11. GERAN KERAJAAN

| Peruntukan Disalurkan | Terima Peruntukan | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|---|
| Suku Tahun Pertama | 23 Jan 2018 | 1,769,675 | 1,769,675 |
| Suku Tahun Kedua | 11 Apr 2018 | 1,769,675 | 1,769,675 |
| Suku Tahun Ketiga | 12 Sept 2018 | 1,769,675 | 1,769,675 |
| Suku Tahun Keempat | 29 Okt 2018 | 1,769,675 | 1,769,675 |
| **Peruntukan Tambahan** | | | |
| Suku Tahun Keempat | 14 Nov 2018 | 946,000 | - |
| | | 8,024,700 | 7,078,700 |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 12. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Lain-lain pendapatan Suruhanjaya diperolehi daripada faedah simpanan tetap, faedah akaun semasa di bank tempatan yang diiktiraf berdasarkan kadar semasa yang telah ditetapkan dan pendapatan lain. Butiran terperinci seperti berikut:

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---:|---:|
| Faedah Simpanan Tetap | 47,048 | 60,155 |
| Faedah Akaun Semasa | 5,593 | 5,599 |
| Pendapatan Lain | 1,289 | 7,693 |
| | 53,930 | 73,447 |

## 13. KOS KAKITANGAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---:|---:|
| Upah, Gaji dan Bonus | 3,829,105 | 3,980,220 |
| Sumbangan Berkanun | 612,475 | 642,814 |
| Pakaian Seragam | 14,495 | 28,504 |
| Latihan dan Kursus | 38,487 | 81,325 |
| | 4,494,562 | 4,732,863 |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 14. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Pesuruhjaya | 909,470 | 1,056,501 |
| Tuntutan Perjalanan Kakitangan | 65,767 | 152,463 |
| Penginapan dan Kemudahan | 66,257 | 203,987 |
| Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran | 74,614 | 92,811 |
| Kemudahan Pos | 10,405 | 11,438 |
| Alatulis dan Percetakan | 71,197 | 91,910 |
| Perbelanjaan Mesyuarat | 52,160 | 72,066 |
| Perbelanjaan Pejabat | 67,976 | 168,980 |
| Perbelanjaan Am | 330,534 | 267,012 |
| Perbelanjaan Kakitangan Kontrak | 39,375 | 29,522 |
| Perbelanjaan Utiliti | 4,369 | 5,308 |
| Yuran Langganan Perkhidmatan | 42,356 | 78,131 |
| Yuran Audit | 13,717 | 10,910 |
| Barangan Promosi | 55,706 | 42,520 |
| Langganan Buku/Majalah | 7,690 | 7,637 |
| Belanja Petrol dan Tol | 64,290 | 92,925 |
| Penyelenggaraan Kenderaan | 63,091 | 64,944 |
| Penyelenggaraan Peralatan Pejabat | 45,325 | 120,192 |
| Sewaan | 73,393 | 84,465 |
| Gantian Cuti Rehat | 78,447 | - |
| Cukai Perkhidmatan Kerajaan | 20,738 | 61,701 |
| | 2,156,877 | 2,715,423 |

## 15. KOS KEWANGAN

Kos Kewangan Suruhanjaya terdiri daripada bayaran perkhidmatan daripada bank-bank tempatan yang diiktiraf.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

## 16. CUKAI

Suruhanjaya tidak memperuntukkan cukai pendapatan semenjak ditubuhkan iaitu bermula dari tahun 2013. Suruhanjaya ini telah mengemukakan surat permohonan pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat No.Rujukan:EAIC.400-12/3/1(24) bertarikh 27 Mac 2018, walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak diluluskan berdasarkan surat maklumbalas dari MOF No.Rujukan (8.09)248/40/7-2265(5) bertarikh 19 Julai 2018.

Cukai Pendapatan yang telah dibayar oleh Suruhanjaya bagi tahun 2017 berjumlah RM19,390 termasuk bayaran penalti dan 2018 berjumlah RM13,920.

Suruhanjaya juga turut mengemukakan permohonan pengecualian cukai pendapatan bagi tahun 2013 hingga 2016 kepada MOF melalui surat No. Rujukan:EAIC.400-1/4/1 (17) bertarikh 14 September 2018 dan masih dalam tindakan pihak MOF.

## 17. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun 2018 adalah 73 orang (2017:77).

## 18. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya dianggotai oleh 7 orang Pesuruhjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 5 orang Pesuruhjaya. Walau bagaimanapun melalui surat IN(S)3/22 Jld.20 (65) bertarikh 27 Ogos 2018, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan peletakan jawatan Timbalan Pengerusi berkuat kuasa 25 Julai 2018.

Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Suruhanjaya secara terus atau sebaliknya. Jumlah manfaat Pesuruhjaya sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Elaun Pesuruhjaya | 909,470 | 1,056,501 |

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA

03-8880 5650 - talian am
03-8880 5651 / 5627 / 5625 - talian aduan

aduan@eaic.gov.my

www.eaic.gov.my

eaicofficial